



IJM CORPORATION BERHAD

(104131-A)

laporan tahunan '10

menempuh arus



KANDUNGAN

RANGKA KERJA & KOMITMEN

- 04 Piagam IJM
- 04 Penyata Wawasan, Misi dan Budaya Kami
- 06 Profil Korporat
- 08 Struktur Kumpulan
- 10 IJM dalam Tajuk Berita
- 11 Diari Korporat

ORGANISASI & PENGEMUDIAN

- 20 Carta Organisasi Kumpulan
- 22 Lembaga Pengarah & Setiausaha
- 24 Profil Para Pengarah
- 30 Profil Pengurusan Kanan

RINGKASAN MAKLUMAT PEMEGANG SAHAM

- 36 Sorotan Kewangan Kumpulan
- 37 Prestasi Suku Tahun 2009/10 Kumpulan
- 38 Penyata Nilai Ditambah & Pengagihan
- 39 Maklumat untuk Pelabur-Pelabur
- 41 Analisis Pemegangan Saham & Pemegangan Waran
- 49 Pekerja & Produktiviti

KAJIAN & LAPORAN PERNIAGAAN

- 52 Penyata Pengerusi
- 58 Ulasan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif
- 84 Penyata Urus Tadbir Korporat
- 94 Laporan Jawatankuasa Audit
- 98 Penyata Kawalan Dalaman
- 102 Laporan Kualiti
- 104 Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

- 117 Pasaran
- 120 Alam Sekitar
- 122 Masyarakat
- 126 Tempat Kerja

PENYATA KEWANGAN & LAIN-LAIN

- 132 Penyata Kewangan
- 264 Senarai 10 Harta Teratas
- 266 Bayaran Dividen Elektronik
- 267 Notis Mesyuarat Agung Tahunan
- 269 Borang Proksi
- 271 Informasi Korporat

Di pertengahan lautan cabaran ekonomi global, Kumpulan IJM kekal kukuh dan tertumpu untuk menghasilkan pertumbuhan yang berterusan dan keberuntungan mapan kepada pemegang-pemegang pelbagai kepentingan kami. Melalui daya tahan, kekompetenan teras dan wawasan strategik kami, Kumpulan dapat mengatasi ombak kemeruapan dan ketidakpastian untuk mempamerkan prestasi agak baik bagi tahun kewangan.



Didorong oleh komitmen, kami terus maju ke hadapan ke arah matlamat jangka panjang, kemapanan dan meningkatkan nilai pemegang saham, serta memecut momentum kami untuk memanfaatkan peluang-peluang baru yang muncul. Ini menandakan penempuan arus bagi Kumpulan ke arah masa hadapan yang lebih baik.

A photograph of a person walking along a sandy beach at sunset. The sky is filled with dramatic, colorful clouds in shades of orange, pink, and purple. The ocean waves are visible in the background. A solid blue horizontal bar is positioned at the bottom of the image.


Ke arah peluang-peluang
yang muncul...

A wide-angle photograph of a sunset over a calm sea. The sky is filled with dramatic, orange and yellow clouds. In the distance, several small, dark islands or rock formations are visible on the horizon. The water in the foreground has a warm, golden glow from the setting sun.

Pemulihan adalah jelas namun tidak seimbang dalam semua pasaran. Apabila imbalan dan kestabilan mula kembali untuk memulihkan kemelesetan global, peluang terbuka luas akan jelas kelihatan kepada perniagaan yang kekal mempunyai kedudukan teguh.

Rangka Kerja & Komitmen

- 04 Piagam IJM
- 04 Penyata Wawasan, Misi dan Budaya Kami
- 06 Profil Korporat
- 08 Struktur Kumpulan
- 10 IJM dalam Tajuk Berita
- 11 Diari Korporat



Piagam IJM

Polisi dan tatacara
perniagaan kami terus dipandu
oleh komitmen yang kukuh
ke arah...

- Produk & Perkhidmatan Berkualiti
- Hubungan Klien Amanah
- Keselamatan, Kesihatan & Alam Sekitar
- Kebajikan Kakitangan
- Tanggungjawab Sosial
- Pentadbiran Korporat yang Baik
- Memaksimumkan Pulangan Pemegang Pelbagai Kepentingan
- Pengurusan Beretika

Penyata Wawasan Kami

Untuk menjadi jurubina Malaysia bagi projek-projek infrastruktur dan bangunan bertaraf dunia yang berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Penyata Misi Kami

Untuk terus memberikan standard prestasi tertinggi dalam semua usaha niaga kami dengan Mercu Kecemerlangan IJM.



Penyata Budaya Kami

Kami berusaha untuk:

- mendukung standard keprofesionalan tertinggi dan pentadbiran korporat contoh untuk memaksimumkan manfaat bagi semua pemegang kepentingan;
- menghormati pelbagai budaya, jantina, agama, hak asasi manusia dan maruah semua pemegang pelbagai kepentingan kami;
- memastikan kualiti produk dan perkhidmatan kami melangkaui jangkaan pelanggan-pelanggan kami;
- mewujudkan suasana yang kondusif bagi semangat berpasukan di kalangan kakitangan kami untuk berusaha ke arah tenaga kerja yang bersatu padu; dan
- menjadi warga korporat yang bertanggungjawab dan dihormati dengan keprihatian terhadap isu-isu sosial, keselamatan, kesihatan dan alam sekitar.

PROFIL KORPORAT

IJM ADALAH SALAH SATU DARIPADA KUMPULAN PEMBINAAN TERKEMUKA DI MALAYSIA DAN TERSENARAI PADA PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD. KEGIATAN PERNIAGAAN TERASNYA MERANGKUMI PEMBINAAN, PEMBANGUNAN HARTANAH, PENGILANGAN DAN PENGUARIAN, KONSESI INFRASTRUKTUR DAN PERLADANGAN.

BERIBU PEJABAT DI SELANGOR, MALAYSIA, ASPIRASI SERANTAU IJM TELAH MENYAKSIKAN KEHADIRANNYA YANG SEMAKIN MANTAP DALAM PASARAN-PASARAN MEMBANGUN BERHAMPIRAN DENGAN OPERASI YANG PADA MASA INI MELIPUTI 11 BUAH NEGARA, DENGAN TUMPUAN UTAMA DI MALAYSIA, INDIA, EMIRIAH ARAB BERSATU, CHINA DAN INDONESIA.

PERTUMBUHAN LUAR BIASA IJM SEPANJANG LEBIH DUA SETENGAH DEKAD YANG LEPAS ADALAH HASIL DARIPADA TUMPUAN TEGUHNYA KE ATAS KEKOMPETENAN TERASNYA, PEMPELBAGAIAN KE DALAM PERNIAGAAN BERKAITAN SECARA STRATEGIK DAN PENGEMBANGAN TERPILIH KE DALAM PASARAN-PASARAN BARU.



Indeks Urus Tadbir Korporat Malaysia
(Anugerah Merit) tahun 2009



Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan
Malaysia - Kontraktor Terbaik 2009



Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA
(Pembinaan dan Infrastruktur) 2009

Rekod prestasi IJM yang cemerlang telah diperakui dan telah diberi pengiktirafan dengan beberapa anugerah. Anugerah-anugerah yang diterima baru-baru ini termasuk:

- Anugerah Kontraktor Antarabangsa Malaysia Tahun 2000 dan 2005
- Anugerah Jurubina Malaysia Tahun 2001 dan 2002
- Anugerah Projek dalam Kategori Bangunan Utama tahun 2003 dan Projek Mahir Utama tahun 2004
- Anugerah Kecemerlangan MITI bagi Eksport Perkhidmatan tahun 2003 dan 2007
- Anugerah Kecemerlangan Kejuruteraan Jalan Raya tahun 2004
- Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (Pencapaian Antarabangsa) tahun 2001, 2006, 2007 dan 2009
- Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia - Kontraktor Terbaik 2009

Budaya profesionalisme, prestasi dan urus tadbir Syarikat yang baik serta mengambil berat ke atas masyarakat dan alam sekitar juga menyaksikannya dianugerahkan dengan:

- Anugerah Sulung Urus Tadbir Korporat Perniagaan Malaysia tahun 2002
- Anugerah Merit Korporat BSKL (Sektor Pembinaan) tahun 2001, 2002 dan 2003
- Anugerah Asia Money Best Managed Company (Modal Sederhana) di Malaysia tahun 2006
- Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA (Pembinaan dan Infrastruktur) tahun 2003, 2004, 2006, 2007, 2008 dan 2009
- Laporan Kajian Urus Tadbir Korporat 200 PLC Teratas tahun 2006 (Tempat Kesembilan)
- Anugerah Pelaporan Alam Sekitar dan Sosial Malaysia ACCA tahun 2006 (Pemenang Tempat Kedua dalam Pelaporan Sosial Terbaik)
- Anugerah CSR Perdana Menteri (Kategori Alam Sekitar) tahun 2007
- Anugerah Pingat Emas bagi Kecemerlangan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negara tahun 2007
- Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (Anugerah Pengumuman Khas Amalan Terbaik Alam Sekitar) tahun 2008
- Indeks Urus Tadbir Korporat Malaysia (Anugerah Merit) tahun 2009

Hasil penggabungan antara tiga buah syarikat pembinaan tempatan bersaiz sederhana - IGB Construction Sdn Bhd, Jurutama Sdn Bhd dan Mudajaya Sdn Bhd, IJM telah ditubuhkan pada tahun 1983 untuk bersaing dengan lebih berkesan terhadap pesaing-pesaing asing yang lebih besar. Syarikat dengan pantas telah mula memantapkan dirinya sebagai kumpulan pembinaan yang diurus secara profesional dan telah berjaya mendapat penerimaan pasaran dengan cepat. Sepanjang beberapa tahun, Syarikat secara progresif telah membina keupayaan penyerahan, kehandalan daya saing dan keupayaan kewangannya untuk mengukuhkan asasnya sebagai kontraktor tempatan yang bereputasi baik.

Pada April 2007, IJM telah bergabung dengan Kumpulan Road Builder ("RBH"), pesaing terdekatnya, untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai salah satu daripada jurubina terbesar di negara ini. Selain daripada mengukuhkan buku tempahan pembinaan, simpanan tanah harta tanah dan portfolio infrastrukturnya, Kumpulan yang diperbesarkan ini membolehkan IJM meraih manfaat sinistik yang besar daripada penggabungan ini, kemunculan tempatan yang lebih masyhur serta memperoleh kunci kira-kira yang lebih besar untuk membida tugas-tugas yang lebih besar dan memudahkan pengembangannya ke dalam pasaran luar negeri.


Usaha niaga IJM sebagai pemaju harta tanah bermula sebagai kemajuan semula jadi berdasarkan pengalamannya dalam perniagaan pembinaan. Cabang harta tanah Kumpulan sejak itu telah berkembang dengan agak pesat. Disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Securities, IJM Land Berhad pada masa ini merupakan salah satu daripada pemaju harta tanah terbesar di Malaysia dengan perbandaran yang tersebar luas, bangunan komersial dan kondominium bertingkat tinggi di bawah pembangunan dalam bidang-bidang pertumbuhan utama di seluruh negara. Kumpulan juga telah membuat penembusan yang cukup bermakna sebagai pemaju bereputasi dalam pasaran India dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Selain daripada itu, ia juga telah menjalankan usaha niaga luar negara pada masa lepas seperti di Orlando USA, Singapura dan Australia.

Pada awalnya menyokong operasi pengilangan dan pengkuariannya dengan tempahan dalam Kumpulan, Bahagian Industri Kumpulan pantas mengembangkan operasinya ke dalam kegiatan teras berskala besar yang tertumpu pada permintaan dari luar Kumpulan. IJM terus mengembangkan operasinya dalam bahagian ini dengan pengambilalihan strategik seperti pengambilalihan Industrial Concrete Products Berhad pada tahun 2004 dan pemelbaagaian pasaran yang berjaya ke China, India dan Pakistan.

Mengambil peluang ke atas kepakaran pembinaannya, Kumpulan juga menyasarkan pelaburan infrastruktur untuk membina aliran pendapatan berulang jangka panjang. Kemajuan awal dalam aset-aset konsesi di Malaysia, walau bagaimanapun, ternyata sukar dan, oleh yang demikian tumpuan antarabangsa telah diterima pakai. Penglibatan IJM dalam skim penswastaan infrastruktur luar negeri (Bina-Kendali-Pindah) terbukti amat berjaya. Antara pelaburan-pelaburan semasa Kumpulan dalam projek-projek infrastruktur luar negeri utama adalah Western Access Tollway di Argentina, lima lebuh raya bertol dan loji kuasa Gautami di India, dan konsesi rawatan air Binh An di Vietnam. Di Malaysia, Kumpulan mengendalikan dua konsesi lebuh raya bandar dan dua konsesi pelabuhan daripada penggabungan RBH dan pada masa ini sedang membina satu jalan bertol. Kumpulan sebelum ini telah melabur dan memperoleh keuntungan daripada penjualan beberapa aset infrastruktur di China.

Kumpulan juga mempamerkan wawasan yang cukup bijak dengan mencebur sektor perladangan pada tahun 1985 sebagai sumber pendapatan teguh untuk menyerap kesan sifat kitaran perniagaan pembinaan terasnya. Sejak dari itu pelaburan ini telah mendatangkan hasil yang baik. Kini telah disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Securities, IJM Plantations Berhad telah menyumbang dengan ketara kepada perolehan Kumpulan sepanjang beberapa tahun dan juga telah memberikan Kumpulan daya tahan yang lebih baik dalam menempuh makro-ekonomi dan kos input yang tidak menentu. Ia pada masa ini meluaskan simpanan tanah perladangannya ke Indonesia.

Apabila IJM disenaraikan awam pada tahun 1986, ia mempunyai permodalan pasaran sebanyak RM66 juta dan jumlah aset sebanyak RM172 juta. Pada 31 Mac 2010, permodalan pasaran Kumpulan dan jumlah aset masing-masing berjumlah lebih kurang RM6.5 bilion dan RM12.6 bilion.



STRUKTUR KUMPULAN



**IJM
CORPORATION
BERHAD**
(104131-A)

Nota: Syarikat-syarikat tidak beroperasi atau lengai tidak dimasukkan

↗ Anak syarikat langsung/syarikat bersekutu/entiti kawalan bersama IJM Corporation Berhad

■ Anak-anak Syarikat

■ Syarikat Bersekutu

■ Entiti Kawalan Bersama

↗ Anak syarikat langsung/syarikat bersekutu Road Builder (M) Holdings Bhd

39% anak syarikat Styrobuilt Sdn Bhd,
X anak syarikat milik penuh IJM Corporation Berhad

Anak syarikat langsung / entiti kawalan bersama IJM (India) Infrastructure Limited, anak syarikat IJMII (Mauritius) Limited

! Entiti kawalan bersama langsung IJM Vijayawada (Mauritius) Limited

& Anak syarikat langsung IJMII (Mauritius) Limited, anak syarikat IJM Investments (M) Limited

\$ Syarikat bersekutu IJM International Limited

Anak syarikat milik penuh RB Port Sdn Bhd,
▲ anak syarikat milik penuh Road Builder (M) Holdings Bhd

Syarikat bersekutu IEMCEE Infra (Mauritius) Limited

* Syarikat bersekutu IJMII (Mauritius) Limited

H Syarikat bersekutu KP Port Services Sdn Bhd

Entiti kawalan bersama langsung IJM Plantations (Mauritius) Limited, anak syarikat milik penuh

% IJMP Investments (M) Limited, yang dimiliki sepenuhnya oleh IJM Plantations Berhad

○ Entiti kawalan bersama langsung IJM Trichy (Mauritius) Limited

Anak syarikat langsung RB Manufacturing
♦ Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh IJM Corporation Berhad



PEMBINAAN

↗ IJM Construction Sdn Bhd

- Road Builder (M) Sdn Bhd
 - Commerce House Sdn Bhd
 - IJM Building Systems Sdn Bhd
 - IJM Construction International Limited Liability Company
 - IJM Investments J. A. Limited
 - IJM Gulf Limited
 - IJM Gulf Pakistan (Pvt) Limited
 - IM Technologies Pakistan (Private) Limited
 - Karachi Expressway J. A. Limited
 - Insitu Envirotech Pte Ltd
 - Ground Envirotech (M) Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Insitu Envirotech (M) Sdn Bhd)
 - Jurutama Sdn Bhd
 - Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd
 - CSC Ground Engineering Sdn Bhd
 - Hexacon Construction Pte Limited
 - Integrated Water Services (M) Sdn Bhd
 - Highway Master Sdn Bhd
- Ambang Usaha Sdn Bhd
- ECC-IJM Joint Venture
- Hafeera-IJM Joint Venture
- IJMC-Liberty Properties Joint Venture
- IJMC-Norwest Joint Venture
- IJMC-Peremba Joint Venture
- IJMC-Perkasa Sutera Joint Venture
- IJMC-Puncabahan Joint Venture
- IJMC-Teratai Joint Venture
- ISZL Consortium

↗ IJM Construction (Middle East) Limited Liability Company

↗ Nilai Cipta Sdn Bhd

- IJM (India) Infrastructure Limited &
• IJM (India) Geotechniques Private Limited



HARTANAH

↗ IJM Land Berhad

- IJM Properties Sdn Bhd
 - Aqua Aspect Sdn Bhd
 - Chen Yu Land Sdn Bhd
 - Cypress Potential Sdn Bhd
 - IJM Management Services Sdn Bhd
 - Jelutong Development Sdn Bhd
 - Liberty Heritage (M) Sdn Bhd
 - Manda'rina (M) Sdn Bhd
 - NS Central Market Sdn Bhd
 - Sinaran Intisari (M) Sdn Bhd
 - Suria Bistari Development Sdn Bhd
 - Worldwide Ventures Sdn Bhd
- RB Land Sdn Bhd
 - Aras Varia Sdn Bhd
 - Casa Warna Sdn Bhd
 - Dian Warna Sdn Bhd
 - RB Property Management Sdn Bhd
 - Seremban Two Holdings Sdn Bhd
 - Seremban Two Properties Sdn Bhd
 - Seremban Two Property Management Sdn Bhd
 - Shah Alam 2 Sdn Bhd
 - Titian Tegas Sdn Bhd
 - Tarikan Abadi Sdn Bhd
 - Unggul Senja Sdn Bhd
- Delta Awana Sdn Bhd
- Emko Properties Sdn Bhd
 - Emko Management Services Sdn Bhd
- ERMS Berhad
 - Holiday Villa Management Sdn Bhd
- RB Development Sdn Bhd
- Astaka Tegas Sdn Bhd
- Cekap Tropikal Sdn Bhd
- Elegan Pesona Sdn Bhd
- Good Debut Sdn Bhd
- IJM Management Services-Giat Bernas Joint Venture
- IJM Properties-JA Manan Development Joint Venture
- LCL-IJMII International Interiors @ Private Limited
 - Radiant Pillar Sdn Bhd
 - Sierra Selayang Sdn Bhd
 - Sierra Ukay Sdn Bhd
 - Valencia Terrace Sdn Bhd
 - Larut Leisure Enterprise (Hong Kong) Limited


↗ IJM Australia Pty Limited

- IJM Lingamaneni Township Private Limited @
Swarnandhra-IJMII Integrated Township @ Development Company Private Limited
- OSW Properties Pty Limited \$


↗ NPE Property Development Sdn Bhd



INDUSTRI



PERLADANGAN



INFRASTRUKTUR & LAIN-LAIN

↗ **Industrial Concrete Products Sdn Bhd** (dahulunya dikenali sebagai Industrial Concrete Products Berhad)

- Durabon Sdn Bhd
- Expedient Resources Sdn Bhd
 - Tadmansori Rubber Industries Sdn Bhd
- ICP Investments (L) Limited
 - ICPB (Mauritius) Limited
 - IJM Concrete Products Private Limited
 - IJM Steel Products Private Limited
 - ICP Jiangmen Co. Ltd
 - ICP Marketing Sdn Bhd
- Malaysian Rock Products Sdn Bhd
 - Aggregate Marketing Sdn Bhd
 - Azam Ekuiti Sdn Bhd
 - IJM Concrete Private Limited
 - IJM Concrete Pakistan
 - IJM Concrete Products Pakistan Private Limited
 - Kuang Rock Products Sdn Bhd
 - Oriental Empire Sdn Bhd
 - Scaffold Master Sdn Bhd
 - Strong Mixed Concrete Sdn Bhd

↗ **Kamad Quarry Sdn Bhd**

↗ **Kemena Industries Sdn Bhd**

↗ **Cofreth (M) Sdn Bhd**
Metech Group Berhad
Spirolite (M) Sdn Bhd

↗ **IJM Plantations Berhad** ☒

- Akrab Perkasa Sdn Bhd
- Ampas Maju Sdn Bhd
- Berakan Maju Sdn Bhd
- Desa Talisai Palm Oil Mill Sdn Bhd
- Desa Talisai Sdn Bhd
- Excellent Challenger (M) Sdn Bhd
- Gapas Mewah Sdn Bhd
- Golden Grip Sdn Bhd
- Gunaria Sdn Bhd
 - PT Sinergi Agro Industri
- IJM Agri Services Sdn Bhd
- IJM Edible Oils Sdn Bhd
- IJMP Investments (M) Limited
 - IJM Plantations (Mauritius) Limited
- Kulim Mewah Sdn Bhd
- Laserline Sdn Bhd
- Minat Teguh Sdn Bhd
 - PT Primabahagia Permai
- Rakanan Jaya Sdn Bhd
- Rantajasa Sdn Bhd
- Ratus Sempurna Sdn Bhd
- Sabang Mills Sdn Bhd
- Sijas Plantations Sdn Bhd
- Sri Kilau Sdn Bhd
- Loongsyn Sdn Bhd
- Godrej IJM Palm Oil Limited ☷

↗ **Road Builder (M) Holdings Bhd**

- ↗ Besraya (M) Sdn Bhd
- ↗ New Pantai Expressway Sdn Bhd
- ↗ Kuantan Port Consortium Sdn Bhd
 - KP Port Services Sdn Bhd
 - KPN Services Sdn Bhd
- Sukma Samudra Sdn Bhd ☐

↗ **Konsortium Pelabuhan Kemaman Sdn Bhd**
KP Depot Services Sdn Bhd ☐

↗ **IJM Investments (M) Limited**

- IEMCEE Infra (Mauritius) Limited
- IJMII (Mauritius) Limited
 - Roadstar (India) Infrastructure @ Private Limited
 - Swarnandhra Road Care Private @ Limited
- IJM Rajasthan (Mauritius) Limited
 - Jaipur-Mahua Tollway Private Limited
- IJM Rewa (Mauritius) Limited
 - Rewa Tollway Private Limited
- IJM Trichy (Mauritius) Limited
- IJM Vijayawada (Mauritius) Limited
 - Gautami Power Private Limited #
 - Swarna Tollway Pte Ltd *

↗ **IJM International Limited**

↗ **IJM Investments (L) Ltd**

↗ **IJM Highway Services Sdn Bhd**
(dahulunya dikenali sebagai RB Highway Services Sdn Bhd)

↗ **Kuching Riverine Resort Management Sdn Bhd**

↗ **CIDB Inventures Sdn Bhd**
Emas Utilities Corporation Sdn Bhd
Grupo Concesionario del Oeste S. A.
Kumpulan Europlus Berhad

↗ **Lebuhraya Kajang-Seremban Sdn Bhd**
Trichy Tollway Private Limited ☐
Vijayawada Tollway Private Limited ☐

IJM DALAM TAJUK BERITA

Apa pun persekitaran perniagaan, IJM tekad mengejar peluang-peluang baru. Pada 2009 Kumpulan terus menjadi tajuk-tajuk berita yang dinamik yang menunjukkan komitmen yang tidak goyah kepada pertumbuhan.

Green plans for IJM's The Light



By DAVID TAN
IJM Corp Bhd's unit IJM Construction Sdn Bhd has bagged two contracts worth RM294.2 million for the

IJM expects to keep order book above RM4b



IJMP to raise RM336m via cash call

IJM Land eyes RM250mil sales from new home ownership plan

IJM JV gets RM303m job in Abu Dhabi

IJM proposes RM700m CP/MTN, plus warrants issue

IJM hopes to secure more Indian highway contracts

IJM Land to launch some 20 projects worth RM1b

IJM Plantations to end buying spree, focus on planting

IJM's share price performs well, up to 10%

UM unit bags 2 jobs

Um Corp Bhd's unit Um Construction Sdn Bhd has bagged two contracts worth RM294.2 million for the

IJM, partners win water transfer job



Another site in the RM1 billion Sunway Lagoon project

Brisk sales for IJM's condo

By DAVID TAN
IJM Corp Bhd's unit IJM Construction Sdn Bhd

IJM's Tan ready to pass the baton

Learning Curve Awards

Recognising effort, not just excellence

BOARDROOM

IJM to benefit from construction job in S'pore

LEARNING CURVE AWARDS

IJM to benefit from construction job in S'pore

IJM's share price performs well, up to 10%

Learning Curve Awards

DIARI KORPORAT 09-10

APRIL '09

1

Pelancaran 'My Space Plan'

IJM Land Berhad ("IJM Land") telah melancarkan satu pelan pemilikan rumah yang inovatif untuk membantu pembeli membeli hartaanah IJM yang melengkapi bajet mereka sambil menikmati bayaran muka yang lebih rendah, rebat tunai, kadar faedah yang rendah, 0% faedah semasa pembinaan dan insentif-insentif lain.

MEI '09

7

Tawaran Waran IJM Land kepada Kakitangan yang Layak

Sejumlah 60 juta waran IJM Land telah ditawarkan kepada kakitangan IJM dan anak-anak syarikatnya yang layak pada harga RM0.302 setiap waran.



17

Program Penyelia Bangunan

Program kerjasama dengan Holmesglen Institute of TAFE, Australia selama 15 bulan berakhir pada hari ini. Objektif utama program ini adalah untuk melengkapi para peserta dengan kemahiran dan pengetahuan berkaitan dengan industri pembinaan.

JUN '09

1

Deutsche Bank Non-deal Roadshow @ London

IJM bertemu dengan pemegang-pemegang saham sedia ada serta pelabur-pelabur institusi dalam mesyuarat satu dengan satu.

20 & 21

Acara Bersama LEKAS dan IJM Land @ Seremban 2

Seajar dengan pelancaran rumah contoh IJM Land di Seremban 2, LEKAS mengedarkan risalah mengenai lebuh rayanya dan memperkenalkan kad Touch 'n Go edisi khas oleh Bahagian Tol IJM. Lebih kurang 500 orang telah menghadiri acara yang dipenuhi dengan aktiviti permainan *Kiddie-Lympic* dan sesi 'Makan Cendol'.



JULAI '09

1

Invest Malaysia @ Kuala Lumpur

IJM mengambil bahagian dalam persidangan tahunan *Invest Malaysia*, dengan KPE & PU, Dato' Krishnan Tan menyampaikan pembentangan mengenai tinjauan perniagaan dan strategi operasi Kumpulan IJM.



16

Kempen Derma Darah @ Wisma IJM

Kempen derma darah diadakan dengan kerjasama Pusat Perubatan Universiti Malaya. 55 orang kakitangan menghadiri kempen tersebut.

OGOS '09



2

Pameran Makanan & Pesta Ria NASAM @ Petaling Jaya

IJM menyokong majlis kutipan tabung Persatuan Strok Kebangsaan Malaysia ("NASAM") buat tahun kedua yang dilaksanakan dengan membuka gerai ais-kacang dan BBQ.



3

Dialog Pengurusan Kanan @ Holiday Villa Hotel & Suites Subang

Lembaga Pengarah, pengurusan kanan dan pengurus projek telah menghadiri dialog tahunan bertemakan '*Keluar daripada Kemelesetan*' di mana prestasi syarikat dan bahagian, strategi operasi dan isu-isu lain dibentangkan dan dibincangkan secara menyeluruh.



7

Taklimat mengenai Indeks Urus Tadbir Korporat Malaysia @ Wisma IJM

KPE Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti, Cik Rita Benoy Bushon memberikan taklimat kepada semua Pengarah dan pengurusan IJM mengenai '*Indeks Urus Tadbir Korporat Malaysia*' dan '*Dasar Tindak Cergas Pemegang Saham dalam Waktu yang Mencabar*'.



11

Perlumbaan Edge-Bursa Malaysia Kuala Lumpur Rat Race 2009

IJM mengambil bahagian dalam perlumbaan yang meraih sejumlah RM1.75 juta bagi 20 pertubuhan amal dan mengekalkan kejuaraan kumpulan sorak buat dua tahun berturut-turut.



11

Anugerah Biasiswa IJM 2009 @ Holiday Villa Hotel & Suites Subang

IJM menyampaikan Anugerah Biasiswa kepada 20 orang penerima yang berbak pada tahun ini. Majlis ini juga menandakan pengijazahan 20 kakitangan untuk Sijil IV dalam Bangunan & Pembinaan daripada Holmesglen Institute of TAFE, Australia. 41 anak kakitangan juga menerima Anugerah Kecemerlangan Akademik.

OKTOBER '09

25

AGM @ Holiday Villa Hotel & Suites Subang

IJM mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya yang ke-25 dan pemegang-pemegang saham telah meluluskan resolusi untuk menerima penyata kewangan teraudit FY 2009 dan pelantikan semula para pengarah dan juruaudit, antara lainnya.



2

Perayaan Aidilfitri & Deepavali @ Wisma IJM

Kakitangan IJM telah diundang ke jamuan hidangan masakan Melayu dan India yang mewah, juadah dan manisan tradisional, dan persembahan tarian '1 Malaysia' untuk menyambut musim perayaan. Seramai 40 orang anak yatim dari San Pedro Orphanage dan Rumah Nur Hikmah juga telah dijemput ke majlis tersebut dan mereka telah menerima beg-beg cenderahati dan duit raya.



SEPTEMBER '09

23 & 24

Forum Pelabur CLSA Ke-16 @ Hong Kong

IJM telah membuat pembentangan kepada beberapa pelabur institusi selama 2 hari di Grand Hyatt Hotel.



25

Rig Minyak Pertama Berlabuh di Pelabuhan Kuantan @ Pahang

Pelabuhan Kuantan berjaya melabuhkan rig minyak pertamanya yang dirancang secara strategik dan dikemudikan secara selamat oleh juru pandu berpengalamannya. Sejumlah 4 rig minyak telah berlabuh di pelabuhan tahun ini sementara menunggu kontrak luar pesisir baru dan ia akan menjalani kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan hias.

7

IJM Plantations Mendermakan RM50,000 kepada Tabung Bantuan Padang

Dalam usaha membantu mangsa-mangsa gempa bumi Padang di Indonesia, IJM Plantations Berhad telah menyumbang RM50,000 kepada Tabung Bantuan Padang CIMB-The Star untuk membeli bekalan kecemasan serta-merta dan membiayai kerja-kerja pembinaan semula.



7

Perlawanan Sukan Mini 2009 @ Wisma IJM

Satu siri sukan seperti dart, karom dan ping pong telah dianjurkan bagi kakitangan IJM di Lembah Klang, sebagai sebahagian daripada kegiatan sukan KSIJM untuk menggalakkan setia kawan, semangat kesukuan dan gaya hidup sihat.

8

Pembukaan Rasmi Loji Siap Campur Ke-6 di India @ Mumbai, India

Loji Navi Mumbai, Loji Siap Campur Ke-6 Kumpulan di India telah dibuka secara rasmi oleh En. Harry Khor, KPE & PU Industrial Concrete Products Sdn Bhd. Satu majlis Pooja telah diadakan sehubungan dengan majlis tersebut dan disertai oleh vendor, pelanggan dan juga pesaing-pesaing.



8

Acara Jalan Kaki Diabetes SSL 2009 @ Puchong, Selangor

Selaras dengan Hari Diabetes Sedunia, IJM bekerjasama dengan pertubuhan tidak mementingkan keuntungan iaitu Pusat Penjagaan Diabetes Sau Seng Lam ("SSL") di Puchong, Selangor sebagai Penaja Emas dan penganjur bersama bagi acara jalan kaki suka ria sejauh 5km untuk mewujudkan kesedaran mengenai diabetes dan menggalakkan pencegahan awal. Lebih kurang 1,500 warga Malaysia yang prihatin terlibat dalam acara ini.

NOVEMBER '09



3

Seminar Bajet 2010 @ Wisma IJM

Satu seminar telah dibentangkan oleh PricewaterhouseCoopers untuk memastikan agar semua Pengarah dan kakitangan pengurusan dikemas kini mengenai Bajet dan Cukai Malaysia Terkini.

5 - 10

Invest Malaysia @ New York & London

IJM, berserta dengan tujuh syarikat saham mewah Malaysia lain, telah mengambil bahagian dalam persembahan kunjungan mini *Invest Malaysia 'reversed'* yang melibatkan pertemuan dengan pelabur-pelabur di New York dan London masing-masing selama 2 hari. Persembahan kunjungan yang tidak beruruskan dianjurkan secara bersama oleh Bursa Malaysia, JP Morgan dan UBS.



14 & 15

Ragbi 10s HSBC-COBRA Ke-40 @ Petaling Jaya

Dianjurkan oleh Persatuan Ragbi Gabungan Bekas-bekas Pelajar ("COBRA") Malaysia, IJM adalah penaja utama bagi perlawanan utama untuk menggalakkan sukan ragbi di Malaysia. 16 pasukan telah mengambil bahagian dalam acara ini termasuk enam pasukan asing (UK, Afrika Selatan, India, Iran, Australia dan Thailand) bersaing untuk merebut Piala Hui Weng Choon.

15 - 17**Lawatan Rasmi Pegawai Pelabuhan Maldives ke Pelabuhan Kuantan @ Pahang**

Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan Pelabuhan Maldives melawat Pelabuhan Kuantan untuk mengukuhkan perhubungan dan pertukaran pengetahuan mengenai operasi pelabuhan, perancangan strategik dan pembangunan pelabuhan. Satu Memorandum Persefahaman telah ditandatangani antara kedua-dua pelabuhan untuk mencapai objektif-objektif ini.

**DISEMBER '09****1****Anugerah Laporan Korporat Tahunan Negara ("NACRA") 2009 @ Kuala Lumpur**

Buat enam tahun berturut-turut, IJM telah memenangi Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA (kategori Syarikat Projek Pembinaan dan Infrastruktur) di Majlis Makan Malam & Anugerah NACRA 2009 yang diadakan di Pusat Konvensyen Sime Darby.

10**Anugerah Merit Indeks Urus Tadbir Korporat Malaysia 2009 @ Kuala Lumpur**

IJM telah menerima Anugerah Merit Indeks Urus Tadbir Korporat Malaysia 2009, yang dianjurkan oleh Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti di Hotel Nikko.

**16****Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia 2009 - Kontraktor Terbaik @ Kuala Lumpur**

IJM Construction Sdn Bhd telah dianugerahkan 'Kontraktor Terbaik' di majlis Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia ("MCIEA") 2009 di Pusat Konvensyen CIDB bagi kerja-kerjanya di Menara Bumiputra-Commerce, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.



JANUARI '10



4

Menteri Pengangkutan India Melawat Malaysia

KPE & PU kami, Dato' Krishnan Tan mengalu-alukan kedatangan Tuan Yang Terutama, En. Kamal Nath, Menteri bagi Pengangkutan Jalan dan Lebuh Raya India dan delegasi perniagaan beliau dalam lawatan rasmi 2 hari ke Malaysia atas jemputan Y.B. Dato' Shaziman Bin Hj. Abu Mansor, Menteri Kerja Raya, untuk mempereratkan lagi urusan ekonomi dan perdagangan termasuk sektor lebuh raya dan lebuh raya ekspres.



22 - 24

Pameran Hartanah Malaysia @ Chennai, India

IJM Land telah mengambil bahagian dalam Pameran Hartanah Malaysia 2010 di Chennai, India dengan mempamerkan projek-projek terkininya seperti pembangunan terapung 'The Light' di Pulau Pinang dan kondominium mewah Ampersand @ Kia Peng di KLCC.



26

Seminar mengenai Peningkatan Perlindungan @ Wisma IJM

Satu seminar mengenai 'Peningkatan Perlindungan dalam Persekutuan yang Semakin Berisiko' telah dikendalikan untuk para Pengarah dan pegawai Kumpulan IJM.

FEBRUARI '10



3

Program Pengesanan & Pencegahan Awal Menyelamatkan Nyawa NKF @ Wisma IJM

Pemeriksaan kesihatan meliputi tekanan darah, indeks jisim badan / ukur lilit pinggang, analisis air kencing, glukosa darah, kolesterol dan kaunseling telah dijalankan oleh Yayasan Buah Pinggang Negara Malaysia untuk menggalakkan kehidupan yang sihat di kalangan kakitangan.



25

Sambutan Tahun Baru Cina @ Wisma IJM

Kakitangan berkumpul untuk menyambut Tahun Baru Lunar dan telah dijamu dengan masakan oriental dan persembahan tarian singa. Selain daripada itu, 22 kanak-kanak dari Rumah Charis telah mengambil bahagian dalam acara yang sangat menggembirakan dan telah diberi ang-pow.

**25****Majlis Perjumpaan Pemegang Biasiswa-Mentor @ Wisma IJM**

Satu majlis perjumpaan pemegang biasiswa-mentor telah diadakan selaras dengan sambutan Tahun Baru Cina ("CNY"). Tujuan program mentor ini adalah untuk memberikan pemegang biasiswa IJM kaunseling dan bimbingan dalam pengajian mereka dan untuk memudahkan pembangunan kerjaya mereka. Selepas pertemuan empat mata, pemegang biasiswa diundang untuk menyertai majlis makan malam CNY.

**13 & 14****Melihat Burung Pemangsa @ Tanjung Tuan, Melaka**

IJM telah menaja larian daya tahan Raptor Watch Fun Challenge dalam hutan semula jadi, dianjurkan selaras dengan acara Melihat Burung Pemangsa Persatuan Pencinta Alam Malaysia Tahunan Ke-11 untuk menyambut kepulangan burung hijrah/pemangsa pada perjalanan pulang mereka ke habitat asal mereka di hemisfera utara.

MAC '10**1****Pembukaan Rasmi Persimpangan Setul dan Ampangan @ Plaza Tol Setul, LEKAS**

Persimpangan Setul dan Ampangan telah dibuka secara rasmi oleh Menteri Kerja Raya, Y.B. Dato' Shaziman Bin Hj. Abu Mansor. Sebagai sebahagian daripada program CSRnya, LEKAS telah menawarkan pengguna-penggunanya diskaun sebanyak 20% ke atas caj tol setiap hujung minggu mulai 1 Mac 2010 hingga 30 Mei 2010.

**4****Penghasilan Cerucuk Tuang Berdiameter 1.4 Meter Pertama @ China**

Ini telah direalisasikan oleh ICP Jiangmen. Cerucuk-cerucuk tersebut akan memenuhi keupayaan momen beban dan pelenturan yang lebih tinggi dengan ciri-ciri ketahanan konkrit yang baik sebagai struktur asas bagi projek-projek pelabuhan laut dalam/ perairan di China.

24 - 26**Persidangan Pelabur Asia Credit Suisse @ Hong Kong**

IJM bertemu dengan ramai pengurus dana melalui mesyuarat satu sama satu dan mesyuarat kumpulan kecil yang diadakan selama 2 hari di Hotel Conrad.

30 - 31**Invest Malaysia 2010 @ Kuala Lumpur**

IJM mengambil bahagian dalam persidangan tahunan *Invest Malaysia* ke-6 yang telah dianjurkan secara bersama oleh Bursa Malaysia dengan Nomura Holdings dan Maybank Investment Bank di Hotel Shangri-La. Selain menjalankan mesyuarat satu-sama-satu dan mesyuarat kumpulan kecil, KPE & PU, Dato' Krishnan Tan juga telah membentangkan mengenai prospek terkini dan prestasi kewangan IJM kepada sekumpulan besar pelabur-pelabur.

**31****Pengembangan di Indonesia**

Penyelesaian lebih daripada 5,000 hektar penanaman dan pecah tanah bagi kilang minyak pertama IJMP di Kalimantan.

Mengambil kesempatan
ke atas kekuatan...





Portfolio perniagaan yang pelbagai telah menyediakan kestabilan semasa keadaan bergelora dan membolehkan bahagian-bahagian dalam IJM memanfaatkan sinergi sumber dan kepakaran dikongsi.

Organisasi & Pengemudian

- 20 Carta Organisasi Kumpulan
- 22 Lembaga Pengarah & Setiausaha
- 24 Profil Para Pengarah
- 30 Profil Pengurusan Kanan

CARTA ORGANISASI KUMPULAN





Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan

Dato' Teh Kean Ming

PERKHIDMATAN SOKONGAN KUMPULAN



Cyrus Eruch Daruwalla



James Ponniah Joseph



Jeremie Ting Keng Fui



Lee Chun Fai



James Wong



Ahmad Nazmi bin
Mohamed Ali



Lyndon Alfred Felix



Ng Yoke Kian



Pang Mok Shyan



S. Ramesh a/l
V. Subramaniam



Wong Hong Fay



Shane Guha Thakurta



Sheela
Kasivisvanathan

Akaun & Kewangan

Cyrus Eruch Daruwalla (KPK)
Lee Chun Fai (Timbalan KPK)

Perundangan

James Ponniah Joseph

Perkhidmatan Korporat & Pentadbiran

Jeremie Ting Keng Fui

Pembangunan Perniagaan & Usaha Niaga Baru

James Wong

Perkhidmatan Korporat Ng Yoke Kian
Pentadbiran
Sistem Maklumat Wong Hong Fay

Kualiti, Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar

Sistem Kualiti S. Ramesh a/l V. Subramaniam

Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar Ahmad Nazmi bin Mohamed Ali

Sumber Manusia

Pang Mok Shyan

Perhubungan Pelabur

Shane Guha Thakurta

Komunikasi Korporat

Sheela Kasivisvanathan

Usaha Niaga Antarabangsa



Pook Fong Fee
India &
Pakistan



Tan Kiam Choon
Timur Tengah



Tan Peng Kok
Vietnam



Adam Eleod
Argentina



LEMBAGA PEN

kiri ke kanan:

Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng, Y. Bhg. Datuk Lee Teck Yuen, Y. Bhg. Datuk Hj Hasni Bin Harun, Tan Gim Foo,
Y. Bhg. Tan Sri Abdul Halim Bin Ali, Y. Bhg. Dato' Teh Kean Ming, Y. Bhg. Dato' Goh Chye Koon, Y. Bhg. Datuk Yahya Bin Ya'acob
Y. Bhg. Dato' David Frederick Wilson and Jeremie Ting Keng Fui, Setiausaha



kiri ke kanan:

**Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. (Dr)
Wan Abdul Rahman Bin Wan Yaacob**
Y. Bhg. Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan

PROFIL PARA PENGARAH

Y. BHG. TAN SRI DATO' IR. (DR) WAN ABDUL RAHMAN BIN WAN YAACOB

PSM, SPMT, DPMT, JSM, AMN

D.Eng.(h.c.) B'ham, FASc, FIEM, FICE, FIHT, FCIOB, P.Eng., C.Eng.

PENGERUSI BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

- Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan

- Jawatankuasa Audit

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Wan Abdul Rahman, dilahirkan pada Jun 1941, menyertai Lembaga pada 1 Julai 1996. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi IJM pada 28 Februari 2003.

Beliau memperolehi Diploma dalam Kejuruteraan Awam dari Maktab Teknik, Kuala Lumpur pada 1963, Diploma dalam Kejuruteraan Awam & Struktur dari Brighton College of Technology, United Kingdom pada tahun 1965, dan menghadiri Advanced Management Programme di Harvard Business School, Boston, Massachusetts, USA pada 1993. Beliau telah dianugerahkan ijazah Doktor Kehormat Kejuruteraan oleh University of Birmingham, United Kingdom pada 1993. Beliau telah berkhidmat dengan Kementerian Kerja Raya selama 32 tahun, dengan enam (6) tahun terakhir perkhidmatannya sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya sebelum persaraan beliau pada tahun 1996.

Beliau pada masa ini adalah ahli Majlis The Road Engineering Association of Asia & Australia (REAAA), Bekas Presiden Institusi Lebuhraya dan Pengangkutan (Cawangan Malaysia) dan Persatuan Kejuruteraan Jalan Raya Malaysia (REAM). Pada masa ini beliau merupakan Naib Presiden Persatuan Tenis Kuala Lumpur dan Persatuan Kriket Melayu.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad (Pengerusi), Lysaght Galvanized Steel Berhad (Pengerusi), Bank of America Malaysia Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, NCB Holdings Berhad, MMC Corporation Berhad, Northport (Malaysia) Berhad (Pengerusi), Yayasan Proton dan Yayasan Telekom.



Y. BHG. DATO' TAN BOON SENG @ KRISHNAN

DSPN, SMS

B.Econs(Hons), CPA(M), MBA

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF & PENGARAH URUSAN

- Jawatankuasa Eksekutif

Y. Bhg. Dato' Tan, dilahirkan pada Disember 1952, menyertai IJM sebagai Pengawal Kewangan pada 1983 dan menyertai Lembaga sebagai Pengarah Silih Ganti pada 12 Jun 1984, Pengarah pada 10 April 1990 dan Timbalan Pengarah Urusan pada 1 November 1993. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan pada 1 Januari 1997. Beliau telah ditukarkan jawatannya kepada Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan pada 26 Februari 2004.

Beliau layak sebagai Akauntan Awam Diperakui pada 1978 selepas tamat pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1975, dan memegang ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Golden Gate University, San Francisco, USA. Sebelum menyertai IJM, beliau bersama dengan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad selama tujuh (7) tahun, jawatan akhir beliau adalah Pengawal Kewangan Kumpulan.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk IJM Plantations Berhad, IJM Land Berhad (Pengerusi), Malaysian South-South Corporation Berhad dan Grupo Concesionario del Oeste S.A., Argentina. Beliau adalah ahli Lembaga Gabenor Malaysia Property Incorporated (MPI). Beliau juga berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia serta Yayasan Perlaporan Kewangan, dan Pemegang Amanah Yayasan Kepimpinan Perdana. Beliau terlibat secara aktif dalam mempromosikan perikatan perniagaan Malaysia India dan merupakan Presiden Majlis Perniagaan Malaysia-India (MIBC) dan Pengerusi Forum CEO Malaysia India.

Atas sumbangan beliau kepada industri ini, beliau telah dianugerahkan Anugerah Pengusaha Terunggul 2008 oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).



PROFIL PARA PENGARAH

(samb.)



Y. BHG. DATO' TEH KEAN MING

DSPN, PKT

B.E (Civil), P.Eng., MIEM

TIMBALAN KETUA PEGAWAI

EKSEKUTIF & TIMBALAN PENGARAH
URUSAN


- Jawatankuasa Eksekutif
- Jawatankuasa Sekuriti & Opsyen

Y. Bhg. Dato' Teh, dilahirkan pada April 1955, telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan pada 1 Julai 2008. Beliau adalah Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Keat dari 1 September 2005 hingga 16 Ogos 2006 dan Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon dari 16 Ogos 2006 hingga 30 Jun 2008.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari University of New South Wales, Australia pada 1981.

Beliau adalah Jurutera Residen Sivil & Struktur Projek Dayabumi Fasa 3 (1981-1983) dan Menara Maybank (1983-1987) dan Jurutera Kawasan Antah Biwater J.V. Sdn Bhd (1987-1989) sebelum menyertai IJM Construction Sdn Bhd sebagai Pengurus Projek (1989-1993), Pengurus Kanan (Projek) (1994-1997) dan Pengarah Projek (1998-2001). Beliau adalah Pengurus Besar Kumpulan IJM Corporation Berhad dari 1 April 2001 hingga 31 Disember 2004. Beliau adalah Ketua Bahagian Hartanah IJM dari 2001 hingga 2008 dan adalah Pengarah Urusan IJM Properties Sdn Bhd sejak 1 Januari 2005 hingga 10 Jun 2009.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Metech Group Berhad, IJM Land Berhad, IJM Plantations Berhad, ERMS Berhad dan Road Builder (M) Holdings Bhd.



Y. BHG. DATUK OH CHONG PENG

PJN, JSM

FCA

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF


- Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan
- Jawatankuasa Audit

Y. Bhg. Datuk Oh, dilahirkan pada Julai 1944, telah dilantik sebagai Pengarah pada 12 April 2002.

Beliau mengikuti latihan perakaunan beliau di London dan adalah layak sebagai Akauntan Bertauliah pada 1969 dan merupakan Ahli Fellow Institute of Chartered Accountants of England and Wales. Beliau juga adalah ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Institut Akauntan Malaysia.

Beliau menyertai Coopers & Lybrand di London pada 1969 dan di Malaysia pada 1971. Beliau adalah rakan kongsi kanan Coopers and Lybrand (sekarang dikenali sebagai PricewaterhouseCoopers), Malaysia dari 1974 hingga persaraan beliau pada 1997. Beliau adalah Ahli Jawatankuasa dilantik Kerajaan Bursa Saham Kuala Lumpur dari 1990 hingga 1996, dan bekas Presiden (1994-1996) dan Ahli Majlis (1981- 2002) MICPA.

Jawatan pengarah beliau dalam lain-lain syarikat awam termasuk Alliance Financial Group Berhad (Pengerusi), British American Tobacco (Malaysia) Berhad, Dialog Group Berhad, IJM Plantations Berhad, Kumpulan Europlus Berhad, Malayan Flour Mills Berhad dan Ingenious Growth Berhad. Beliau juga adalah Pemegang Amanah Yayasan Pendidikan UTAR; dan Ahli yang dilantik oleh Kerajaan bagi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan. Beliau juga berkhidmat dalam Jawatankuasa Penyenaraian Bursa Malaysia Berhad.



**Y. BHG. DATUK YAHYA
BIN YA'ACOB**

PJN, DIMP, JSM, KMN, SMP, PBS

B.A. (Hons), D.P.A. (Malaya), M.B.M.
(Philippines)

PENGARAH BEBAS KANAN BUKAN
EKSEKUTIF


- Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan
- Jawatankuasa Audit
- Jawatankuasa Sekuriti & Opsyen

Y. Bhg. Datuk Yahya, dilahirkan pada Januari 1944, telah dilantik sebagai Pengarah pada 31 Mac 1999.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dan Diploma dalam Pentadbiran Awam dari Universiti Malaya masing-masing pada 1967 dan 1970, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan dari Asian Institute of Management pada 1976.

Beliau telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik Malaysia selama lebih daripada 32 tahun, dengan perkhidmatan selama lima (5) tahun yang terakhir sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya sebelum beliau bersara pada tahun 1999. Jawatan-jawatan lain beliau termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan (1991-1994), Setiausaha Bahagian Kontrak, Kementerian Kewangan (1988-1991), Timbalan Pengarah Unit Pelaksanaan & Penyelaras, Jabatan Perdana Menteri (1986-1988), dan Timbalan Setiausaha Bahagian Kewangan, Kementerian Kewangan (1976-1986).

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Emas Kiara Industries Berhad, LBI Capital Berhad, UDA Holdings Berhad, Pelaburan Johor Berhad dan Damansara Realty Berhad.



**Y. BHG. TAN SRI ABDUL HALIM
BIN ALI**

PMN, PJN, SPMS, SIMP, DGSM, DHMS,
DSDK, JSM, KMN

BA (Hons), University of Malaya

PENGARAH BEBAS BUKAN
EKSEKUTIF

- Jawatankuasa Audit

Y. Bhg. Tan Sri Abdul Halim, dilahirkan pada Julai 1943, telah dilantik sebagai Pengarah pada 25 April 2007.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1966. Beliau menyertai Kementerian Luar Negara dan berkhidmat dalam Perkhidmatan Diplomatik Malaysia dari tahun 1966 sehingga 1996. Dalam tempoh ini, beliau berkhidmat dalam beberapa misi diplomatik luar negeri, termasuk pelantikan sebagai duta di Vietnam dan Austria. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha kepada Kerajaan Malaysia pada tahun 1998 dan bersara pada 2001. Selepas persaraan beliau, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sehingga Januari 2007.

Jawatan pengarah beliau dalam lain-lain syarikat awam termasuk Malaysia Building Society Berhad (Pengerusi), Malakoff Corporation Berhad (Pengerusi), Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti (Pengerusi) dan ESSO Malaysia Berhad.

PROFIL PARA PENGARAH

(samb.)



Y. BHG. DATO' GOH CHYE KOON
KMN, DSPN, JMN
B.Eng.(Civil)(Hons), MIEM, P.Eng.
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

Y. Bhg. Dato' Goh, dilahirkan pada Jun 1949, adalah Pengarah Bukan Eksekutif sejak 30 Jun 2009.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1973, dan berkhidmat sebagai jurutera dalam Kementerian Kerja Raya selama (11) tahun dan merupakan Jurutera Pengawasan sebelum menyertai IJM sebagai Jurutera Kanan pada 1984. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar (Kawasan Tengah) pada 1986 dan telah dilantik Pengarah Silih Ganti pada 25 Julai 1995 sebelum memegang jawatan Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan pada 1 Januari 1997. Beliau telah ditukarkan jawatannya kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan dalam 2004, dan semasa persaraan, beliau kekal sebagai Pengarah Eksekutif selama setahun hingga 29 Jun 2009 untuk menyelia aktiviti-aktiviti pembinaan luar negara.

Beliau adalah ahli Panel Perunding Pembangunan Perbadanan Produktiviti Malaysia (dahulu dikenali sebagai Perbadanan Produktiviti Negara) ("MPC") dan juga ahli Kumpulan Sumber Teknikal mengenai Sumber Manusia MPC (2003-Januari 2010). Beliau adalah Pengurus Majlis Presiden Industri Bangunan (Jun 2007-Jun 2008), dan beliau adalah Presiden Persatuan Jurubina Induk Malaysia bagi sesi 2004/2006, dan berkhidmat sebagai Timbalan Presidennya, Naib Presiden dan Timbalan Ketua Setiausaha. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan, Malaysia (2004-2006), Majlis Perunding Presiden Lembaga Jurutera, Malaysia (2002-2004). Beliau pada masa ini adalah ahli Kumpulan Penelitian Penasihat (APG), ahli School of Science and Technology (SST), di Wawasan Open University (Mac 2010).

Beliau juga adalah Pengarah Kumpulan Europlus Berhad.



Y. BHG. DATUK LEE TECK YUEN
PJN
BSc.(Hons) Civil Eng. & Bus. Adm.
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF
• Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan

Y. Bhg. Datuk Lee, dilahirkan pada Ogos 1956, telah dilantik sebagai Pengarah pada 30 Mei 2007.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Kejuruteraan Sivil dan Pentadbiran Perniagaan dari University of Leeds, United Kingdom pada 1978.

Jawatan pengarah beliau dalam lain-lain syarikat awam termasuk Road Builder (M) Holdings Bhd, IJM Land Berhad, Malaysian South-South Corporation Berhad (Pengarah Eksekutif) dan Asean Business Forum. Beliau juga pada masa ini adalah Presiden Persekutuan Ski Air Malaysia, Setiausaha Kehormat Malaysian South-South Association dan Konsul Kehormat Republik Columbia.



**Y. BHG. DATUK HJ HASNI
BIN HARUN**
PJN, AMN, PJC
B. Accs (Hons), CA, MBA
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

Y. Bhg. Datuk Hj Hasni, dilahirkan pada Jun 1957, telah dilantik sebagai Pengarah pada 21 April 2008 dan adalah wakil Zelan Berhad. Beliau pertama sekali menyertai Lembaga pada 9 Mei 2007 sebagai Pengarah Silih Ganti.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1979, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari United States International University, San Diego, California, USA. Beliau juga adalah ahli Institut Akauntan Malaysia.

Beliau telah memegang beberapa jawatan kanan dalam Pejabat Akauntan Negara dari 1980 hingga 1994. Beliau adalah Ketua Pengurus Besar Kanan Jabatan Pelaburan di Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dari Mac 1994 hingga Mac 2001, dan Pengarah Urusan RHB Asset Management Sdn. Bhd. dari April 2001 hingga April 2006. Beliau kemudian menyertai DRB-Hicom Berhad sebagai Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan sehingga Disember 2006 dan menyertai MMC Corporation Berhad ("MMC") sebagai Ketua Pegawai Operasi dalam Januari 2007 hingga Februari 2008. Pada Mac 2008, beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysia sebelum pelantikan beliau pada masa ini sebagai Pengarah Urusan Kumpulan dalam Mei 2010.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Aliran Ihsan Resources Berhad, MMC, Zelan Berhad, Johor Port Berhad, Malakoff Corporation Berhad dan MMC Engineering Group Berhad.



**Y. BHG. DATO' DAVID
FREDERICK WILSON**

DIMP

MA (Mech.Sc), BA (Mech.Sc)

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

• Jawatankuasa Sekuriti & Opsyen

Y. Bhg. Dato' Wilson, seorang warganegara British, dilahirkan pada Mac 1945, telah dilantik sebagai Pengarah pada 30 Mei 2007.

Beliau memegang ijazah Sarjana Sastera dalam Sains Mekanikal daripada Cambridge University, United Kingdom. Beliau adalah Ahli Fellow Institution of Civil Engineers, United Kingdom dan Institution of Highways and Transportation, United Kingdom.

Beliau bekerja dalam beberapa projek infrastruktur dan pembangunan di United Kingdom, Afrika, Amerika Tengah, Caribbean dan Timur Tengah sebelum datang ke Malaysia pada 1980 sebagai Ketua Jurutera Residen bagi pembinaan Lebuh Raya Kuala Lumpur-Seremban dan pelaksanaan sistem tol lebuh raya pertama di Malaysia.

Pada 1986, beliau menyertai United Engineers (Malaysia) Berhad sebagai Pengurus Besar - Perkhidmatan Teknikal dan adalah Pengarah Urusan Kinta Kelas plc dari 1990 hingga 1994 bila mana beliau bertanggungjawab bagi pengurusan pembinaan Lebuhraya Utara Selatan. Pelantikan beliau berikutnya termasuk Pengarah Urusan Renong Overseas Corporation Sdn Bhd (1995-2002), Pengarah Urusan Crest Petroleum Berhad (1998-2000) dan Presiden Bahagian Pembinaan dan Kejuruteraan Kumpulan Renong (1998-2002).

Dalam 2002, beliau berpindah ke Road Builder (M) Holdings Bhd pada mulanya sebagai Pengarah Bukan Eksekutif dan kemudiannya sebagai Pengarah Eksekutif bertanggungjawab ke atas operasi pembinaan di India.



TAN GIM FOO

B. Eng. (Civil) (Hons), P.Eng., MIEM, MBA

PENGARAH SILIH GANTI KEPADA

DATO' GOH CHYE KOON

Mr Tan, dilahirkan pada Jun 1958, telah dilantik sebagai Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon pada 30 Januari 2010. Beliau dilantik sebagai Pengarah Pengurusan IJM Construction Sdn Bhd ("IJMC") pada 1 Februari 2010 dan mengetuai Divisyen Pembinaan Kumpulan.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian Kelas Pertama) daripada Universiti Malaya pada 1983, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Charles Sturt University, New South Wales, Australia.

Beliau bermula sebagai Jurutera Tapak Mudajaya Construction Sdn Bhd (1983-1986) sebelum menyertai IJM sebagai Jurutera Perancangan & Reka Bentuk (1986-1988). Beliau adalah Pengurus Projek (1988-1994), Pengurus Kanan (1994-1997) dan Pengarah Projek (1998-2009). Beliau adalah Pengarah Silih Ganti kepada En. Soo Heng Chin dari 1 September 2005 hingga 30 Januari 2010, dan Pengarah Eksekutif IJMC dari 1 Januari 2005 hingga 30 Januari 2010.

Nota:

1. Tidak ada perhubungan keluarga di antara para Pengarah dan/atau pemegang-pemegang saham utama Syarikat.
Dana sebanyak RM33.02 juta timbul daripada langkah korporat ini telah diguna sepenuhnya dalam tahun kewangan untuk memenuhi keberhakan dan obligasi langganan modal serta untuk modal kerja dan keperluan pembiayaan am Kumpulan.

URUS TADBIR KORPORAT

Komitmen IJM kepada prinsip-prinsip urus tadbir korporat yang baik berpunca daripada kepercayaannya bahawa urusan perniagaan yang bertanggungjawab adalah contoh unggul untuk mempertingkatkan nilai pemegang pelbagai kepentingan. Kepercayaan ini dinyatakan dalam semua usaha niaga perniagaannya di semua peringkat kakitangan dan masih terus diperakui oleh pemegang-pemegang sahamnya, terbukti melalui komposisi pemegangan saham berinstansi dan pemegangan saham asingnya yang besar dan penerimaan beberapa penganugerahan urus tadbir korporat.

Penyata Urus Tadbir Korporat kami boleh didapati pada muka 84 hingga 93.

Tidak ada sanksi dan/atau penalti dikenakan ke atas Syarikat dan anak-anak syarikatnya, para Pengarah atau pengurusan oleh badan-badan berperaturan yang berkenaan pada 2009/10.

URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

Urus niaga pihak berkaitan Kumpulan yang ketara bagi tahun kewangan dinyatakan dalam Nota 51 kepada Penyata Kewangan. Nota ini juga menyatakan urus niaga berulang yang diadakan dalam tempoh selaras dengan mandat am yang diperoleh daripada pemegang-pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 25 Ogos 2009.

Selain daripada perkara-perkara yang dinyatakan dalam Nota 51 kepada Penyata Kewangan, tidak ada kontrak material Kumpulan yang melibatkan kepentingan para Pengarah dan pemegang-pemegang saham utama dalam tempoh tersebut.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Penekanan IJM ke atas Tanggungjawab Korporat (CR) menggambarkan keyakinannya bahawa kejayaan ekonomi mesti diiringi oleh kesan positif boleh kekal ke atas masyarakat. Falsafah ini dipandu oleh Rangka Kerja CR dan penyata polisi Kumpulan, dan diamalkan di keseluruhan operasinya melalui rangkaian meluas amalan pengurusan terbaik mesra alam dan dari segi operasi untuk mencapai manfaat jangka panjang boleh kekal bagi semua pemegang pelbagai kepentingan.



Jambatan Zallaq di Bahrain, Timur Tengah

Perniagaan pembinaan Kumpulan, menyedari kesan ke atas alam sekitar, telah menyatakan komitmennya kepada kod tata laku yang ditetapkan dalam Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001, manakala unit perladangan kami menggunakan amalan alam sekitar agronomi yang baik dan terus mengambil bahagian dalam rundingan Meja Bulat mengenai Kemapanan Minyak Sawit (RSPO) untuk menggalakkan kemapanan pengeluaran dan penggunaan minyak sawit.

Kumpulan memberikan penekanan yang agak besar dalam memastikan standard urus tadbir korporat tertinggi, pengendalian dan nilai perniagaan beretika diamalkan dalam organisasinya. Sebagai sebahagian daripada usaha-usaha dermawannya, Kumpulan telah melaksanakan beberapa program masyarakat berhubung dengan kebajikan sosial, pembangunan pendidikan dan sukan dan akan terus mengenal pasti bidang-bidang di mana sokongannya boleh membawa perbezaan yang sebenar. Kumpulan juga komited untuk menyediakan kesejahteraan di tempat kerja melalui peningkatan kesedaran, kebertanggungjawaban dan latihan berterusan untuk kakitangan dan kontraktor ke arah pelaksanaan semua kegiatan dalam cara yang beretika, bertanggungjawab dari segi alam sekitar, selamat dan sihat.

Maklumat lanjut mengenai kegiatan-kegiatan Tanggungjawab Korporat yang meluas dinyatakan pada muka surat 116 hingga 129.

PENGHARGAAN

Lembaga dan saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas dan terima kasih kepada En Soo Heng Chin, yang telah bersara sebagai Pengurus Besar Am dan Pengarah Eksekutif Syarikat pada 30 Januari 2010 dan Y. Bhg. Dato' (Dr) Megat Abdul Rahman Bin Megat Ahmad, Pengarah Bukan Eksekutif dan wakil Zelan Berhad, yang telah bersara pada 25 Ogos 2009, bagi khidmat tidak ternilainya kepada Kumpulan.

Bagi pihak Lembaga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para Pengarah, pengurusan dan semua kakitangan Kumpulan atas dedikasi, kebijaksanaan, komitmen dan sumbangan kepada Kumpulan dalam beberapa tahun yang mencabar ini. Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pemegang-pemegang saham, syarikat bersekutu, klien, jurubank, subkontraktor dan pembekal bagi sokongan mereka kepada Kumpulan. Kumpulan menghargai dan mengalu-alukan perhubungan berterusan ini apabila kami mengorak langkah ke arah usaha niaga-usaha niaga baru.

Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob
Pengerusi



Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan
KPE & Pengarah Urusan


ULASAN OPERASI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

GAMBARAN KESELURUHAN

DI SEBALIK PERSEKITARAN GLOBAL SERBA MENCABAR YANG DICETUSKAN OLEH KRISIS KEWANGAN GLOBAL, KUMPULAN IJM TELAH MELAKSANAKAN TUGASNYA DENGAN AGAK BAIK.



BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2010 ("FY 2010"), KUMPULAN TELAH MENCATAT KEMEROSOTAN DALAM JUMLAH DAGANGAN SEBANYAK 13% KEPADA RM4,013.53 JUTA.

BERBEZA DENGAN PRESTASI BERCAMPUR DARI SEGI HASIL, KUMPULAN MENCATAT KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI ("PBT") SEBANYAK RM578.02 JUTA BAGI TAHUN KEWANGAN DI BAWAH KAJIAN, IAITU PENINGKATAN SEBANYAK 9% BERBANDING DENGAN TAHUN SEBELUMNYA.





ULASAN OPERASI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

(samb.)



*termasuk bahagian hasil syarikat bersekutu dan usaha sama



Butir-butir mengenai prestasi bahagian dibentangkan dalam seksyen mereka masing-masing di halaman-halaman berikut. Sebagaimana keputusan yang dapat dilihat, asas perolehan Kumpulan yang terpelbagai telah mengurangkan risiko pergantungan pada industri pembinaan dan perniagaan di Malaysia sahaja dalam tempoh yang sukar ini.

Pempelbagaian Perniagaan dan Pasaran Kumpulan

	Pembinaan	Hartanah	Industri	Infrastruktur	Perludangan
Malaysia	•	•	•	•	•
India	•	•	•	•	•
Timur Tengah	•				
China		•	•		
Pakistan	•		•		
Vietnam				•	
Argentina				•	
Indonesia					•
Singapura		•			
Australia		•			

Untuk memenuhi cabaran-cabaran ketersediaan kredit dan kos hutang yang tinggi yang sering dihadapi semasa tempoh kemelut kewangan global dan ketidaktentuan ekonomi secara berkesan, Kumpulan secara proaktif telah menjalankan beberapa langkah penghasilan dana. Pada Oktober 2009, IJM telah menyelesaikan terbitan hak boleh lepas atas dasar satu (1) waran baru bagi setiap sepuluh (10) saham sedia ada yang dipegang selaras dengan terbitan bonus sebanyak dua (2) saham baru bagi setiap lima (5) saham

IJM sedia ada. Terbitan waran telah terlebih langganan sebanyak 141% dan sejumlah 132,097,381 waran baru telah diterbitkan. Waran-waran tersebut boleh dilaksanakan bagi saham-saham biasa dengan bayaran sebanyak RM4.00 setiap saham dan berpotensi meningkat RM528 juta apabila telah ditukar sepenuhnya.

IJM Plantations Berhad ("IJMP"), anak syarikat perladangan kami juga telah menyelesaikan terbitan haknya atas dasar dua (2) saham IJMP baru dengan satu (1) waran percuma bagi setiap lapan (8) saham sedia ada yang dipegang dalam IJMP pada November 2009 untuk membiayai kegiatan pengembangan perladangannya di Indonesia. Sejumlah 160,268,583 saham IJMP baru berserta dengan 80,134,149 waran telah disenaraikan dan disebut harga pada Pasaran Utama Bursa Securities. Pelaksanaan tersebut telah mengumpulkan lebih kurang RM336 juta.

Selain itu, untuk menyediakan keleksibelan pembiayaan, IJM telah membiayai semula pinjaman sedia adanya dan memenuhi keberhakan dan obligasi langganan modalnya dalam tempoh tersebut dengan mewujudkan program surat niaga perdagangan dan/atau nota jangka sederhana RM1.0 bilion ("CP/MTN") untuk mengikat pembiayaan jangka sederhana pada kadar tetap dengan keleksibelan bagi pengeluaran CP/MTN masa hadapan.

Kumpulan terus mengumpulkan anugerah penting sepanjang tahun kewangan, membuktikan komitmen 'Mercu Kecemerlangan' IJM. Anugerah-anugerah ini termasuk Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia - Anugerah Kontraktor Terbaik serta Anugerah Pencapaian Antarabangsa 2009. Bagi enam tahun berturut-turut, IJM telah menerima Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA dalam kategori Pembinaan dan Infrastruktur. Sebagai pengiktirafan usaha IJM ke arah urus tadbir korporat, IJM telah menerima Indeks Urus Tadbir Korporat Malaysia (Anugerah Merit) pada tahun 2009. Anugerah-anugerah ini membuktikan dedikasi dan komitmen Kumpulan ke arah kecemerlangan prestasi.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan tulus ikhlas kami kepada dua rakan karib yang telah bersara daripada Lembaga dalam tahun kewangan. En. Soo Heng Chin, Pengurus Besar Am & Pengarah Eksekutif, adalah kakitangan IJM yang telah lama berkhidmat bagi tempoh 31 tahun dan memainkan peranan penting dalam pertumbuhan dan kejayaan Bahagian Pembinaan Kumpulan sebelum persaraan beliau pada 30 Januari 2010. Y. Bhg. Dato' (Dr) Megat Abdul Rahman Bin Megat Ahmad yang telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif pada tahun 2005 dan wakil Zelan Berhad telah bersara pada 25 Ogos 2009. Bagi pihak Lembaga, pengurusan dan kakitangan, kami mengucapkan terima kasih atas perkhidmatan dan sumbangan yang tidak ternilai mereka dan semoga mereka berjaya dalam apa juar bidang.

Di sebalik persekitaran perniagaan yang mencabar, saya percaya bahawa Kumpulan, disokong oleh asas-asas yang kukuh, wawasan strategik dan komitmen tinggi dalam kecemerlangan kualiti, produk dan perkhidmatan serta keghairahan dari segi prestasi, benar-benar bersedia untuk menghasilkan pertumbuhan berterusan dan keberuntungan yang mapan. Kami telah menempuh tempoh-tempoh pergolakan pada tahun lepas, saya yakin bahawa ini adalah penempuhan arus bagi Kumpulan ke arah masa yang lebih baik.



Pejabat Peguam Negara di Putrajaya



Laman Granview di Puchong, Selangor



Kuari di Kuang, Selangor



IJMP Excellent Challenger I Estate, Sabah



Pelabuhan Kuantan, Pahang

Pembinaan

Ia adalah tahun yang mencabar bagi Bahagian Pembinaan akibat krisis ekonomi global yang memberikan kesan negatif ke atas perolehan daripada projek-projek semasa, kelembapan kemajuan projek-projek yang sedang dijalankan, dan penangguhan pelaksanaan projek-projek baru. Walau bagaimanapun harapan yang lebih stabil telah mula muncul dan ini menunjukkan tahun yang cerah pada masa depan bagi pemulihan margin keuntungan.



Bengkel dan Depot KTM di Batu Gajah

Pasukan Pengurusan Bahagian Pembinaan:*kiri ke kanan*

- Dato' Goh Chye Koon
- Soo Heng Chin
- Tan Gim Foo
- Soo Sik Sang
- Tong Wai Yong
- Pook Fong Fee

atas:

- James Wong Tet Foh
- Ong Teng Cheng
- Azhar Bin Kaulan
- Liew Hau Seng
- Yong Juen Wah
- Pankaj Agarwal

tengah:

- Tan Kiam Choon
- Kok Fook Yu
- Lee Foh Ching
- Quah Beng Teong
- Wan Chee Leong

bawah:

Sektor Pembinaan Dalam Negeri terus mencatat pertumbuhan positif sebanyak 5.7% pada tahun 2009 (2008: 2.1%) di sebalik penguncupan keseluruhan ekonomi Malaysia sebanyak 1.7% menggambarkan kesan perbelanjaan rangsangan. Prestasi dalam subsektor kejuruteraan awam dan bukan kediaman kekal dipacu dengan teguh terutamanya oleh perbelanjaan Kerajaan untuk menaik taraf infrastruktur dan bangunan awam sedia ada. Dalam subsektor kediaman, prestasi kelihatan agak bercampur-campur, disebabkan tempahan kerja telah terjejas oleh permintaan yang lebih rendah terhadap harta tanah dan ketidakpastian mengenai harapan ekonomi dalam negeri pada separuh pertama 2009.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010, Bahagian Pembinaan mencatat hasil sebanyak RM1,841.22 juta (FY 2009: RM2,355.26 juta) dan keuntungan pra-cukai sebanyak RM30.89 juta (FY 2009: RM40.33 juta). Kemerosotan dalam hasil dan keuntungan pra-cukai sebahagian besarnya berpunca daripada operasi luar negeri, terutamanya di India dan Timur Tengah. Kemerosotan dalam hasil terutamanya berpunca daripada penangguhan kerja-kerja beberapa projek dan kegiatan perniagaan yang lebih rendah akibat keadaan pasaran yang kurang menggalakkan. Pelaksanaan projek-projek warisan yang diteruskan telah terjejas oleh harga bahan yang semakin melonjak pada tahun 2008, mengurangkan sumbangan margin dengan ketara. Selain daripada itu, krisis kewangan telah membawa kepada kos pembiayaan yang lebih tinggi yang ditanggung bagi projek-projek pembinaan dan mengakibatkan pengecutan selanjutnya margin keuntungan bagi kontrak-kontrak tertentu. Di peringkat tempatan, pelaksanaan yang perlakan atau ditangguhkan bagi projek-projek awam utama oleh Kerajaan dan persekitaran penawaran yang lebih berdaya saing dalam sektor swasta juga telah menyumbang kepada persekitaran yang mencabar bagi Bahagian.



Blok Pejabat Fortune Executive di Timur Tengah

ULASAN OPERASI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

(samb.)

Di sebalik persekitaran yang sukar ini, Bahagian dijangka akan meningkatkan prestasinya, didorong oleh permintaan domestik yang lebih teguh dalam subsektor kediaman dan pelaksanaan projek-projek awam utama oleh Kerajaan. Selain daripada itu, pemulihan beransur-ansur dalam ekonomi global dan penstabilan kos bahan binaan dan kos pinjaman akan merangsang kegiatan pembinaan. Mengambil kira harapan yang stabil bagi industri pada tahun akan datang, Bahagian telah secara agresif memasuki tender bagi pekerjaan baru di peringkat tempatan dan luar negeri secara agresif untuk meningkatkan buku tempahannya. Maju ke hadapan, dengan pelaksanaan buku tempahan selebihnya dan buku tempahan baru, Bahagian berkeyakinan untuk menghasilkan prestasi yang lebih baik dan mencapai pemulihan margin keuntungan.

Dalam tahun kewangan, Bahagian ini telah berjaya menyiapkan beberapa projek. Ini termasuk blok pejabat bagi Pejabat Peguam Negara di Putrajaya, 'Menara Goldis', projek Infrastruktur Kawasan Berlepas (Airside) dan Kawasan Mendarat (Landside) di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail di Johor Bahru, Shop 28 di Pulau Pinang, Bengkel dan Depot KTM di Batu Gajah, dan Bengkel Pemotongan dan Pemasangan di Pasir Gudang. Di India, Bahagian telah menyiapkan jalan raya bertol Trichy-Tindivanam di Tamil Nadu, perluasan kepada 4 lorong bagi Seksyen Jaipur Mahua NH-11 di Rajasthan, DMRC Amel C-2 bagi jejambat dan Stesen Dhaura Kuan bagi Airport Metro Express dan Seksyen BC 8 Delhi Metro bagi jejambat bertenagak sejauh 4.50Km dan lima stesen bertenagak pada Shahdara-Dilshad Garden Corridor. Di Timur Tengah, blok pejabat iaitu Fortune Executive juga telah disiapkan.


Bahagian ini terus menyaksikan kejayaan dalam peningkatan buku tempahan. Di Malaysia, antara projek-projek utama yang diperoleh dalam tahun kewangan termasuk Pelebaran Lebuh Raya Sg. Besi (RM600.00 juta) dan Projek Pemindahan Air Mentah Pahang Selangor melalui usaha sama (RM262.80 juta). Di Timur Tengah, Bahagian telah memperoleh kerja-kerja RC & super struktur bagi Al Reem Island, Pembangunan Hotel Zon E2 melalui usaha sama (RM212.00 juta). Di India,



Menara Goldis, Kuala Lumpur



Jalan Raya Bertol Trichy-Tindivanam di Tamil Nadu, India



DMRC Amel C-2 bagi Jejambat dan Stesen Dhaura Kuan Airport Metro Express di India

Bahagian telah memperoleh empat lorong Seksyen Pune Solapur NH-9 di Maharashtra (RM327.00 juta). Pada FY 2010, buku tempahan pembinaan utama Bahagian berjumlah RM3,638.00 juta.

Pengiktirafan sebagai 'Kontraktor Terbaik Tahun 2009' merupakan pencapaian penting bagi Bahagian ini. Bahagian ini sentiasa berusaha untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan bernilai tinggi untuk pasaran. Untuk mengekalkan daya saingnya, Bahagian sentiasa mengkaji dasar-dasar dan amalan operasinya untuk memastikan kaitan dan keberkesanannya dalam memenuhi objektif. Bahagian sentiasa menitikberatkan kepentingan pembangunan modal insan dengan menyediakan latihan yang mencukupi mengenai set kemahiran dan kekompetenan untuk mencapai produktiviti dan kecekapan yang tinggi. Begitu juga, Bahagian sentiasa menerima pakai amalan terbaik dalam Keselamatan dan Kesihatan sambil mengekalkan kualiti dan penghantaran yang tepat pada masanya bagi produk dan perkhidmatannya.

Untuk memastikan kemapanan perniagaannya, Bahagian telah merangka dasar-dasar dan prosedur-prosedur pengurusan risiko yang sentiasa dikaji untuk menangani semua risiko dan untuk meningkatkan langkah-langkah kawalannya dan respons semasa dalam krisis. Menggambarkan persekitaran risiko operasi yang lebih tinggi dalam pasaran luar negeri, Bahagian ini memberikan penekanan pada usaha-usaha dalam pengukuhan sistem kawalan dalaman bagi operasi luar negerinya dan untuk sentiasa memantau dan meningkatkan pengurusan dan pelaksanaan semua projek-projeknya.

Bahagian ini sememangnya menyedari bahawa sebarang peningkatan ketara dalam prestasi keuntungannya akan memberikan kesan ketara ke atas keputusan Kumpulan.



Sky Lounge, Menara Goldis, Kuala Lumpur



Perbadanan Perbandaran Bangunan Delhi, New Delhi, India

Khidmat Sokongan Pembinaan:



kiri ke kanan

- atas:
- James Ponniah Joseph
- Mohd Kamal Bin Harun
- Ramar s/o Subramaniam

tengah atas:

- Ng Chin Meng
- Dammavalam Sreenivasa Rao
- Soh Wan Heng
- Cho Foong Khuan

tengah bawah:

- Pang Sek Loh
- Liew Chee Khong
- Harjeet Singh

bawah:

- Toh Teck Soon
- Lam Choy Loong
- Casslyn Chong Siew Chen

Hartanah

Dalam tempoh di bawah kajian, Bahagian Hartanah telah mencapai jualan melebihi RM1 bilion. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kejayaan pelancaran beberapa projek baru di Pulau Pinang dan Lembah Klang, berserta dengan pemasaran kempen jualan 'My Space Plan' seluruh negara yang merangsang minat dan permintaan bagi projek sedia ada dan projek baru.



Ampersand @ Kia Peng, Kuala Lumpur

Pasukan Pengurusan Bahagian Hartanah:*kiri ke kanan atas:*

- Dato' Soam Heng Choon
- Er Ah Huat
- Chai Kian Soon
- Hoo Kim See

tengah:

- Edward Chong Sin Kiat
- Bahrain Bin Baharudin
- Patrick Oye Kheng Hoon
- Tham Huen Cheong


bawah:

- Toh Chin Leong
- Lee Kok Hoo
- Chong Ching Foong
- Manjit Singh

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010, Bahagian Pembinaan mencatat hasil tertinggi sehingga kini sebanyak RM1,175.64 juta (FY 2009: RM985.95 juta) dan keuntungan pra-cukai sebanyak RM171.90 juta (FY 2009: RM125.48 juta). Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 19% dari segi hasil dan 37% dari segi keuntungan pra-cukai berbanding dengan tahun sebelumnya.

Berikutan kemerosotan mendadak dalam jualan sehingga suku pertama 2009 disebabkan pembeli mengamalkan sikap 'tunggu dan lihat' ke atas ramalan negatif bagi ekonomi, pemaju-pemaju utama dengan kerjasama daripada bank-bank telah memperkenalkan pakej pembiayaan yang menarik untuk merangsangkan jualan. Berserta dengan pelonggaran Bank Negara Malaysia dalam dasar monetarinya dengan mengurangkan kedua-dua Kadar Dasar Semalam ("OPR") dan Keperluan Rizab Berkanun, kadar gadai janji terutamanya bagi harta tanah kediaman menjadi semakin mampu dibeli untuk menarik para pembeli.

Pada 1 April 2009, Bahagian telah melancarkan kempen jualan seluruh negaranya yang dikenali sebagai 'My Space Plan', terutamanya menyesuaikan pakej insentif bagi setiap produk untuk memenuhi keperluan pembeli-pembeli berpotensi. Selaras dengan permulaan kempen 'My Space Plan', Bahagian telah membuat pelancaran ringkas Summer Place, sebuah projek kondominium pinggir laut di Pulau Pinang yang menerima sambutan yang menggalakkan. Pembeli-pembeli telah mula beratur di hadapan galeri jualan pada malam sebelum pelancaran. Ini menandakan permulaan kebangkitan dalam permintaan bagi harta tanah kami, mencapai jualan Bahagian yang melebihi RM1 bilion buat pertama kalinya.



Riana Green East, Wangsa Maju, Kuala Lumpur

ULASAN OPERASI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

(samb.)

Pada amnya, permintaan teguh meliputi semua kawasan di mana Bahagian mempunyai operasi, termasuk dua fasa pertama pembangunan terapung The Light yang berprestij di Pulau Pinang, iaitu kondominium Light Linear dan Light Point, Bayu Segar dan Bayu Sri Bintang (enklaf rumah berkembar dan banglo eksklusif) di Lembah Klang, Bukit Manda'rina (pembangunan kediaman bercampur) di Cheras, Riana Green East (sebuah projek kondominium) di Wangsa Maju, Laman Baiduri (sebuah kondominium menghadap ke tasik) di Subang Jaya dan Serenia Gardens (sebuah projek perumahan bertanah) in Ulu Klang, Selangor.

Pembangunan kediaman baru Bahagian dalam Wilayah Pembangunan Iskandar iaitu Nusa Duta dan projek-projek kondominium lain di Johor Bahru, iaitu Lagenda Tasek dan Suriamas Suites dan pembangunan perbandaran yang sedang dilaksanakan seperti Seremban 2 di Negeri Sembilan, Shah Alam 2 di Puncak Alam, Selangor dan Bandar Utama di Sandakan, Sabah juga mencatat jualan yang teguh.

Hartanah pelaburan Bahagian, kawasan membeli-belah Aeon Bandaraya Melaka, yang dibuka untuk perniagaan pada 5 Februari 2010, telah menerima sambutan yang menggalakkan daripada pembeli. Satu pembangunan komersial baru yang terdiri daripada pejabat kedai bersebelahan dengan kawasan membeli-belah tersebut juga menikmati sambutan hangat yang serupa dan kadar pengambilan yang menggalakkan.

Sumbangan hasil dan keuntungan FY 2010 Bahagian datang terutamanya daripada kondominium Summer Place dan kondominium Platino di Pulau Pinang, projek suit perkhidmatan dan pejabat PJ8 di Lembah Klang, Ampersand @ Kia Peng, Bayu Segar dan Bayu Sri Bintang dan juga daripada perbandarannya di Shah Alam 2, Seremban 2 dan Bandar Utama. Selain daripada itu, Bahagian terus menghasilkan bil-bil pembinaan daripada projek komersial merangkap pusat membeli-belahnya di SS2, Petaling Jaya dan juga mencatat keuntungan lebih kurang RM10 juta yang diperoleh daripada pelupusan anak syarikat, Kami Builders Sdn Bhd.

Pada tahun 2010, selaras dengan pemuliharaan ekonomi Malaysia, Bank Negara Malaysia telah meningkatkan OPR secara progresif sebanyak 50 mata asas dalam usaha untuk memuliharkan keadaan monetari bagi pencegahan pembangunan ketidakseimbangan kewangan yang akan menjelaskan pertumbuhan ekonomi dalam jangka panjang. Walau bagaimanapun, pendirian menyeluruh dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan ekonomi. Di sebalik semakan yang menaik, kadar gadai janji kekal hampir kepada kadar terendah.



Bayu Sri Bintang di Lembah Klang



Monte Bayu di Cheras, Kuala Lumpur



Perumahan Metavilla di Perbandaran Seremban 2, Negeri Sembilan



Kawasan Membeli-belah AEON Bandaraya Melaka

Manakala sentimen masih kekal positif, Bahagian akan terus melancarkan fasa-fasa baru dalam pembangunan The Light di Pulau Pinang, perbandarannya di Seremban, Shah Alam 2 di Selangor, Bandar Utama di Sandakan, Sabah dan Nusa Duta di Johor Bahru, dan beberapa pembangunan khusus di sekitar Lembah Klang. Selain daripada itu, Bahagian akan mengumumkan sebuah projek kondominium baru di Kota Kinabalu, Sabah.

Di peringkat serantau, Bahagian baru-baru ini telah menandatangani satu perjanjian untuk membeli 70% kepentingan ekuiti dalam sebuah syarikat yang menjalankan pembangunan (bersama dengan Thai Duong Company-Sunco, sebuah syarikat milik kerajaan negeri yang diperbadankan di Vietnam) terdiri daripada apartmen kediaman bertingkat tinggi dan komponen runcit dan perdagangan di atas tanah seluas 2.85 hektar di Pusat Bandar Nhon Trach, Wilayah Dong Nai di Vietnam dengan nilai pembangunan kasar dianggarkan sebanyak USD150 juta.

Di India, sentimen pasaran di Andhra Pradesh terutamanya di Hyderabad di mana Bahagian mempunyai projek hartanah tidak mencapai kemajuan seperti mana yang berlaku di bandar-bandar lain contohnya Mumbai dan Delhi. Kematian mengejut Ketua Menteri Negara Y.S. Rajashekha Reddy pada September 2009 dan pergolakan bagi pengasingan negeri Telengana pada November 2009 telah menimbulkan kekacauan dan ketidaktentuan pelaburan di Negeri tersebut. Selaras dengan itu, sektor hartanah di Hyderabad jatuh menjunam, memaksa kebanyakan pemaju sama ada membatalkan pembinaan atau memperlahankannya. Di sebalik itu pengasingan tersebut, Bahagian meramalkan peluang-peluang berpotensi untuk membekalkan unit-unit kediaman di kawasan Vijayawada-Guntur meramandangkan ibu kota baru berpotensi di Negeri Andhra berkemungkinan merangsangkan permintaan.

Simpanan tanah Bahagian hartanah yang terletak secara strategik dan campuran produk yang meluas akan terus merangsang jualan hartenah. Berserta dengan jualan komited dalam tangan, harapan bagi Bahagian dalam tahun kewangan akan datang dijangka akan menjadi positif.



Unit Contoh Platino Grand Tower, Pulau Pinang



Fasa 1A Serenia Garden di Ulu Klang, Selangor

Industri

Bahagian Industri terus menghasilkan peningkatan keuntungan meskipun kemerosotan 17% dalam jumlah dagangan terutamanya disebabkan oleh prestasi teguh perniagaan PSC terasnya. Kos pengeluaran yang rendah, imbalan buku tempahan yang kukuh dan campuran produk yang lebih baik adalah pemacu utama pertumbuhan dalam sektor ini.



Cerucuk ICP digunakan di Terminal Pelayaran Antarabangsa, Singapura

Pasukan Pengurusan Bahagian Industri:*kiri ke kanan**atas:*

- Khor Kiem Teoh
- Lee Hock Aun
- Leong Yew Kuen
- Tan Boon Leng
- Pang Chwee Hoon

tengah:

- Ooi Ka Tong
- Leong Siew Wah
- Tan Kuan Beng
- Faizal Amir B Mohd Zain
- Choy Teik San

bawah:

- Wong Siew Meng
- Leong Chee Hong
- Chan Kok Keong
- Low Hong Imm

Bagi FY 2010, Bahagian Industri telah mencatat peningkatan keuntungan pra-cukai sebanyak RM174.38 juta, lebih kurang 2% lebih tinggi berbanding dengan pencapaian tahun sebelumnya sebanyak RM170.99 juta. Prestasinya boleh dibanggakan memandangkan ia dicapai di tengah-tengah persekitaran mencabar yang disebabkan oleh krisis kewangan global dan berbanding dengan jumlah dagangan lebih rendah yang merosot sebanyak 17.0% kepada RM882.85 juta.

Perniagaan teras Bahagian, iaitu pengilangan dan jualan cerucuk PSC terus menunjukkan prestasi kukuh dalam tahun kewangan. Keuntungan operasi meningkat sebanyak 9% kepada RM119.70 juta. Ini dicapai di sebalik hasil dan tanan penghantaran yang lebih rendah tetapi telah dilakukan akibat imbalan buku tempahan yang kukuh dan campuran produk yang lebih baik. Selain daripada itu, Bahagian berupaya membendung kosnya melalui perancangan pengeluaran yang berkesan dan pengurusan pemerolehan yang teguh.

Dalam tahun kewangan, bekalan kepada beberapa projek Kerajaan dan pihak swasta seperti kilang F&N di Pelabuhan Barat, Kawasan Perindustrian Maritim Minyak & Gas di Tanjung Agas di Pekan, Universiti Malaysia di Pahang, Loji Lynas Rare Earth di Gebeng di Pahang, Lebuhraya Lembah Klang Selatan, Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor, Lebuhraya Kemuning-Shah Alam dan Terminal Minyak Tanjung Langsat, Johor telah diperoleh. Dua tempahan utama yang telah diperoleh dalam tahun kewangan sebelumnya tetapi diserahkan dalam tahun kewangan adalah jambatan Kedua Pulau Pinang dan Terminal Kontena Butterworth Utara (Fasa III). Bahagian menjangkakan Kerajaan akan melaksanakan lebih banyak projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh ("RMK10") pada separuh kedua 2010. Bahagian yakin memperoleh tempahan-tempahan besar daripada RMK10.

Jualan eksport Bahagian ke Singapura menjunam dengan ketara kepada 8% daripada jumlah penyerahannya dalam tahun kewangan disebabkan pengurangan projek-projek akibat krisis kewangan. Walau bagaimanapun, Bahagian telah berjaya memperoleh penawaran untuk dua projek utama di sana, iaitu Terminal Pelayaran Antarabangsa dan Kerja-kerja Pembangunan Pengindahan dan Peningkatan Taraf Infrastruktur di Marina South. Dengan pemulihan ekonomi di Singapura, Bahagian meramalkan jualan eksport akan bertambah baik dalam tahun kewangan akan datang.



Kuari di Kuang, Selangor



Cerucuk ICP digunakan di Jeti Limbung Kapal CCC4, Xinhui, China

ULASAN OPERASI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

(samb.)

Ia merupakan tahun bermakna bagi ICP Jiangmen. PBT meningkat sebanyak 95% berbanding dengan tahun sebelumnya kepada RM7 juta meskipun mengalami kemerosotan dalam hasil sebanyak 4%. Kejayaan loji China membekalkan kepada projek Terminal Kontena Antarabangsa Saigon di Vung Tau, Vietnam berserta dengan kos pengeluaran dan caj pembiayaan yang lebih rendah adalah sebab utama bagi prestasi yang bertambah baik. Projek-projek utama yang dibekalkan oleh loji tersebut adalah Jeti Penumpang Lapangan Terbang Shenzhen, Pelabuhan Terminal Bijirin Kumpulan Pelabuhan Guangzhou di Nansha, Jeti Pengendalian Arang Batu Loji Kuasa Shanshui Hengyi di Foshan dan Kerja-kerja Asas Struktur Penahan Ombak Terminal Pelayaran Nansha. Dengan pertumbuhan yang berterusan dalam ekonomi China, harapan operasi China kekal positif dalam tahun kewangan akan datang di mana ia menjangka akan memperoleh lebih banyak projek marin di Wilayah Delta Mutiara memandangkan pembangunan pelabuhan utama dijangka akan berkembang pesat di dalam dan sekitar kawasan Zhuhai.


Durabon Sdn Bhd ("DSB") telah mencapai hasil sebanyak RM94.4 juta dan PBT sebanyak RM13.87 juta, masing-masing merosot sebanyak 36% dan 6% berbanding dengan tahun kewangan sebelumnya. Hasil yang lebih rendah adalah disebabkan oleh kemerosotan dalam jumlah jualan dan harga jualan. Di sebalik itu, margin operasi meningkat daripada 10% kepada 15%. Talian pengeluaran baru dengan teknologi rawatan haba frekuensi tinggi yang canggih telah disiapkan di Klang Works. DSB telah mengumumkan pengeluaran komersial bar PC bersaiz besar 12.6mm pada April 2009. Bekalan bar PC besar adalah tepat pada masanya bagi kegunaan dalam projek-projek mega seperti Jambatan Kedua Pulau Pinang dan Terminal Pelayaran Antarabangsa di Marina South, Singapura.

Expedient Resources Sdn Bhd ("ERSB"), yang sebahagian besarnya merupakan anak syarikat berorientasikan eksport, telah terjejas teruk akibat kelembapan ekonomi global. Kos getah dan minyak pemprosesan getah yang melambung naik, berserta dengan kelemahan mata wang USD dan Euro memberikan tekanan hebat ke atas margin keuntungan. Akibatnya, hasil merosot sebanyak 24% kepada RM16.1 juta dan PBT sebanyak 97% kepada RM0.02 juta berbanding dengan tahun lepas. Maju ke hadapan, ERSB akan terus memperkenalkan langkah-langkah kawalan kos yang ketat dan memberi tumpuan pada produk-produk khusus yang disasarkan pada pasaran khusus untuk menghindari persaingan langsung daripada pengilang-pengilang China dan lapik busa PU.

Selepas mencatat pertumbuhan kukuh dalam dua tahun kewangan yang lepas, jumlah dagangan dalam sektor kuari merosot sebanyak 17% kepada RM92.65 juta. Kuari-kuari di Johor kebanyakannya terjejas akibat daripada kemasukan dua pesaing baru yang menyebabkan jualan merosot sebanyak 29% manakala di Kuang, Selangor, jualan merosot sebanyak 22% disebabkan masa operasi yang lebih pendek yang dikenakan oleh Jabatan Perhutanan. Walau bagaimanapun, kuari-kuari di Kuantan dan Junjung telah berjaya mengubah trend menurun dengan hasil yang lebih baik masing-masing



Bar PC di Kilang Durabon




Limbungan stok cerucuk di ICP Jiangmen, China

sebanyak 18% dan 56% memandangkan kegiatan pembinaan di Kuantan kekal teguh dengan projek-projek seperti perluasan Jalan Pekan dan pembinaan Universiti Malaysia Pahang manakala di Junjung, unit ini telah berjaya memperoleh bahagian pasaran yang bertambah baik sejak memulakan operasi pada Jun 2008. Selaras dengan jualan yang lebih rendah, keuntungan pra-cukai merosot sebanyak 18% kepada RM25.40 juta. Bahagian berharap untuk mencapai keputusan yang lebih baik tahun hadapan apabila ekonomi bertambah pulih. Sementara itu, ia semakin aktif mengejari kuari-kuari di Malaysia Timur, Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan India bagi pengembangan perniagaan.

Jumlah dagangan bagi Strong Mixed Concrete Sdn Bhd ("SMC") merosot sebanyak 12% kepada RM47.6 juta, berpunca daripada penguncupan dalam volum sebanyak 30% tetapi diatasi sedikit oleh harga jualan yang lebih tinggi disebabkan perubahan dalam campuran produk kepada gred yang lebih tinggi. Sektor siap campur bergantung pada usaha-usaha rangsangan oleh Kerajaan untuk merangsang ekonomi dalam negeri dan terjejas oleh pelaksanaan perlahan projek-projek mega. Selain daripada itu, pasaran harta tanah semakin lembap pada separuh pertama 2009 akibat kebanyakan pemaju menangguhkan beberapa projek mereka apabila pengguna diramal akan lebih berhati-hati selepas lulusan kredit global. Meskipun keadaan pasaran agak sukar, SMC telah mencatat keuntungan pra-cukai sebanyak RM1.04 juta berbanding dengan RM2.3 juta pada tahun sebelumnya.



Loji pengelopokan di Bachupally, India



Perancah digunakan di TLDM, Pelabuhan Barat

Di India, hasil konkrit siap campur menguncup sebanyak 24% kepada RM79.9 juta berikutan krisis kewangan global. Situasi ekonomi diburukkan lagi dengan ketidakstabilan politik di Andhra Pradesh yang menjelaskan pelaburan langsung setiap asing. Bahagian ini mempunyai enam loji konkrit siap campur - setiap dua di Hyderabad dan Bangalore dan setiap satu di Chennai dan Navi Mumbai. Kegigihan dan ketekunan Bahagian berserta dengan langkah-langkah kawalan kos dan dasar kredit yang diperketatkan telah membantu ia menghindari kerugian dengan mencapai keuntungan pra-cukai sebanyak RM1.94 juta yang merupakan kemerosotan 62% berbanding dengan tahun sebelumnya. Operasi dijangka akan menunjukkan prestasi yang lebih baik pada tahun hadapan dengan industri pembinaan India dijangka akan berkembang pesat sebanyak 9.5% berbanding dengan pertumbuhan KDNK negara itu sebanyak 7% pada tahun 2010.

Ia telah menjadi tahun yang sukar bagi operasi konkrit siap campur di Islamabad apabila krisis kewangan global menjelaskan pelanggan terasnya. Selain daripada itu, ketidakstabilan di bahagian utara Pakistan hampir melumpuhkan kegiatan pembinaan. Akibatnya, jualan menjunam sebanyak 80% kepada RM4.27 juta yang menghasilkan kerugian pra-cukai sebanyak RM0.94 juta. Walau bagaimanapun, usaha-usaha yang dibuat oleh tentera Pakistan telah meningkatkan keselamatan di bandar dan projek-projek telah mula dilaksanakan secara beransur-ansur. Sementara itu, loji Karachi yang memulakan operasi pada November 2008, telah mencatat pertumbuhan yang membanggakan apabila jumlah dagangan meningkat

sebanyak 5 kali ganda kepada RM11.72 juta disebabkan peningkatan bahagian pasaran dan pengiktirafan jenama oleh kalangan kontraktor tempatan. Strategi pembeliannya yang bijak dengan perlindungan nilai harga bahan mentah utamanya telah membantu ia mencapai keuntungan pra-cukai sebanyak RM1.58 juta. Untuk mengekalkan bahagian pasarannya, unit terus menyediakan produk konkrit berkualiti tinggi kepada pelanggan-pelanggannya.

Di bawah keadaan ekonomi yang sukar di India dengan banyak projek hartanah yang besar diperlakukan dan ditangguhkan, perniagaan jejaring dawai keluli mencatat hasil sebanyak RM4.57 juta dan kerugian sebanyak RM1.59 juta. Dengan produk yang masih agak baru di India, unit perniagaan telah memperhebatkan usaha pemasarannya untuk meluaskan penggunaannya. Pada masa ini, segmen pembinaan menghadapi kekurangan pekerja mahir yang semakin meruncing, justeru itu ia mendesak persatuan pembinaan mencari teknologi-teknologi baru untuk mengatasi masalah ini. Pasaran telah mula menunjukkan tanda-tanda penerimaan produk dengan kejayaan pemerolehan melalui projek baru, Client Value Budget & Housing Corporation di Bangalore bagi sekitar 15,000 MT. Keseluruhan pasaran semakin pulih secara perlahan-lahan dan klien telah mula menghargai manfaat produk ini seperti penjimatan masa dan kos buruh.

Perniagaan sewa bahan perancah di bawah Scaffold Master Sdn Bhd telah mencatat kemerosotan sebanyak 8% dalam jumlah dagangan kepada RM9.31 juta ke atas kadar sewa dan permintaan sewa yang lebih rendah. Selaras dengan itu, keuntungan pra-cukai jatuh 5% kepada RM3.83 juta. Sementara itu, pasukan jualan secara agresif menyasarkan pasaran-pasaran di luar Lembah Klang di mana usaha-usaha rangsangan lebih menonjol. Unit ini telah mengembangkan perniagaan sewanya dengan memasukkan sokongan tugas berat, tiang-tiang tepi bahan perancah sistem bermodul, pagar keliling dan jaring keselamatan. Dengan produk baru berserta dengan pemasaran agresif dalam pasaran yang belum diceburi, unit ini berharap agar sektor ini akan bertambah baik pada tahun akan datang.

Kemena Industries Sdn Bhd ("KISB"), anak syarikat milik 55%, menghasilkan produk konkrit siap campur dan konkrit bertutulang pra tuang di Bintulu, Sarawak telah mencatat peningkatan jumlah dagangan sebanyak 37% kepada RM27.16 juta berikutan jualan konkrit siap campur yang lebih tinggi, saliran-U bagi projek Rancangan Sungai, projek Jalan Raya Tanjung Batu/Kidurong dan hasil kontrak daripada projek minyak dan gas. Selaras dengan itu, keuntungan pra-cukai telah meningkat sebanyak 43% kepada RM3.60 juta berbanding dengan tahun lepas. Sementara itu, Spirolite (M) Sdn Bhd, syarikat bersekutu 38% bagi pengilangan paip, tiub, tangki dan kontena, telah menyumbang jumlah dagangan sebanyak RM8.11 juta dan keuntungan pra-cukai sebanyak RM0.48 juta.

Keseluruhannya, Bahagian Industri menunjukkan prestasi di luar jangkaan dalam persekitaran perniagaan yang sangat sukar. Manakala buku tempahan kekal kukuh, tekanan daya saing semakin meningkat. Penekanan kukuh ke atas perluasan pasaran manakala pada masa yang sama mengekalkan kecemerlangan proses akan memberikan petanda baik bagi prestasi yang bagus Bahagian secara berterusan.

Perlادangan

Walaupun suasana pahit getir bahagian terus komited untuk mencapai kecemerlangan dalam Memupuk Kestabilan, dan menghasilkan prestasi yang membanggakan. Walaupun harga CPO merosot sebanyak 15%, penuaian FFB tertinggi sebanyak 604,663 tan telah membantu mengurangkan kemerosotan dalam keuntungan.



Penanaman baru dengan penutup bumi kekacang

Pasukan Pengurusan Bahagian Perladangan:

kiri ke kanan

atas:

- Joseph Tek Choon Yee
- Puru Kumaran
- Velayuthan s/o Tan Kim Song
- Ng Chung Yin

bawah:

- Madusoodanan
- S Kugarajah
- Francis Chai Min Fah
- P K Venugopal

Profil usia perladangan adalah seperti berikut:

	Hektar	%
Sabah		
Matang (> 20 tahun)	705	2
Matang - Premium (8 - 20 tahun)	17,380	57
- Muda (4 - 7 tahun)	5,505	18
Belum Matang (1 - 3 tahun)	1,633	6
Indonesia		
Belum Matang (1 - 3 tahun)	5,306	17

Bahagian Perladangan menghadapi satu lagi tahun yang mencabar yang sebahagian besarnya adalah akibat daripada kesan limpahan ekonomi global yang lemah dan kesannya ke atas eksport Malaysia. Di sebalik keadaan ekonomi yang sukar, Bahagian telah menghasilkan keputusan yang positif dengan mencatat hasil sebanyak RM441.82 juta dan keuntungan prakukai sebanyak RM111.69 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010 yang masing-masing merosot sebanyak 18% dan 30% berbanding tahun sebelumnya.

Selepas mengalami naik turun dan persekitaran harga komoditi yang rendah, harga pulih pada separuh kedua tahun. Akibatnya, Bahagian telah mencapai purata harga jualan minyak sawit mentah ("CPO") sebanyak RM2,246 setiap tan, kemerosotan sebanyak 15% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Dalam tahun kewangan, pokok-pokok kelapa sawit dalam kumpulan usia melebihi 14 tahun mengalami tekanan kitaran yang menyebabkan pengeluaran tandan buah segar ("FFB") berkurangan sebanyak 14% berbanding dengan tahun sebelumnya. Di sebalik keadaan ini, FFB yang dipetik oleh Bahagian telah mencapai satu lagi jumlah tertinggi sebanyak 604,663 tan berbanding dengan 600,205 tan pada FY 2009 disebabkan kekurangan telah diimbangi oleh lebih banyak pengeluaran tanaman daripada kawasan pokok berusia premium yang lebih luas di Sugut. Jumlah FFB yang dikelang oleh Bahagian, termasuk pembelian buah dari luar, juga bertambah sedikit kepada 756,870 tan, satu peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak 750,592 tan.

Jumlah keluasan hektar kawasan ditanam di Sabah keseluruhan berjumlah 25,223 hektar (FY 2009: 25,247 hektar) di mana 94% daripadanya telah mencapai status matang. Dengan permulaan penanaman medan dalam projek pengembangannya di Indonesia, keluasan hektar kawasan ditanam di Kalimantan Timur pada akhir Mac 2010 berjumlah 5,306 hektar (FY 2009: 308 hektar). Bagi tahun kewangan di bawah kajian, kawasan Sugut mencartakan 53% daripada keseluruhan keluasan hektar kawasan ditanam manakala 30% adalah di Sandakan, Sabah dan 17% selebihnya di Indonesia.

Empat kilang minyak sawit Bahagian mempunyai jumlah keupayaan pemprosesan sebanyak 195 tan FFB setiap jam dimana dua kilang minyak terletak di Sandakan manakala dua kilang lain terletak di kawasan Sugut. Pengeluaran CPO bagi tahun 2010 adalah 163,452 tan, peningkatan 4% berbanding dengan tahun sebelumnya (FY 2009: 157,376 tan) manakala isirong sawit ("PK") merosot sebanyak 3% kepada 33,897 tan (FY 2009: 35,022 tan). Purata kadar pengekstrakan minyak yang dicapai adalah 21.6%, peningkatan marginal daripada 21.0% pada tahun sebelumnya. Kadar pengekstrakan isirong sawit walau bagaimanapun mencatat purata lebih rendah sebanyak 4.5% (FY 2009: 4.7%).


Bahagian telah menghancurkan lebih kurang 34,201 tan (FY 2009: 40,705 tan) isirong dalam mengeluarkan 15,147 tan (FY 2009: 17,721 tan) minyak isirong sawit mentah dan 17,092 tan (FY 2009: 20,922 tan) hampas isirong sawit untuk mencapai kadar pengekstrakan masing-masing sebanyak 44.2% dan 49.9% (FY 2009: 43.5% dan 51.4%). Pengurangan dalam volum daya pemprosesan adalah disebabkan pengurangan pembelian isirong sawit luar apabila margin terhakis dengan kejatuhan harga komoditi.



Pejabat perladangan di Sandakan

ULASAN OPERASI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

(samb.)



Kilang minyak sawit di Sugut



Pengangkut sungai bagi penghantaran isiung

Dalam tahun kewangan, peningkatan kos baja, bahan api dan pekerjaan terus memberi tekanan ke atas kos pengeluaran. Selain daripada itu, sumbangan yang dibuat kepada Negeri dalam bentuk cukai jualan Sabah dan ses minyak sawit dibayar kepada Lembaga Minyak Sawit Malaysia ("MPOB") berjumlah RM31.13 juta (FY 2009: RM39.34 juta). Dalam usaha untuk membendung kenaikan kos pengeluaran, Bahagian terus mencari cara dan jalan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti operasi. Selama ini, kaedah yang berkesan dari segi kos seperti pemuliharaan air dan langkah-langkah pengairan telah diterima pakai di tapak-tapak spesifik untuk meningkatkan dan mengekalkan kadar hasil FFB yang tinggi.

Ketersediaan pekerja mahir masih menjadi satu cabaran. Bahagian sentiasa melaksanakan program-program latihan seperti kursus kepimpinan dan bina semangat sambil memastikan penyeliaan yang tersusun dan intensif. Bahagian juga melaksanakan program-program latihan kadet intensif untuk graduan muda yang direkrut dari Indonesia. Program tersebut adalah kursus selama satu tahun yang melibatkan kemahiran praktikal dan latihan bidang berkaitan di ladang Sugut untuk memastikan sumber masa hadapan yang mencukupi bagi program pengembangan ladang di Indonesia.

Sejajar dengan komitmen utama Bahagian untuk memupuk kemapanan, penjagaan bagi alam sekitar terus disebarluaskan melalui kaedah mapan yang digunakan dalam pengeluaran kelapa sawit. Bahagian mematuhi amalan pengurusan alam sekitar yang baik dalam pemuliharaan tanah dan air, penggunaan sisa produk sampingan, pengurusan perosak bersepadan, pemuliharaan dan pengayaan tanah serta kaedah pembakaran sifar.

Bahagian meneruskan proses pengkomposan tandan buah kosong ("EFB") dengan efluen kilang minyak sawit ("POME"). Penggunaan kompos kepada ladang pada dasarnya bertindak sebagai baja organik yang meningkatkan keadaan tanah dan pengambilan nutrien. Ini membolehkan perasionalan penggunaan baja dan pengurangan kos baja yang tinggi.

Dalam usaha berterusannya ke arah menangani isu-isu kemapanan, Bahagian telah memulakan usaha mendapatkan pensijilan Kod Amalan ("CoPs") MPOB dalam tahun pelaporan. Di peringkat pertama, Bahagian telah menjalankan audit dan memperoleh pensijilan bagi empat unitnya yang beroperasi. Di peringkat kedua yang bermula sehingga akhir tahun kewangan, kesemua unit beroperasi selebihnya telah diaudit. Matlamatnya adalah untuk mencapai pensijilan penuh dan lengkap bagi operasi Sabah dalam tahun kewangan semasa.

Kegiatan penanaman dalam projek pengembangannya di Indonesia telah mencapai kemajuan dalam tahun kewangan. Sehingga kini, 5,306 hektar (FY 2009: 308 hektar) telah ditanam. 2,566 hektar lagi telah dibersihkan dan sedia untuk menjalani penanaman. Tapak semai telah dibina di tiga tapak di Kalimantan Timur. Tapak semai mengandungi lebih 2.1 juta anak benih dan akan tersedia untuk penanaman secara berperingkat-peringkat untuk meliputi lebih 12,000 hektar kawasan.

Pasaran biodiesel berdasarkan sawit tidak mempunyai perubahan dalam tinjauan pasaran. Kepimpinan kerajaan dan janji bagi tindakan terus mengalami kekurangan. Akibatnya, Bahagian telah menyediakan kerosotan bagi peralatan biodiesel separuh lengkapnya berjumlah RM4.4 juta dalam tahun kewangan.

Bahagian menjangkakan satu lagi tahun yang mencabar pada tahun hadapan. Berdasarkan persekitaran pasaran yang bergolak, keadaan operasi yang lebih sukar sudah pasti akan wujud. Selain daripada naik turun harga komoditi, kekangan dijangka akan timbul dalam operasi disebabkan kesukaran dalam merekrut pekerja dari Indonesia. Fenomena El Nino telah mengancam akan membawa kemarau ke Australia dan diramal akan menular ke Indonesia dan Malaysia. Tanda-tanda awal kesan ini telah dapat dilihat pada bulan Februari dan Mac 2010 apabila kadar hujan sangat rendah. Pengeluaran tanaman mungkin telah terjejas teruk walaupun kadar hujan yang baik pada April 2010 menunjukkan bahawa kesan teruk adalah sederhana. Sekiranya kadar hujan yang baik berterusan, pengeluaran tanaman yang baik dijangka dapat dihasilkan pada separuh kedua 2010.

Pakar industri meramalkan harga komoditi CPO akan kekal di atas RM2,000 setiap tan. Sekiranya ini menjadi kenyataan berserta dengan pengeluaran tanaman yang baik, prestasi Bahagian dalam tahun kewangan akan datang dijangka akan memuaskan, dalam ketiadaan keadaan di luar jangkaan.

Maju ke hadapan, Bahagian akan sentiasa berwaspada dan melaksanakan langkah bijak dalam menguruskan perniagaan.

Sebagaimana pada masa lepas, Bahagian akan terus memberikan penekanan untuk meningkatkan keberkesanan operasi dan memaksimumkan produktiviti buruh. Tumpuan lebih hebat dan utama akan diberi dalam program pengembangan di Indonesia apabila kawasan lebih besar ditanam dan kerja-kerja awal bagi penubuhan kilang minyak sawit bermula.

Perangkaan Perladangan

	Unit	FY 2010	FY 2009	FY 2008	FY 2007	FY 2006
LADANG						
Kawasan Kelapa Sawit						
Sabah, Malaysia						
Matang (> 20 tahun)	hektar	705	900	-	-	-
Matang-Premium (8-20 tahun)	hektar	17,380	14,447	15,600	11,877	9,410
Matang-Muda (4-7 tahun)	hektar	5,505	7,764	7,040	10,673	10,946
Belum Matang (1-3 years)	hektar	1,633	2,136	2,653	2,871	4,251
Kalimantan, Indonesia						
Belum Matang (1-3 tahun)	hektar	5,306	308	-	-	-
Jumlah Keluasan Ditanam	hektar	30,529	25,555	25,293	25,421	24,607
Pengeluaran FFB	tan	604,663	600,205	567,324	504,871	451,677
Kadar Hasil Setiap Hektar Matang	tan	25.6	26.0	25.1	22.4	22.2
KILANG						
Memproses FFB	tan	756,870	750,592	724,361	669,050	622,625
Memproses Isirong Sawit	tan	34,201	40,705	52,954	55,778	56,977
Pengeluaran						
Minyak Sawit Mentah	tan	163,452	157,376	154,174	144,095	139,313
Isirong Sawit	tan	33,897	35,022	34,269	30,277	28,775
Minyak Isirong Sawit Mentah	tan	15,147	17,721	23,042	24,038	24,438
Hampas Isirong Sawit	tan	17,092	20,922	27,717	29,004	29,628
Kadar Pengekstrakan						
Minyak Sawit Mentah	%	21.6	21.0	21.3	21.5	22.4
Isirong Sawit	%	4.5	4.7	4.7	4.5	4.6
Minyak Isirong Sawit Mentah	%	44.2	43.5	43.5	43.1	42.9
Hampas Isirong Sawit	%	49.9	51.4	52.3	52.0	52.0
PURATA HARGA JUALAN						
Minyak Sawit Mentah	RM/tan	2,246	2,641	2,544	1,511	1,373
Isirong Sawit	RM/tan	1,116	1,180	1,481	786	941
Minyak Isirong Sawit Mentah	RM/tan	2,555	3,107	3,251	1,863	2,093
Hampas Isirong Sawit	RM/tan	195	358	381	198	172

Infrastruktur

Dalam tempoh di bawah kajian, bahagian ini telah membuat sumbangan besar kepada Kumpulan, terutamanya disebabkan keuntungan pertukaran asing. Malah apa yang lebih membanggakan, bahagian ini sentiasa menghasilkan aliran pendapatan berulang yang teguh yang dijana daripada operasi kutipan tol, pelabuhan dan kuasa.



Lebuh Raya Pantai Baru, Kuala Lumpur

Pasukan Pengurusan Bahagian Tol:*kiri ke kanan**atas:*

- Neoh Soon Hiong
- Simon Thiang Choon Hian
- Wan Salwani Binti Wan Yusoff

bawah:

- Hwa Tee Hai
- Chua Lay Hoon

Pasukan Pengurusan Bahagian Pelabuhan:*kiri ke kanan**atas:*

- Ho Phea Keat
- Haji Khasbullah Bin A Kadir

bawah:

- Azah Bin Abdul Aziz
- Azahari Bin Muhammad Yusof

Bahagian Infrastruktur telah melaporkan peningkatan jumlah dagangan sebanyak 54% kepada RM538.91 juta (FY 2009: RM349.63 juta) terutamanya disebabkan oleh Loji Kuasa Gautami yang akan bermula tidak lama lagi dan kutipan lebih tinggi daripada operasi konsesi jalan raya bertol di Malaysia dan luar negeri serta pelabuhan tempatan. Keuntungan pra-cukai Bahagian meningkat sebanyak 262% kepada RM95.88 juta (FY 2009: RM26.49 juta) terutamanya timbul daripada pengiktirafan keuntungan pertukaran asing lebih kurang RM57 juta berhubung dengan pinjaman luar pesisirnya yang didenominasi dalam dolar US dan sumbangan tol dan pelabuhan yang lebih tinggi. Aset infrastruktur Bahagian pada masa ini terdiri daripada sembilan (9) konsesi tol (dengan tiga (3) di Malaysia, lima (5) di India dan satu (1) di Argentina), dua pelabuhan - setiap satu di Pahang dan Terengganu, sebuah loji kuasa di India, dan sebuah loji rawatan air di Vietnam.

Jalan Bertol

Di Malaysia, konsesi jalan bertol telah menyumbang sebahagian besar kepada hasil Bahagian Infrastruktur. Pada masa ini, terdapat tiga (3) jalan bertol yang beroperasi di mana dua dimiliki sepenuhnya, Lebuhraya Besraya 16.6 Km ("Besraya") dan Lebuhraya Pantai Baru 19.6 Km ("NPE") dan milik 50% yang diselesaikan sebahagian 43.3 Km Lebuhraya Kajang-Seremban ("LEKAS") yang memegang tempoh konsesi selama 36, 34 dan 33 tahun dan masing-masing telah beroperasi selama 12, 6 dan 1 tahun.

Dalam tahun kewangan, jumlah dagangan Besraya merosot sebanyak 23% daripada tahun lepas kepada RM40.57 juta. Keuntungan pra-cukainya turut berkurangan sebanyak 15% kepada RM24.50 juta. Kemerosotan tersebut terutamanya berpunca daripada penghapusan kutipan tol di Plaza Tol Salak Jaya pada Februari 2009. NPE walau bagaimanapun menunjukkan prestasi lebih baik dengan mencatat jumlah dagangan lebih tinggi sebanyak 22% kepada RM96.96 juta berbanding dengan tahun lepas. Keuntungan pra-cukainya sebanyak RM22.22 juta adalah 6.5 kali ganda lebih baik berbanding dengan tahun lepas. Prestasi yang bertambah baik ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan dinamik dalam volum trafik, kos operasi yang kecil dan pengurangan kos hutang.



Lebuhraya Besraya, Kuala Lumpur

ULASAN OPERASI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

(samb.)

Perjanjian konsesi Besraya dan NPE yang menyediakan semakan kadar tol bagi semua kelas kenderaan berkuat kuasa 1 Januari 2009 telah ditunda oleh Kerajaan sehingga kini, untuk meringankan beban kewangan orang awam semasa kelembapan ekonomi global. Ini telah menyebabkan pampasan tunai diberi kepada NPE pada tahun sebelumnya dan penyambungan kepada Besraya dipanggil Penyambungan Timur Besraya ("BEE") dengan pelanjutan selanjutnya selama 8 tahun kepada tempoh konsesi. Pembinaan BEE bermula dalam tahun kewangan dan selepas penyiapan, jarak keseluruhan Besraya adalah 28.9 Km dengan satu plaza tol baru terletak di Loke Yew.

Sejajar dengan usaha Kerajaan untuk menambah baik pengangkutan awam di negara ini, lorong Transit Lebuhraya Bas ("BET") telah dilaksanakan di NPE untuk menyediakan akses mudah kepada penumpang bas yang berulang-alik di Lembah Klang. Lorong BET adalah lorong khas bagi bas-bas yang berulang-alik melalui NPE dalam waktu puncak dan pergerakan ini telah berjaya menjimatkan masa perjalanan dan meningkatkan bilangan bas yang menggunakan NPE.

LEKAS telah memulakan pembahagian dua seksyen tol, iaitu Kajang Selatan-Pajam pada Ogos 2008 dan Pajam-Mantin pada Disember 2008. Pada 1 Mac 2010, ia telah membuka seksyen ketiga, iaitu Mantin-Setul. Pembukaan seksyen awal menandakan peristiwa penting LEKAS memandangkan ia tidak dijadualkan dalam rancangan projek asal. Dalam tahun kewangan, LEKAS telah menyumbang jumlah dagangan sebanyak RM5.58 juta (FY 2009: RM1.63 juta) dan kerugian

pra-cukai sebanyak RM12.83 juta (FY 2009: 6.26 juta) disebabkan kos pembiayaan, pelunasan aset lebuhraya dan volum trafik awal yang rendah daripada lebuhraya yang belum siap.

Terdapat peningkatan cabaran dan persaingan dalam industri tol tempatan daripada konsesi-konsesi lebuhraya baru, kemunculan laluan alternatif tanpa tol, penambahbaikan rangkaian jalan raya dan situasi ekonomi semasa, yang telah menjadikan volum trafik. Walau bagaimanapun, Bahagian yakin dapat mencapai pertumbuhan tempatan dua angkanya dan akan terus berusaha bagi produktiviti dan kecekapan yang lebih tinggi untuk mengekalkan keberuntungan. Kepesatan pembinaan BEE sedia untuk dilaksanakan selepas pemuktamadan Perjanjian Konsesi Tambahan. Selain daripada itu, penyiapan LEKAS pada Julai 2010 sudah tentu akan menambah hasil masa hadapan Bahagian.

Di India, operasi jalan bertol Bahagian seperti jalan bertol milik penuh Rewa (387 Km) dan jalan bertol milik 35% Swarna (145 Km) telah beroperasi selama enam tahun dengan pertambahan bilangan trafik. Penambahan lain-lain adalah jalan bertol milik 50% Chilkaluripet-Vijayawada (79 Km) yang mula mengutip tol pada Mei 2009 dan jalan bertol milik penuh Jaipur-Mahua (108 Km) dan jalan bertol milik 50% Trichy (93 Km) yang mula mengutip tol sepenuhnya pada September 2009. Kerja pembinaan ke atas Enam Lorong jalan bertol Chilkaluripet-Vijayawada (79 Km) dijangka akan bermula dalam tahun kewangan akan datang. Jalan-jalan bertol di India memegang tempoh konsesi antara 16 hingga 31 tahun.



Pembukaan rasmi Persimpangan Setul dan Ampangan, LEKAS pada 1 Mac 2010



Dek Pemerhatian di Bangunan Pentadbiran LEKAS



Jalan Bertol Jaipur-Mahua di Rajasthan, India



Jalan Bertol Akses Barat, Argentina

Dalam tahun kewangan, jalan-jalan bertol India telah menyumbang hasil sebanyak RM98.34 juta (FY 2009: RM71.37 juta) dan keuntungan pra-cukai sebanyak RM34.25 juta (FY 2009: Kerugian sebanyak RM21.38 juta). Kedudukan keberuntungan semasa adalah terutamanya disebabkan oleh pengiktirafan keuntungan pertukaran asing lebih kurang RM57.00 juta berhubung dengan pinjaman luar pesisir yang didenominasi dalam Dolar US. Tanpa keuntungan tersebut, Bahagian Infrastruktur India mungkin mengalami kerugian pra-cukai sebanyak RM22.41 juta. Adalah dijangkakan bahawa operasi tol di India yang berada di peringkat awalnya, akan terus menghadapi cabaran dari segi volum trafik dan kos hutang yang tinggi, faktor-faktor ini akan dikurangkan oleh kematangan profil aset sedia ada dengan pertambahan kutipan tol dan volum trafik yang lebih tinggi.

Di Argentina, syarikat 20%-milik Kumpulan Grupo Concesionario del Oeste S.A. ("GCO") yang mengendalikan konsesi selama 21 tahun Jalan Bertol Akses Barat (56 Km) di Buenos Aires, telah menyumbang jumlah dagangan yang lebih tinggi kepada Kumpulan sebanyak 14% kepada RM39.55 juta berbanding dengan tahun sebelumnya terutamanya disebabkan oleh semakan kadar tol bagi kenderaan ringan dan kategori waktu sibuk pada Januari 2009 dan Disember 2009 berikutan perundingan semula kontrak konsesi. Walau bagaimanapun, disebabkan kemelesetan pada tahun 2009, keseluruhan volum trafik merosot sebanyak 7% kepada 105.1 juta unit kereta penumpang. Sejarah dengan jumlah dagangan yang lebih tinggi, bahagian kerugian bersih Kumpulan adalah lebih kecil dalam tempoh kewangan berjumlah RM0.53 juta (FY 2009: RM4.02 juta). Selepas mencatat pemulihan baik dalam tahap trafik dan EBITDA pada suku pertama 2010, harapan perniagaan bagi tahun selebihnya dijangka akan kekal positif.

Prospek Kumpulan dalam jalan bertol terus kekal positif dengan pendedahan kepada risiko operasi dan kewangan yang terbatas dan akan terus menyumbang aliran pendapatan berulang yang teguh kepada perolehan Kumpulan. Modal insan dan kemahiran pengurusan Bahagian yang tidak ternilai berserta dengan pengembangan pengetahuan industri di peringkat tempatan dan luar negeri, akan memastikan agar Bahagian Tol kekal relevan dan melonjak pada tahap yang lebih tinggi.

ULASAN OPERASI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

(samb.)

Pelabuhan

Terdapat dua konsesi pelabuhan dalam aset konsesi Kumpulan yang stabil yang telah menyumbang secara positif kepada keuntungannya. Dalam tahun kewangan, Pelabuhan Kuantan telah mencapai keuntungan pra-cukai yang bertambah baik sebanyak 24% kepada RM40.97 juta (FY 2009: RM33.10 juta) berdasarkan jumlah dagangan yang lebih tinggi sebanyak RM112.30 juta (FY 2009: RM99.40 juta). Daya pemprosesan kargo mencatat tan tambang muatan 11.0 juta ("FWT") (FY 2009: 9.1 juta FWT), peningkatan sebanyak 21% berbanding dengan tahun sebelumnya yang disumbangkan oleh eksport cecair kimia, import minyak mineral dan petroleum, eksport biji besi dan kontena berikutnya pemulihian akibat krisis ekonomi global.

39% pegangan Kumpulan dalam Pelabuhan Kemaman, Terengganu yang mengendalikan Dermaga Timur dan Himpitan Kimia Cecair, menunjukkan prestasi baik dengan mencatat jumlah dagangan sebanyak RM33.80 juta (FY 2009: RM29.70 juta) dengan keuntungan pra-cukai sebanyak RM8.50 juta (FY 2009: RM7.90 juta) terutamanya disebabkan oleh perkhidmatan pengendalian kargo dan maritim.

Dalam tahun kewangan, Bahagian Pelabuhan terus melabur dalam kemudahan pelabuhan yang akan menghasilkan pulangan yang baik kepada untung rugi mereka. Ia juga memainkan peranan yang lebih agresif untuk meningkatkan bahagian pasarnya di peringkat tempatan dan serantau. Projek pengembangan Pelabuhan Kuantan di bawah Majlis Pembangunan Kawasan Ekonomi Pantai Timur masih dalam peringkat awal pembangunan dan apabila siap kelak, ia dijangka akan bertindak sebagai pemangkin untuk menerajui pembangunan ekonomi negeri-negeri Pantai Timur.

Di peringkat antarabangsa, Bahagian Pelabuhan sedang meneroka peluang perniagaan dalam pembangunan, pengurusan dan operasi pelabuhan di rantau ini. Bahagian menjangkakan bahawa perdagangan maritim global akan terus memainkan peranannya dalam tahun-tahun mendatang dan ini dijangka akan memberikan petanda baik buat Bahagian Pelabuhan memandangkan ia akan terus memberikan sumbangan teguh kepada Kumpulan pada masa hadapan.

Loji Kuasa

Di India, konsesi loji kuasa tunggal Kumpulan di Andhra Pradesh, adalah loji 20%-milik Gautami Power, sebuah Loji Kuasa Kitaran Gabungan 469 MW berdasarkan gas asli. Loji tersebut diaktifkan pada Jun 2009. Loji kuasa telah menyumbang jumlah dagangan sebanyak RM111.47 juta dan keuntungan bersih sebanyak RM9.61 juta bagi bahagian keputusan Kumpulan dalam tahun kewangan. Pelaburan ini dijangka akan menyumbang aliran pendapatan tetap kepada Kumpulan sepanjang tempoh konsesi sehingga tahun 2023.

Loji Rawatan Air

Syarikat bersekutu Vietnam 36%-milik Binh An Water Corporation Ltd telah menyumbang peningkatan keuntungan bersih sebanyak RM3.50 juta (FY 2009: RM2.95 juta), bagi bahagian keuntungannya dalam tahun kewangan pada dasarnya disebabkan oleh penggunaan air yang lebih tinggi. Pelaburan ini dijangka akan menyumbang aliran pendapatan yang stabil kepada Kumpulan sehingga tahun 2019.

Dalam masa ekonomi yang mencabar, Kumpulan akan terus berusaha untuk membida secara terpilih bagi projek-projek infrastruktur dalam pasaran tempatan dan antarabangsa untuk membina kepelbagaiannya portfolionya dan pelaburan infrastruktur yang baik.



Vesel di Himpitan, Pelabuhan Kuantan, Pahang



Rig minyak pertama berlabuh di Pelabuhan Kuantan, Pahang



Loji Kuasa Gautami di Andhra Pradesh, India



Loji Rawatan Air Binh An di Bandar Ho Chi Minh, Vietnam

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, prestasi Kumpulan adalah membanggakan dalam keadaan kesukaran kewangan dan ekonomi semasa. Kumpulan telah mencatat keputusan yang agak baik dalam tahun kewangan di persekitaran yang sangat berdaya saing dan pasaran yang mencabar. Dengan sokongan Kerajaan melalui pelbagai langkah rangsangan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dan pelaksanaan projek-projek infrastruktur yang terjejas oleh kelembapan global, banyak peluang wujud bagi Kumpulan untuk diambil kesempatan yang boleh mendatangkan hasil. Dalam persekitaran kadar faedah semasa yang rendah, Bahagian Hartanah sedang melancarkan lebih banyak produk untuk memenuhi permintaan pasaran yang kukuh bagi hartanahnya. Disokong oleh buku tempahan yang teguh, Bahagian Pembinaan dijangka akan meningkatkan semula kekuatannya pada tahun-tahun mendatang apabila kegiatan pembinaan mula membangun.

Sementara itu, Bahagian Industri akan sentiasa mencari peluang-peluang baru untuk mengembangkan kedua-dua pasaran tempatan dan global untuk mengekalkan rekod prestasi yang menguntungkan. Prestasi Bahagian Perladangan dijangka akan memuaskan dalam tahun kewangan memandangkan harga CPO diramal akan kekal di atas RM2,000 setiap tan. Sementara itu, Bahagian Infrastruktur bersedia untuk merangsangkan Kumpulan ke dalam tahap berikutnya dengan aliran pendapatan berulangnya yang teguh yang dihasilkan daripada kutipan tol, pelabuhan dan operasi loji kuasa.

Memandangkan pemulihran ekonomi pada kadar yang lebih perlahan dan tidak menentu, kami akan terus mengamalkan pengurusan berhemat dan proaktif dalam proses kendalian kami untuk meningkatkan lagi daya saing dan kehadiran pasaran kami. Kami menjangkakan bahawa prestasi operasi Kumpulan bagi tahun kewangan akan datang akan memuaskan dan terus menghasilkan pertumbuhan yang menguntungkan.

Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan
KPE & Pengarah Urusan

PENYATA URUS TADBIR KORPORAT

Lembaga Pengarah ("Lembaga") menyedari kepentingan urus tadbir korporat yang baik dalam pembentukan pertumbuhan perniagaan yang boleh dikekalkan, dan adalah komited untuk memastikan agar piawaian tertinggi bagi urus tadbir korporat diamalkan pada keseluruhan Kumpulan dengan integriti, ketelusan dan profesionalisme.

Lembaga sentiasa bersikap proaktif berhubung dengan urus tadbir korporat dan memastikan agar prinsip-prinsip dan amalan-amalan terbaik urus tadbir yang baik sebagaimana dinyatakan dalam Kod Malaysia mengenai Urus Tadbir Korporat ("Kod") diamalkan secukupnya oleh semua syarikat dalam Kumpulan dan kakitangannya.



IJM menerima anugerah Merit Indeks Urus Tadbir Korporat Malaysia 2009 daripada MSWG pada Disember 2009

I. LEMBAGA PENGARAH

1. Komposisi Lembaga

Daripada sebelas (11) orang ahli Lembaga, lapan adalah Pengarah Bukan Eksekutif. Antara para Pengarah Bukan Eksekutif, empat merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Pengerusi adalah salah seorang daripada Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Datuk Yahya bin Ya'acob adalah Pengarah Bebas Kanan Bukan Eksekutif, yang boleh menjawab sebarang pertanyaan atau kebimbangan yang berhubungan dengan Kumpulan di samping Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan ("KPE&PU").

Peranan Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif dan KPE&PU adalah berbeza dan berasingan. Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif meluangkan masa untuk memberi penjelasan mengenai isu-isu yang ditimbulkan oleh pemegang-pemegang saham dan pelabur-pelabur untuk memastikan integriti dan keberkesanan proses urus tadbir Lembaga. Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif juga kerap mengadakan dialog dengan KPE&PU mengenai semua perkara operasi dan bertindak sebagai fasilitator dalam mesyuarat Lembaga. Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif sebelum ini tidak memegang jawatan KPE&PU dalam Kumpulan.

KPE&PU mempunyai tanggungjawab keseluruhan bagi pengurusan harian perniagaan dan pelaksanaan polisi dan keputusan Lembaga. KPE&PU bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan sewajarnya matlamat strategik, operasi berkesan dalam Kumpulan, dan untuk menerangkan, menjelaskan dan memaklumkan kepada Lembaga mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan Kumpulan. Pembahagian tanggungjawab di antara Pengerusi dan KPE&PU ini memastikan kebertanggungjawaban diberi keutamaan yang tinggi.

Komposisi dan saiz Lembaga disemak dari masa ke masa bagi memastikan kesesuaiannya. Profil setiap Pengarah dibentangkan pada muka surat 24 hingga 29.

2. Tugas-tugas dan Tanggungjawab Lembaga

Lembaga mengetuai, memberi arahan strategik dan mengurus Kumpulan. Para Pengarah adalah para profesional dalam bidang kejuruteraan, kewangan, perakaunan, ekonomi atau pentadbir awam kanan yang berpengalaman. Bersama-sama, mereka membawa pelbagai kecekapan, keupayaan, kemahiran teknikal dan pengalaman perniagaan yang berkaitan untuk memastikan agar Kumpulan terus menjadi peneraju yang berdaya saing dalam segmen industri pelbagainya dengan reputasi yang kukuh bagi kecekapan teknikal dan profesional.

Para Pengarah Bukan Eksekutif memberi pertimbangan bebas ke atas isu-isu strategi, prestasi perniagaan, sumber dan taraf tatalaku. Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pula memberi pandangan yang bebas dan membina untuk memastikan strategi yang dicadangkan oleh pengurusan dikaji dan ditimbangkan sepenuhnya demi kepentingan Kumpulan dan juga pemegang-pemegang pelbagai kepentingan.

Lembaga bertanggungjawab terutamanya bagi rancangan strategik seluruh Kumpulan untuk prestasi perniagaan, menyelia pengendalian perniagaan yang teratur, perancangan penggantian, pengurusan risiko, program perhubungan pelabur, kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan. Manakala Lembaga bertanggungjawab untuk membentuk rangka kerja dan polisi dalam mana Kumpulan harus beroperasi, pihak pengurusan bertanggungjawab bagi pelaksanaan polisi yang dinyatakan dan pencapaian objektif korporat Kumpulan yang dinyatakan. Pembatasan ini melengkapi dan memperkuuhkan peranan penyeliaan Lembaga.

Syarikat boleh dari masa ke masa menggunakan khidmat Para Pengarah Eksekutif yang telah bersara untuk peranan khusus dalam operasi Syarikat bagi tempoh-tempoh khusus. Para Pengarah ini akan dibayar imbuhan untuk perkhidmatan mereka.

3. Mesyuarat Lembaga

Lembaga mengadakan sekurang-kurangnya empat mesyuarat berjadual tetap setiap tahun, dengan mesyuarat tambahan diadakan bila dan apabila diperlukan. Dalam tahun kewangan, lima (5) mesyuarat Lembaga telah diadakan.

Rekod kehadiran setiap Pengarah adalah seperti berikut:-

	Bilangan Mesyuarat Dihadiri	Peratusan
Pengarah Eksekutif Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan Dato' Teh Kean Ming Soo Heng Chin (<i>Meletak jawatan pada 30 Januari 2010</i>)	5 daripada 5 4 daripada 5 4 daripada 4	100% 80% 100%
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob Tan Sri Abdul Halim bin Ali Datuk Yahya bin Ya'acob Datuk Oh Chong Peng	5 daripada 5 4 daripada 5 5 daripada 5 4 daripada 5	100% 80% 100% 80%
Pengarah Bukan Eksekutif Datuk Hj Hasni bin Harun Datuk Lee Teck Yuen Dato' David Frederick Wilson Dato' Goh Chye Koon (<i>Jawatan dinamakan semula sebagai Pengarah Eksekutif pada 30 Jun 2009</i>) Dato' (Dr) Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad (<i>Bersara pada 25 Ogos 2009</i>)	3 daripada 5 4 daripada 5 5 daripada 5 5 daripada 5 2 daripada 2	60% 80% 100% 100% 100%
Pengarah Silih Ganti Tan Gim Foo, Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon^	5 daripada 5	100%

[^] Berhenti sebagai Pengarah Silih Ganti kepada Soo Heng Chin pada 30 Januari 2010 dan dilantik sebagai Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon pada 30 Januari 2010

Selain daripada mesyuarat-mesyuarat Lembaga ini, para Pengarah juga menghadiri beberapa mesyuarat mempertimbangkan tender dan taklimat pelaburan, di mana para Pengarah membincang mengenai penyertaan Kumpulan dalam bida atau pelaburan melebihi jumlah sebanyak RM500 juta (atau RM250 juta bagi kontrak luar negara). Mesyuarat dan perundingan tidak rasmi sering kali dan secara bebas diadakan untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman. Para Pengarah juga menghadiri dialog pengurusan kanan tahunan di mana strategi operasi, kemajuan prestasi dan isu-isu lain dikemukakan, dibincangkan dan dimaklumkan kepada pengurus-pengurus kanan Kumpulan.

PENYATA URUS TADBIR KORPORAT

(samb.)



Pengarah mengambil bahagian dalam sesi Q&A semasa Taklimat Indeks Urus Tadbir Korporat Malaysia oleh MSWG



Para Pengarah dan Pengurusan Kanan telah menghadiri Ceramah Urus Tadbir Korporat oleh PricewaterhouseCoopers

4. Bekalan Maklumat

Semua Pengarah disediakan dengan laporan prestasi dan kemajuan tepat pada masa sebelum mesyuarat berjadual Lembaga. Semua kertas Lembaga, termasuk isu-isu rumit atau perkara-perkara khusus, diedarkan lebih awal bagi memastikan para Pengarah dimaklumkan secukupnya dan mempunyai peluang untuk meminta maklumat tambahan, dan boleh mendapatkan penjelasan selanjutnya daripada Setiausaha Syarikat, sekiranya keperluan timbul. Sekiranya perlu, perkhidmatan lain-lain pengurusan kanan akan diatur untuk memberi penerangan singkat dan membantu para Pengarah akan menjelaskan sebarang keraguan atau kebimbangan.

Antara lain, laporan menyediakan maklumat isu-isu utama mengenai operasi, kewangan dan korporat, kegiatan dan prestasi projek, prestasi bahagian dan alasan-alasan bagi pelencongan ketara daripada bajet dan perubahan besar dalam struktur Kumpulan, dan urus niaga sekuriti (termasuk ringkasan urus niaga sekuriti para Pengarah, Pegawai Utama dan pemegang-pemegang saham utama).

Para Pengarah juga dimaklumkan mengenai sebarang pengumuman korporat yang dikeluarkan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities"). Mereka juga dimaklumkan mengenai sekatan yang akan berkuat kuasa dalam urusan dengan sekuriti Syarikat sekurang-kurangnya satu bulan sebelum pengeluaran pengumuman keputusan kewangan suku tahunan.

Selain daripada itu, terdapat satu jadual perkara-perkara yang terhad secara khusus untuk pertimbangan Lembaga, seperti kelulusan rancangan korporat, bajet tahunan, usaha niaga baru, pembelian dan pelupusan usaha niaga dan harta bernilai besar, dan perubahan kepada struktur pengurusan dan kawalan dalam Kumpulan, termasuk dasar-dasar utama, had kuasa yang ditugaskan dan, penyertaan dalam pertimbangan tender untuk projek pembinaan melebihi had yang diwujudkan.

Semua Pengarah mempunyai akses kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat sepenuh masa yang dilantik oleh Lembaga, dan mereka telah diberikan Manual Penyenaraian Bursa Securities, Kod, Penyata mengenai Kawalan Dalaman: Garis panduan bagi para Pengarah Syarikat Tersenarai Awam, dan Kod Etika bagi para Pengarah dan Setiausaha, kemas kini mengenai perundangan syarikat dan sekuriti dan peraturan dan perundangan berkenaan lain. Para Pengarah juga telah diberikan penerbitan, iaitu Panduan Urus Tadbir Korporat: Ke Arah Kecemerlangan Mesyuarat Lembaga (oleh Bursa Malaysia Berhad) dan Prinsip-prinsip Urus Tadbir Korporat dan Garis Panduan Pengundian KWSP.

Para Pengarah boleh mendapatkan nasihat bebas di mana perlu, atas perbelanjaan Syarikat, untuk memastikan para Pengarah akan dapat membuat keputusan bebas dan termaklum.

5. Jawatankuasa Ditubuhkan oleh Lembaga

Lembaga telah menugaskan fungsi-fungsi tertentu kepada Jawatankuasa yang ia tubuhkan untuk membantu dalam pelaksanaan tanggungjawabnya. Jawatankuasa beroperasi di bawah bidang tugas yang telah ditetapkan. Pengerusi Jawatankuasa masing-masing melaporkan kepada Lembaga keputusan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa dan laporan-laporan tersebut dimasukkan dalam kertas-kertas Lembaga.

A. Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa Eksekutif telah ditubuhkan pada 31 Mac 1995 dan keahliannya terdiri daripada Pengarah-pengarah Eksekutif Lembaga. Jawatankuasa Eksekutif bermesyuarat secara bulanan untuk mengkaji prestasi bahagian operasi Kumpulan. Turut menghadiri adalah Ketua Bahagian, Ketua Pegawai Kewangan, Setiausaha Syarikat dan Ketua-ketua jabatan berkaitan.

Bidang tugas Jawatankuasa Eksekutif termasuklah yang berikut:-

- membuat keputusan mengenai semua urus niaga dan perkara berkaitan dengan perniagaan teras Kumpulan atau pelaburan yang sedia-ada dalam kuasa terbatas diberi melalui had-had yang ditentukan oleh Lembaga; dan
- membuat keputusan mengenai semua perkara berkaitan dengan kemudahan perbankan sebagaimana mungkin diperlukan dalam melaksanakan operasi Kumpulan.

Dalam tahun kewangan, 11 mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif telah diadakan. Rekod kehadiran setiap ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:-

Pengarah Eksekutif	Bilangan Mesyuarat Dihadiri	Peratusan
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	11 daripada 11	100%
Dato' Teh Kean Ming	11 daripada 11	100%
Dato' Goh Chye Koon <i>(Jawatan dinamakan semula sebagai Pengarah Bukan Eksekutif pada 30 Jun 2009)</i>	2 daripada 3	67%
Soo Heng Chin <i>(Meletak jawatan pada 30 Januari 2010)</i>	8 daripada 9	89%

B. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada 31 Januari 1994 dan dipengerusikan oleh Datuk Oh Chong Peng. Ahli-ahli Jawatankuasa Audit lain adalah Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob, Datuk Yahya bin Yaacob dan Tan Sri Abdul Halim bin Ali. Bidang tugas dan ringkasan kegiatan Jawatankuasa Audit dikemukakan pada muka surat 94 dan 97.

C. Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan



Jawatankuasa Imbuhan telah ditubuhkan pada 2 Disember 1998 dan telah dinamakan semula sebagai Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan pada 16 Mei 2001. Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob (*tengah kiri*). Tiga ahli Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan lain adalah Datuk Yahya bin Ya'acob (*tengah kanan*), Datuk Oh Chong Peng (*kiri*) dan Datuk Lee Teck Yuen (*kanan*).

Bidang tugas Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan termasuk yang berikut:-

- (i) mewujudkan dan mengkaji terma dan syarat pekerjaan dan imbuhan Pengarah Eksekutif dan eksekutif-eksekutif kanan Kumpulan;
- (ii) mengkaji dan meluluskan kenaikan gaji dan bonus tahunan bagi Pengarah-pengarah Eksekutif dan eksekutif-eksekutif kanan Kumpulan;

PENYATA URUS TADBIR KORPORAT

(samb.)

- (iii) mengkaji, mengesyorkan dan mempertimbangkan calon-calon kepada Lembaga Syarikat, anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan, termasuk jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga;
- (iv) mengkaji dan menentukan gabungan kemahiran, pengalaman dan kualiti-kualiti lain, termasuk teras kecekapan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif secara tahunan; dan
- (v) menilai keberkesanan Lembaga secara keseluruhan, jawatankuasa Lembaga dan sumbangan setiap Pengarah secara tahunan.

Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan akan bermesyuarat sebagaimana diperlukan. Tiga (3) mesyuarat, yang telah dihadiri oleh semua ahli, telah diadakan dalam tahun kewangan. Semua pengesyoran Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga.

Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan secara keseluruhannya telah berpuas hati dengan prestasi dan keberkesanan Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga. Memandangkan jangkaan dan pematuhan urus tadbir yang kian meningkat, Lembaga telah bersetuju dengan Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan, dengan bantuan Setiausaha Syarikat, untuk menjadikan lebih terperinci kaedah dan proses bagi penaksiran dan penilaian Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga.

Sebagai satu polisi, Lembaga sendiri akan menaksir, menilai dan menentukan kebebasan Pengarah Bebas apabila beliau sudah cukup tempoh bagi pelantikan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan, tanpa mengambil kira tempoh perkhidmatan Pengarah Bebas telah lebih daripada dua belas (12) tahun.

D. Jawatankuasa Sekuriti dan Opsyen

Jawatankuasa Sekuriti dan Opsyen ("SOC") telah ditubuhkan pada 27 Ogos 2007 menggabungkan peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Saham dan Jawatankuasa Skim Opsyen Saham Kakitangan yang telah ditubuhkan sebelum ini masing-masing pada 3 September 1986 dan 30 Oktober 2003. SOC bertanggungjawab dalam melaksanakan dan mentadbir opsyen, dan mengawal dan meluluskan urus niaga dan pendaftaran sekuriti. SOC terdiri daripada Datuk Yahya bin Ya'acob (Pengerusi), Dato' Teh Kean Ming dan Dato' David Frederick Wilson.

6. Pelantikan kepada Lembaga

Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan bertanggungjawab untuk membuat pengesyoran kepada Lembaga, termasuk lembaga anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu. Dalam membuat pengesyoran-pengesyoran ini, Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan menimbangkan gabungan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan, di mana para Pengarah harus bawa kepada Lembaga.

7. Pemilihan Semula

Tataurus Pertubuhan Syarikat memperuntukkan agar semua Pengarah hendaklah menawarkan diri mereka bagi pemilihan semula sekurang-kurangnya setiap tiga tahun dalam mematuhi Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities. Tataurus Pertubuhan Syarikat juga memperuntukkan bahawa satu pertiga daripada Lembaga akan bersara daripada jawatan dan menjadi layak untuk pemilihan semula pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan.

Pengarah-pengarah yang berusia lebih daripada tujuh puluh tahun dikehendaki menawarkan diri mereka bagi pelantikan semula setiap tahun selaras dengan Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965 ("Akta").

8. Latihan Para Pengarah

Semua Pengarah telah menghadiri Program Pentauliahan Mandatori Para Pengarah yang diaturkan oleh Bursa Securities. Para Pengarah kami telah menghadiri persidangan, seminar, dan program latihan dari masa ke masa meliputi bidang kewangan, pengurusan risiko, dan dalam undang-undang, peraturan-peraturan dan garis panduan berperaturan. Kursus induksi yang ringkas juga diberikan oleh Setiausaha Syarikat kepada para Pengarah baru yang dilantik.

Syarikat menyedari mengenai kepentingan latihan berterusan bagi para Pengarah untuk membolehkan para Pengarah melaksanakan tugas-tugas mereka secara berkesan, dan atas dasar berterusan, akan menilai dan menentukan keperluan latihan para Pengarahnya.

Dalam tahun kewangan, program latihan, seminar dan/atau persidangan dihadiri oleh para Pengarah diringkaskan dan dijadualkan di bawah. Butir-butir lanjut mengenai Latihan para Pengarah disediakan untuk rujukan dalam laman web Syarikat di <http://www.ijm.com>:



Para Pengarah dan Pengurusan Kanan telah menghadiri Taklimat Belanjawan 2010 oleh PricewaterhouseCoopers

Pengarah	Program/Seminar/Persidangan
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman Bin Wan Yaacob	Menghadiri seminar, persidangan dan ceramah mengenai topik berkaitan dengan urus tadbir korporat, tugas-tugas para Pengarah, insurans bagi para Pengarah dan pegawai-pegawai, kewangan, pengurusan risiko dan Bajet Malaysia 2010.
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	Memberi ceramah dan membentangkan pada forum, seminar dan persidangan di Malaysia dan di luar negara mengenai topik berkaitan dengan pelaburan, urus tadbir korporat, pembinaan, perkembangan infrastruktur dan harta tanah, dan menghadiri beberapa seminar dan persidangan mengenai topik berkaitan dengan pelaburan, urus tadbir korporat dan insurans bagi para Pengarah dan pegawai-pegawai.
Dato' Teh Kean Ming	Mengambil bahagian dalam dialog, dan menghadiri pelbagai forum dan seminar mengenai topik berkaitan dengan urus tadbir korporat, insurans bagi para Pengarah dan pegawai-pegawai, kewangan, pelaburan asing dan Bajet Malaysia 2010.
Datuk Yahya bin Ya'acob	Menghadiri seminar dan ceramah mengenai topik berkaitan dengan urus tadbir korporat.
Tan Sri Abdul Halim bin Ali	Mengambil bahagian dalam syarahan dan seminar mengenai topik berkaitan dengan kepimpinan, urus tadbir korporat, insurans bagi para Pengarah dan pegawai-pegawai, kewangan dan pengurusan risiko.
Datuk Oh Chong Peng	Memberi ucapan pada seminar dan kursus latihan mengenai isu-isu urus tadbir korporat dan menghadiri beberapa kursus mengenai urus tadbir korporat dengan rujukan khusus kepada isu-isu berkaitan perbankan, keselamatan IT dan cukai dan isu-isu perakaunan.
Datuk Hj Hasni bin Harun	Menghadiri seminar mengenai topik berkaitan dengan urus tadbir korporat, obligasi para Pengarah, pendedahan kewangan dan Cukai Barang dan Perkhidmatan Malaysia.
Datuk Lee Teck Yuen	Menghadiri ceramah mengenai insurans bagi para Pengarah dan pegawai-pegawai.
Dato' David Frederick Wilson	Menghadiri seminar dan ceramah mengenai topik berkaitan dengan urus tadbir korporat dan insurans bagi para Pengarah dan pegawai-pegawai.
Dato' Goh Chye Koon	Menghadiri seminar mengenai topik berkaitan dengan urus tadbir korporat dan FTSE Bursa Malaysia KLCI.
Tan Gim Foo	Menghadiri ceramah, seminar dan bengkel kerja berkaitan dengan industri pembinaan, pelaburan asing, urus tadbir korporat dan insurans bagi para Pengarah dan pegawai-pegawai.

Kemas kini mengenai undang-undang syarikat dan sekuriti, kaedah dan peraturan berkaitan yang lain, seperti pindaan kepada Akta, Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Securities, Kod, Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007, disediakan kepada Lembaga, bersama dengan kertas Lembaga, supaya mereka memahami tentang perkembangan terkini dalam bidang-bidang ini.

Di mana mungkin dan apabila peluang timbul, mesyuarat Lembaga akan diadakan di lokasi dalam perniagaan-perniagaan Kumpulan yang beroperasi untuk membolehkan para Pengarah mendapat perspektif yang lebih baik mengenai perniagaan dan mempertingkatkan pemahaman mereka mengenai operasi Kumpulan.

II. IMBUHAN

Polisi imbuhan Syarikat adalah berdasarkan falsafah bahawa Kumpulan tidak berhasrat untuk menjadi peneraju pasaran dari segi gaji pokok tetapi akan memberi pertimbangan besar ke atas bonus berkaitan prestasi. Ini termaktub dalam polisi imbuhan bagi para Pengarah Eksekutif (dan pengurusan kanan), yang akan tertakluk kepada semakan tahunan oleh Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan.

Prestasi para Pengarah diukur melalui sumbangan dan komitmen Pengarah kepada kedua-dua Lembaga dan Kumpulan. Imbuhan Pengarah Eksekutif akan bergantung kepada pencapaian matlamat (termasuk sasaran organisasi yang telah ditentukan jumlahnya dan pencapaian peribadi) ditetapkan pada permulaan setiap tahun.

Dalam hal Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif, tahap imbuhan menggambarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab dipikul oleh Pengarah Bukan Eksekutif tertentu.

Lembaga menentukan imbuhan para Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif. Syarikat membayar balik perbelanjaan munasabah yang ditanggung oleh para Pengarah ini dalam perjalanan tugas mereka sebagai para Pengarah.

PENYATA URUS TADBIR KORPORAT

(samb.)

1. Yuran

Yuran perlu dibayar kepada para Pengarah Bukan Eksekutif ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan. Yuran perlu dibayar berdasarkan tahap tanggungjawab dan penyertaan Pengarah dalam Lembaga dan Jawatankuasanya.

2. Gaji Pokok

Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan melaksanakan kajian tahunan ke atas gaji pokok bagi semua eksekutif kanan mengambil kira prestasi individu dan Syarikat dan amalan dalam industri. Kumpulan mengambil bahagian dalam soal-selidik khusus industri oleh firma profesional bebas untuk mendapatkan data semasa dalam menandakan aras Kumpulan.

3. Skim Bonus dan Insentif

Kumpulan melaksanakan skim bonus dan insentif bagi semua kakitangan, termasuk para Pengarah Eksekutif. Kriteria bagi skim adalah bergantung kepada prestasi kewangan Kumpulan berdasarkan formula yang sedia wujud dan prestasi setiap individu kakitangan. Bonus dan insentif yang perlu dibayar kepada para Pengarah Eksekutif dikaji dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan dan dilulus oleh Lembaga.

4. Manfaat Bukan Dalam Bentuk Wang

Manfaat-manfaat lazim lain seperti rawatan perubatan peribadi (termasuk insurans penyakit kritikal) dan kereta, disediakan selaras dengan garis panduan yang dibentangkan dalam Skim dan Syarat-Syarat Perkhidmatan IJM.

5. Pengaturan Pencen

Caruman dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, sebuah pelan caruman dinyatakan mandatori negara, berhubung dengan semua kakitangan dan para Pengarah Eksekutif yang menetap di Malaysia. Selain daripada kadar caruman berkanun sebanyak 12%, Kumpulan menawarkan caruman dalam lingkungan daripada 1% hingga 5% kepada semua kakitangan berdasarkan tempoh perkhidmatan.

6. Waran para Pengarah

Dalam tahun kewangan 2006, Kumpulan telah menerbitkan 10,000,000 waran kepada kakitangan pengurusan yang layak, termasuk para Pengarah Eksekutif, pada RM0.05 setiap waran. Waran akan tamat pada 20 Ogos 2010. Dalam tahun kewangan, Kumpulan telah menawarkan untuk jualan jumlah sebanyak 60,000,000 waran IJM Land Berhad, sebuah anak syarikat, kepada semua kakitangan Kumpulan yang layak pada RM0.302 setiap waran.

Pergerakan dalam waran para Pengarah dalam tahun kewangan dibentangkan pada muka surat 135 dan 137.

7. Imbuhan para Pengarah

Butir-butir mengenai imbuhan para Pengarah dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

A. Agregat imbuhan para Pengarah dikategorikan kepada komponen-komponen yang sesuai:

Syarikat

	Gaji RM'000	Yuran RM'000	Bonus, Insentif & Lain-lain RM'000	KWSP RM'000	Manfaat bukan berupa wang RM'000	Jumlah RM'000
Pengarah Eksekutif	2,242	–	4,037	715	424	7,418
Pengarah Bukan Eksekutif	811	575	116	64	8	1,574
Jumlah	3,053	575	4,153	779	432	8,992

Selain daripada itu, peruntukan sebanyak RM1,000 telah dibayar kepada para Pengarah Bukan Eksekutif bagi setiap mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga yang dihadiri.

Syarikat-syarikat Berkaitan Lain

	Gaji RM'000	Yuran RM'000	Bonus, Insentif & Lain-lain RM'000	KWSP RM'000	Manfaat bukan berupa wang RM'000	Jumlah RM'000
Pengarah Eksekutif	346	191	885	90	114	1,626
Pengarah Bukan Eksekutif	462	117	214	115	124	1,032
Jumlah	808	308	1,099	205	238	2,658

B. Agregat imbuhan setiap Pengarah:

	Imbuhan diterima daripada Syarikat	Imbuhan diterima daripada Syarikat-syarikat Berkaitan Lain
	RM'000	RM'000
Pengarah Eksekutif		
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	2,886	116 *#
Dato' Teh Kean Ming	1,259	81 *#
Soo Heng Chin (<i>Resigned on 30 January 2010</i>)	-	1,429 ^
Dato' Goh Chye Koon (<i>Jawatan sebagai Pengarah Eksekutif sehingga 30 Jun 2009</i>)	3,273 @	-
Pengarah Bukan Eksekutif		
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	146	-
Tan Sri Abdul Halim bin Ali	80	-
Datuk Oh Chong Peng	97	55 #
Datuk Yahya bin Ya'acob	93	-
Datuk Hj Hasni bin Harun	52 **	-
Datuk Lee Teck Yuen	67	47 *
Dato' David Frederick Wilson	571 ▲	-
Dato' Goh Chye Koon (<i>Jawatan dinamakan semula sebagai Pengarah Bukan Eksekutif pada 30 Jun 2009</i>)	443 ▲	18 #
Dato' (Dr) Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad (<i>Bersara pada 25 Ogos 2009</i>)	25	-
Pengarah Silih Ganti		
Tan Gim Foo, <i>Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon</i>	-	912 ^
Jumlah	8,992	2,658

* Yuran dan elaun diterima daripada IJM Land Berhad dalam keupayaan mereka sebagai Pengarah Bukan Eksekutif.

Yuran dan elaun diterima daripada IJM Plantations Berhad dalam keupayaan mereka sebagai Pengarah Bukan Eksekutif.

^ Imbuhan bagi Soo Heng Chin and Tan Gim Foo dalam keupayaan mereka masing-masing sebagai Pengurus Besar Am dan Pengurus Urusan IJM Construction Sdn Bhd dan termasuk gratuity persaraan sebanyak RM0.75 juta dibayar kepada Soo Heng Chin.

▲ Imbuhan bagi Dato' David Frederick Wilson and Dato' Goh Chye Koon diterima berhubung dengan tugas-tugas luar negara khusus.

@ Termasuk gratuity persaraan sebanyak RM2.34 juta.

** Yuran and elaun telah dibayar kepada Zelan Berhad.

III. PERHUBUNGAN PELABUR DAN KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM

1. Dialog antara Syarikat dan para Pelabur

Syarikat memberi perhatian utama dalam memastikan taraf tertinggi ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pendedahan maklumat yang penting kepada pemegang-pemegang sahamnya serta pelabur-pelabur berpotensi, penganalisis dan orang awam.

Ini dicapai melalui pengumuman dan pendedahan tepat pada masa dibuat kepada Bursa Securities dalam tahun kewangan, termasuk pengumuman keputusan kewangan atas asas suku tahunan kewangan. Keputusan kewangan teraudit tahun penuh Syarikat akan diumumkan dalam tempoh dua (2) bulan selepas akhir tahun kewangan. Laporan tahunan diumumkan dalam tempoh empat (4) bulan selepas akhir tahun kewangan dan mengandungi ulasan mengenai aspek perniagaan, kewangan dan operasi daripada prestasi Kumpulan, keterangan ringkas mengenai perkhidmatan dan produk Kumpulan dan penyata kewangan Kumpulan.

Kumpulan kerap mengadakan dialog dengan penganalisis kewangan sebagai cara komunikasi pelabur yang berkesan. Sekurang-kurangnya dua Taklimat Ringkas Syarikat berjadual diadakan setiap tahun, biasanya berkebetulan dengan pengumuman keputusan suku tahunan kedua dan akhir Kumpulan, untuk menjelaskan keputusan yang dicapai dan strategi masa hadapan.

Sidang akhbar biasanya diadakan selepas setiap Mesyuarat Agung Tahunan dan/atau Mesyuarat Agung Luar Biasa untuk menyediakan kepada media, peluang untuk menerima kemas kini daripada Lembaga dan untuk membincangkan sebarang pertanyaan atau bidang-bidang yang menarik minat media.



Taklimat Projek 'The Light' kepada Penganalisis & Pengurus Dana

PENYATA URUS TADBIR KORPORAT

(samb.)

Syarikat juga mengambil bahagian dalam beberapa forum pelabur institusi dalam tahun kewangan, kedua-dua dalam negara dan di luar Malaysia. Boleh diperhatikan, kemas kini mengenai keputusan kewangan dan strategi-strategi Syarikat juga dibentangkan sehubungan dengan penyertaan Kumpulan IJM semasa Invest Malaysia, yang adalah satu acara tahunan yang dianjurkan oleh Bursa Malaysia Berhad. Ringkasan kegiatan perhubungan pelabur Kumpulan dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:-

	Bilangan mesyuarat
Mesyuarat biasa dengan para pelabur/pengurus-pengurus dana/para penganalisis, dsb	
1. Taklimat Syarikat	2
2. Mesyuarat-mesyuarat dengan melawat para pelabur/pengurus-pengurus dana	84
Persembahan Kunjungan Pelabur Luar Negara/Persidangan	
1. Singapura	1
2. Hong Kong	2
3. London, United Kingdom	2
4. New York, USA	2

Sebarang maklumat yang mungkin dianggap sebagai material tidak akan diberi kepada mana-mana pemegang saham tunggal atau kumpulan pemegang saham atas asas pilihan kecuali sehingga tahap perwakilan mereka dalam Lembaga.

2. Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan adalah forum utama bagi dialog dengan pemegang-pemegang saham. Notis mesyuarat dan laporan tahunan dihantar kepada pemegang-pemegang saham sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh mesyuarat selaras dengan Tataurusan Pertubuhan Syarikat.

Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, pembentangan dibuat oleh KPE&PU untuk menerangkan strategi, prestasi dan perkembangan utama Kumpulan kepada pemegang-pemegang saham. Lembaga juga menggalakkan pemegang-pemegang saham untuk turut serta dalam sesi soal jawab di Mesyuarat Agung Tahunan. Pengerusi dan, di mana sesuai, KPE&PU menjawab soalan pemegang-pemegang saham dalam mesyuarat. Di mana perlu, Pengerusi akan menyediakan jawapan bertulis kepada mana-mana soalan penting yang tidak dapat dijawab dengan senang dalam mesyuarat tersebut.

Dalam hal pemilihan semula para Pengarah, notis mesyuarat akan menyatakan Pengarah mana yang dicalonkan bagi pemilihan atau pemilihan semula.

Setiap perkara urusan khas dimasukkan dalam notis mesyuarat diiringi dengan penjelasan untuk resolusi yang dicadangkan.

3. Fungsi Perhubungan Pelabur

Kumpulan, menyedari kepentingan perhubungan pelabur, telah menubuhkan Jabatan Perhubungan Pelabur untuk membangunkan dan mengekalkan secara berterusan program perhubungan pelabur dan secara seimbang memaklumkan kepada pemegang-pemegang saham dan komuniti kewangan mengenai pembangunan Kumpulan dalam cara yang berkesan, jelas dan tepat pada masanya.

4. Keterbukaan dan Ketelusan

Kumpulan telah menubuhkan sebuah laman web yang sangat komprehensif dan semasa di www.ijm.com untuk meningkatkan perhubungan pelabur dan komunikasi pemegang-pemegang saham selanjutnya. Antara lain, laman web menyediakan maklumat mengenai pergerakan harian sekuriti-sekuriti Syarikat, pengumuman korporat yang dikeluarkan kepada Bursa Securities, apa orang lain kata mengenai Kumpulan, laporan tahunan, minit-minit mesyuarat agung, pengagihan dividen, dividen-dividen tidak dituntut, urus niaga sekuriti para Pengarah, Pegawai-pegawai Prinsipal dan pemegang-pemegang saham utama, dan profil Kumpulan.

Untuk memberi khidmat yang lebih baik kepada pemegang-pemegang pelbagai kepentingan Kumpulan, satu halaman maklum balas pada laman web menyediakan laluan untuk pemegang-pemegang pelbagai kepentingan mencadangkan penambahbaikan melalui emel: cse@ijm.com. Selain daripada itu, pemegang-pemegang pelbagai kepentingan yang ingin menghubungi bahagian masing-masing Kumpulan boleh berbuat demikian melalui halaman 'Contact Us'.

Pertanyaan-pertanyaan pelabur berhubung dengan prestasi kewangan atau perkembangan syarikat akan disalurkan kepada Pengurus Perhubungan Pelabur, manakala soalan-soalan berkaitan pemegang saham dan syarikat boleh dirujuk kepada Setiausaha Syarikat, yang butir-butir hubungan dimuatkan dalam bahagian 'Maklumat untuk Pelabur' pada muka surat 40 Laporan Tahunan.

IV. KEBERTANGGUNGJAWAPAN DAN AUDIT

1. Pelaporan Kewangan

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan dan pengumuman suku tahunan kepada pemegang-pemegang saham, Lembaga berhasrat untuk mengemukakan penilaian seimbang dan boleh difahami mengenai kedudukan dan prospek Kumpulan. Ini juga terpakai kepada lain-lain laporan awam yang sensitif harga dan laporan-laporan kepada pengawal atur.

2. Penyata Tanggungjawab Para Pengarah

Para Pengarah diperlukan oleh Akta untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan selaras dengan peruntukan Akta dan piawaian perakaunan diluluskan terpakai untuk memberi gambaran sebenar dan adil tentang keadaan hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan dan mengenai keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah:

- i) menerima pakai polisi perakaunan yang sesuai yang diamalkan secara konsisten;
- ii) membuat pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemah;
- iii) memastikan bahawa semua piawaian perakaunan diluluskan terpakai telah diikuti; dan
- iv) menyediakan penyata kewangan atas dasar usaha berterusan memandangkan para Pengarah mempunyai jangkaan munasabah, setelah membuat pertanyaan, bahawa Kumpulan dan Syarikat mempunyai sumber yang mencukupi untuk terus beroperasi pada masa hadapan yang boleh diramalkan.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab untuk memastikan agar Syarikat menyimpan rekod-rekod perakaunan yang mendedahkan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat yang agak tepat secara munasabah dan yang membolehkan mereka untuk memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi Akta.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab keseluruhan dalam mengambil langkah-langkah tertentu sebagaimana terbuka secara munasabah kepada mereka bagi melindungi aset-aset Kumpulan dan Syarikat, dan untuk menghalang penipuan dan lain-lain ketakteraturan. Kumpulan juga telah melaksanakan Polisi & Prosedur bagi Melaporkan Penipuan, Pembaziran dan/atau Penyalahgunaan melibatkan Sumber-sumber Syarikat, di bawah mana, sekiranya kakitangan mengesyaki bahawa penipuan, pembaziran, atau penyalahgunaan telah berlaku, kakitangan digalakkan untuk dan diberikan jalan langsung untuk menghubungi Jabatan Audit Dalaman Syarikat, KPE&PU atau Setiausaha Syarikat.

Selain daripada itu, blog@IJM dalam i-Portal telah diwujudkan sejak 2006 untuk membolehkan kakitangan Kumpulan menimbulkan perkara-perkara kebimbangan atau mengenai isu-isu integriti, antara lainnya.

3. Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman Kumpulan dikemukakan pada muka surat 98 hingga 101.

4. Perhubungan dengan Juruaudit

Peranan Jawatankuasa Audit berhubung dengan juruaudit luar dikemukakan pada muka surat 94 hingga 97.

5. Yuran Bukan Audit

Jumlah yuran bukan audit ditanggung bagi perkhidmatan oleh juruaudit luar dan syarikat-syarikat berkaitan mereka kepada Kumpulan bagi FY 2010 berjumlah RM1,451,000.

6. Urus Niaga Pihak Berkaitan

Urus Niaga pihak berkaitan penting Kumpulan bagi tahun kewangan dinyatakan dalam Nota 51 kepada Penyata Kewangan. Nota ini juga membentangkan urus niaga berulang yang dijalankan dalam tempoh selaras dengan mandat am diperolehi daripada pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 25 Ogos 2009.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusinya bertarikh 16 Julai 2010.

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob
Pengerusi

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT



AHLI-AHLI JAWATANKUASA AUDIT

kiri ke kanan:

- Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob
- Y. Bhg. Tan Sri Abdul Halim bin Ali
- Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng
- Y. Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob

Dalam tahun kewangan, Jawatankuasa Audit menjalankan kewajipan dan tanggungjawabnya selaras dengan bidang tugasnya dan mengadakan perbincangan dengan juruaudit dalam, juruaudit luar dan kakitangan pengurusan. Jawatankuasa Audit berpendapat bahawa tidak ada salah nyataan atau kerugian, kontigensi atau ketidakpastian material yang telah timbul, berdasarkan kajian dan perbincangan yang diadakan.

KEAHLIAN DAN BIDANG TUGAS JAWATANKUASA AUDIT

KEAHLIAN

Jawatankuasa Audit perlu dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan para Pengarah Bukan Eksekutif dan mestilah dianggotai tidak kurang daripada tiga (3) ahli, dengan majoriti daripada mereka merupakan Pengarah Bebas. Ahli-ahli Jawatankuasa Audit hendaklah memilih seorang Pengerusi daripada kalangan mereka, yang merupakan Pengarah Bebas. Pengarah Silih Ganti tidak harus dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit. Dalam menentukan kebebasan, Lembaga akan mematuhi Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad ('Bursa Securities').

Sekurang-kurangnya seorang (1) daripada ahli Jawatankuasa Audit:

- (i) hendaklah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia; atau
- (ii) sekiranya beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, ahli hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja dan:
 - (a) *hendaklah lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan 1967 Malaysia; atau*
 - (b) *hendaklah merupakan ahli salah satu persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau*
- (iii) memenuhi syarat-syarat lain tertentu sebagaimana ditetapkan atau diluluskan oleh Bursa Malaysia Securities.

Pengerusi Jawatankuasa Audit, Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng adalah Akauntan Bertauliah yang berkelayakan, ahli Fellow Institute of Chartered Accountants of England and Wales, dan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia.

Lembaga Pengarah hendaklah mengkaji tempoh jawatan dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap daripada ahli-ahlinya sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) tahun untuk menentukan sama ada ahli-ahli Jawatankuasa Audit telah menjalankan kewajipan mereka selaras dengan bidang tugas Jawatankuasa Audit.

MESYUARAT

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun dengan kehadiran Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Audit Dalaman dan wakil dari juruaudit luar. Ahli-ahli Lembaga yang lain dan pengurusan kanan boleh menghadiri mesyuarat atas jemputan Jawatankuasa Audit. Sekurang-kurangnya dua kali setahun, Jawatankuasa Audit hendaklah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pegawai eksekutif Kumpulan. Juruaudit, kedua-dua dalaman dan luar, boleh meminta satu mesyuarat diadakan sekiranya mereka anggap ianya perlu.

Pengerusi Jawatankuasa Audit berbincang atas dasar berterusan dengan pengurusan kanan seperti Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Audit Dalaman dan juruaudit luar, untuk sentiasa mengetahui perkembangan terkini mengenai perkara-perkara dan isu-isu yang melibatkan Kumpulan.

Korum terdiri daripada dua (2) orang ahli yang hadir dan majoritinya mestilah Pengarah Bebas.

Setiausaha Syarikat akan bertindak sebagai setiausaha kepada Jawatankuasa Audit. Minit-minit setiap mesyuarat diedarkan kepada setiap ahli Lembaga, dan Pengerusi Jawatankuasa Audit melaporkan isu-isu utama yang dibincangkan dalam setiap mesyuarat kepada Lembaga.

Dalam tahun kewangan, Jawatankuasa Audit mengadakan empat (4) mesyuarat. Ahli-ahli Jawatankuasa Audit dan butir-butir kehadiran mereka dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit dibentangkan di bawah:

	Bil. mesyuarat diadakan dalam tahun	Bil. mesyuarat dihadiri
Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng <i>Pengerusi Jawatankuasa Audit</i> <i>(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)</i>	4	4
Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob <i>Ahli</i> <i>(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)</i>	4	4
Y. Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob <i>Ahli</i> <i>(Pengarah Bebas Kanan Bukan Eksekutif)</i>	4	4
Y. Bhg. Tan Sri Abdul Halim bin Ali <i>Ahli</i> <i>(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)</i>	4	4

KUASA

Jawatankuasa Audit bila-bila perlu dan munasabah bagi melaksanakan kewajipannya, hendaklah selaras dengan prosedur yang ditentukan oleh Lembaga dan atas tanggungan Syarikat:

- mempunyai kuasa untuk menyiasat sebarang kegiatan dalam bidang-bidang tugasnya;
- mempunyai akses penuh, bebas dan tidak terbatas kepada sebarang maklumat yang berkaitan dengan Kumpulan;
- mempunyai saluran komunikasi secara langsung dengan juruaudit luar dan dalaman serta semua kakitangan Kumpulan; dan
- boleh mendapat nasihat profesional bebas luar atau nasihat lain dan mendapatkan kehadiran orang luar dengan pengalaman dan kepakaran yang berkenaan jika dianggap perlu.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT (samb.)

TUGAS-TUGAS

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit secara kolektif:

- 1) Untuk mengkaji laporan suku tahunan kepada Bursa Securities dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan sebelum dikemukakan kepada Lembaga, terutamanya menumpukan perhatian kepada hal-hal yang berikut:
 - (i) mematuhi piawaian perakaunan, keperluan berkanun dan perundangan yang lain dan andaian usaha berterusan;
 - (ii) apa-apa perubahan dalam atau pelaksanaan polisi dan amalan perakaunan utama yang diterima pakai oleh pengurusan dan diterima oleh juruaudit luar;
 - (iii) peristiwa penting dan luar biasa dan pelarasan penting yang timbul daripada audit luar; dan;
 - (iv) ketepatan dan kecukupan pendedahan maklumat yang penting kepada pembentangan yang adil dan sepenuhnya akan hal ehwal kewangan Kumpulan dan bidang pertimbangan utama .
- 2) Untuk menimbang pencalonan dan pelantikan juruaudit luar, serta yuran audit mereka.
- 3) Untuk menimbang mana-mana surat perletakan jawatan daripada juruaudit luar, dan mana-mana persoalan mengenai perletakan jawatan atau pemecatan.
- 4) Untuk berbincang dengan juruaudit luar, sebelum permulaan audit, rancangan audit mereka, yang hendaklah menyatakan sifat audit, dan untuk memastikan penyelarasaran audit di mana ia melibatkan lebih daripada satu (1) firma audit.
- 5) Untuk mengkaji dengan juruaudit luar, penilaian mereka terhadap sistem kawalan dalaman, surat pengurusan mereka dan jawapan pengurusan.
- 6) Untuk mengkaji bantuan yang diberikan oleh kakitangan Syarikat kepada juruaudit luar.
- 7) Untuk mengkaji yang berikut berhubung dengan audit dalaman:
 - (i) kecukupan skop audit, fungsi, kecekapan dan sumber fungsi audit dalaman dan bahawa ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan fungsinya;
 - (ii) rancangan dan program audit dalaman;
 - (iii) penemuan-penemuan utama penyiasatan audit dalaman dan jawapan pengurusan, dan memastikan tindakan wajar diambil ke atas pengesyeran-pengesyeran fungsi audit dalaman;
 - (iv) penilaian prestasi kakitangan fungsi audit dalaman;
 - (v) perlantikan atau penamatkan ahli-ahli kakitangan kanan fungsi audit dalaman; dan
 - (vi) perletakan jawatan ahli-ahli kakitangan audit dalaman dan memberi ahli kakitangan yang meletak jawatan peluang untuk mengemukakan alasan beliau meletak jawatan.
- 8) Untuk memantau mana-mana urus niaga pihak berkaitan dan keadaan di mana percanggahan kepentingan mungkin timbul dalam Syarikat atau Kumpulan, termasuk sebarang urus niaga, prosedur atau perjalanan tindakan yang menimbulkan persoalan integriti pengurusan, dan untuk memastikan bahawa para Pengarah melaporkan urus niaga tersebut secara tahunan kepada para pemegang saham melalui laporan tahunan.
- 9) Untuk mengkaji laporan-laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko berhubung dengan kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan.
- 10) Untuk membincang masalah dan reservasi yang timbul daripada audit luar interim dan akhir, dan apa-apa perkara juruaudit luar dan/atau juruaudit dalaman mungkin ingin membincangkan (tanpa kehadiran pengurusan, di mana perlu).
- 11) Untuk mengkaji semua maklumat kewangan prospektif yang diberikan kepada pengawal atur dan/atau orang-orang awam.
- 12) Untuk melapor dengan segera kepada Bursa Securities mengenai apa-apa perkara yang dilaporkan olehnya kepada Lembaga, yang tidak diselesaikan secara memuaskan mengakibatkan pelanggaran Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Securities.
- 13) Untuk menimbang mana-mana perkara lain sebagaimana mungkin diarahkan oleh Lembaga dari masa ke masa.

RINGKASAN AKTIVITI-AKTIVITI BAGI TAHUN KEWANGAN

Dalam tahun kewangan, Jawatankuasa Audit menjalankan aktiviti-aktiviti yang berikut:

1.0 Laporan Kewangan

- Mengkaji pengumuman keputusan kewangan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan;
- Dalam mengkaji penyata kewangan teraudit tahunan yang telah diaudit, Jawatankuasa Audit berbincang dengan pengurusan dan juruaudit luar prinsip-prinsip perakaunan dan piawaian yang digunakan dan pertimbangan mereka akan perkara-perkara yang boleh mempengaruhi penyata kewangan.

2.0 Audit Dalaman

- Mengkaji rancangan audit tahunan yang dicadangkan oleh Juruaudit Dalaman untuk memastikan kecukupan skop dan liputan kerja;
- Mengkaji keberkesanan proses audit, keperluan sumber bagi tahun dan menilai prestasi fungsi audit dalaman;
- Mengkaji laporan audit yang dibentangkan oleh Juruaudit Dalaman mengenai penemuan dan pengesyoran mereka berhubung dengan kelemahan sistem dan kawalan. Jawatankuasa Audit kemudian mencadangkan agar kelemahan kawalan diperbetulkan dan pengesyoran bagi penambahan dilaksanakan.

3.0 Audit Luar

- Mengkaji strategi audit juruaudit luar, rancangan audit dan skop kerja bagi tahun;
- Mengkaji penemuan laporan juruaudit luar, khususnya isu-isu yang ditimbulkan dalam surat pengurusan dan memastikan di mana wajar, tindakan pembetulan yang perlu telah diambil oleh pengurusan.

4.0 Jawatankuasa Pengurusan Risiko

- Mengkaji laporan dan penilaian Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

5.0 Urus Niaga Pihak Berkaitan

- Mengkaji urus niaga pihak berkaitan yang timbul dalam Kumpulan untuk memastikan agar urus niaga adalah adil dan munasabah, dan tidak memudaratkan pemegang saham minoriti.

LATIHAN

Dalam tahun, ahli Jawatankuasa Audit telah menghadiri pelbagai seminar dan program latihan. Butir-butir ini disenaraikan dalam *Penyata Urus Tadbir Korporat*.

FUNGSI AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman Kumpulan dijalankan oleh Jabatan Audit Dalaman ("IAD"), yang melapor terus kepada Jawatankuasa Audit mengenai kegiatannya berdasarkan Rancangan Audit Dalaman tahunan yang diluluskan. Rancangan Audit Dalaman tahunan yang diluluskan dibuat untuk meliputi projek-projek dan entiti-entiti di semua peringkat operasi dalam Kumpulan. IAD menerima pakai pendekatan pengauditan berdasarkan risiko, mengambil kira amalan terbaik global dan piawaian industri.

Ketua Audit Dalaman melapor terus kepada Jawatankuasa Audit dan mempunyai akses langsung kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit ke atas semua isu kawalan dalaman dan audit.

Peranan utama IAD adalah untuk memberi laporan bebas dan objektif kepada Jawatankuasa Audit, melaksanakan secara adil, cekap dan berhati-hati secara profesional sewajarnya, ke atas keberkesanan sistem kawalan dalaman dalam Kumpulan. Jawatankuasa Audit kemudiannya membincangkan mengenai laporan audit dalaman untuk memastikan pengesyoran daripada laporan-laporan telah diambil tindakan sewajarnya oleh pengurusan.

AKTIVITI AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN KEWANGAN

Dalam tahun kewangan, audit dalaman yang dilaksanakan meliputi bahagian pembinaan, harta, industri dan infrastruktur, serta operasi luar negara Kumpulan. Jabatan terus memberikan khidmat audit dalaman kepada IJM Land Berhad dan IJM Plantations Berhad, dan dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan nilai ditambah, ia juga memainkan peranan penasihat aktif dalam mengkaji dan mempertingkatkan kawalan dalaman sedia ada dalam Kumpulan.

Jumlah kos untuk fungsi audit dalaman Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010 adalah kira-kira RM1 juta.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

Sistem kawalan dalaman dan amalan pengurusan risiko yang kukuh, dan urus tadbir korporat yang baik adalah ciri-ciri dan nilai-nilai penting yang Lembaga Pengarah cuba pupuk dankekalkan pada keseluruhan Kumpulan.

Lembaga mengesahkan tanggungjawabnya bagi mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh untuk melindungi pelaburan pemegang-pemegang saham dan aset-aset Kumpulan, dan bagi mengkaji kecukupan dan integriti sistem-sistem tersebut. Walau bagaimanapun, sistem-sistem tersebut dari segi sifatnya hanya boleh mengurus dan bukan menghapuskan risiko kegagalan untuk mencapai objektif-objektif perniagaan. Dengan yang demikian, sistem-sistem sedemikian hanya boleh memberi jaminan munasabah dan bukan jaminan mutlak, terhadap salah nyataan atau kerugian material.


Kumpulan telah menyediakan proses pengurusan risiko berterusan yang dikaji secara tetap oleh Lembaga untuk mengenal pasti, mendokumentasi, menilai, mengawasi dan mengurus risiko ketara yang menghalang Kumpulan daripada mencapai objektif-objektif korporatnya.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Kumpulan mempunyai struktur organisasi dengan garis-garis kebertanggungjawaban, kuasa dan tugas yang nyata. Jawatankuasa Audit, dengan bantuan Jabatan Audit Dalaman Kumpulan, mengawasi keberkesanan sistem kawalan dalaman bagi pihaknya. Butir-butir lanjut mengenai Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit.

Kumpulan telah menujuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC") yang secara khusus melaksanakan kajian berterusan mengenai profil risiko Kumpulan. RMC dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan termasuk wakil-wakil daripada semua bahagian perniagaan, dalam negeri dan luar negara, serta jabatan-jabatan sokongan operasi Ibu Pejabat yang berkenaan. Setiap fungsi pengurusan risiko bahagian perniagaan diketuai oleh ketua Bahagian masing-masing. RMC melapor kepada Jawatankuasa Audit atas dasar suku tahunan dan mengadakan perbincangan mengenai isu-isu risiko.

RMC pada dasarnya membangun, melaksana dan mengekal sistem pengurusan risiko untuk memastikan visi dan objektif Kumpulan dicapai. Kajiannya merangkumi perkara-perkara seperti tindak balas kepada risiko ketara dikenal pasti termasuk ketidakpatuhan dengan undang-undang terpakai, peraturan, kaedah dan garis panduan, perubahan kepada kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan, dan output daripada proses-proses pemantauan.



Sistem pengurusan risiko Kumpulan telah dibentuk dengan bantuan pakar dari luar. Proses taksiran dan penilaian risiko adalah elemen-elemen penting bagi kitaran perancangan strategik tahunan. Setiap unit perniagaan atau kefungsian perlu mendokumentasikan tindakan mitigasi pengurusan berikut pengenalpastian risiko yang berkaitan dengan pencapaian objektif strategik, kewangan, operasi dan perniagaan lain mereka. Bidang-bidang baru kemudian diperkenalkan untuk penilaian apabila profil risiko perniagaan berubah.

Di bawah sistem ini, satu lakaran risiko yang menangani risiko, kawalan dan proses-proses bagi mengurus risiko dan cara bagi menjamin pengurusan bahawa proses-proses yang disediakan terus beroperasi dengan memuaskan dan berkesan, disediakan secara tahunan oleh setiap unit perniagaan atau kefungsian, tidak termasuk syarikat bersekutu dan usaha-usaha sama. Ibu pejabat Kumpulan juga menimbangkan risiko yang berkaitan dengan objektif strategik Kumpulan, yang tidak ditangani oleh unit perniagaan atau kefungsian. Profil-profil risiko bagi semua unit operasi Kumpulan dan mana-mana syor yang dicadangkan dilaporkan kepada RMC sebelum ia diringkaskan kepada Jawatankuasa Audit untuk pertimbangan.


Sebagai sebuah syarikat global dengan pelbagai portfolio perniagaan, Kumpulan terdedah kepada pelbagai risiko. Dengan yang demikian, Kumpulan telah menyediakan perlindungan insurans yang mencukupi dan dikaji secara tetap di mana ia tersedia atas terma-terma yang boleh diterima dari segi ekonomi untuk meminimumkan impak kewangan berkaitan.

PENGURUSAN RISIKO PASARAN

Risiko pasaran merujuk kepada risiko yang timbul daripada keadaan ekonomi dan sifat kitaran yang sedia ada perniagaan teras Kumpulan iaitu pembinaan, pembangunan harta tanah dan pengilangan.

Disebabkan oleh pemulihan ekonomi yang lembab, peningkatan buku tempahan dan keadaan berlebihan keupayaan kekal sebagai tumpuan utama. Dengan yang demikian, Kumpulan sentiasa menerokai pelbagai perniagaan yang berpotensi dan pemelbagai geografi serta mencari kegunaan alternatif bagi keupayaan yang tersedia. Sektor harta tanah kekal mencabar akibat permintaan yang semakin berkurangan menyebabkan bahagian harta tanah Kumpulan menerima pakai strategi pasaran yang lebih agresif dengan pembezaan produk dan fleksibiliti dalam penawaran produk-produk bagi memenuhi permintaan pasaran semasa.

PROSES PENGURUSAN RISIKO



Sejak sekian lama, Kumpulan telah menceburi usaha niaga luar negara, khususnya dalam pasaran-pasaran yang baru muncul seperti India, Timur Tengah, Pakistan dan China. Manakala Kumpulan boleh memasuki pasaran-pasaran tersebut, kerja-kerja asing datang bersama dengan risiko-risiko tambahan memandangkan persekitaran kendalian dan ekonomi yang berbeza serta persaingan sengit daripada pengusaha-pengusaha tempatan dan antarabangsa. Kumpulan terus memantau risiko pasaran sambil mencari peluang-peluang dalam negeri dan di peringkat antarabangsa secara berterusan untuk menambah tempahan dan mengekalkan perolehan.

PENGURUSAN RISIKO KOMODITI

Risiko komoditi timbul daripada kemeruapan dalam harga-harga komoditi, termasuk naik turun mata wang. Ini sering dikaitkan dengan perniagaan perlادangan Kumpulan memandangkan kelapa sawit adalah tertakluk kepada untung rugi kitaran dan kemeruapan harga. Kumpulan mengurus risiko-risiko tersebut dengan sentiasa mengawasi harga komoditi, menggunakan strategi lindungan nilai melalui jualan hadapan dan pengawasan rapi trend harga bahan-bahan gantian utama seperti minyak dan lemak.

PENGURUSAN RISIKO KREDIT DAN MUDAH TUNAI

Risiko kredit dan mudah tunai timbul daripada ketidakupayaan untuk mendapatkan semula hutang-hutang tepat pada masanya yang mungkin mempunyai kesan teruk ke atas untung rugi, aliran tunai operasi dan ketersediaan pembiayaan. Kumpulan meminimumkan pendedahan kepada risiko sedemikian dengan menilai kepercayaan kredit pembeli-pembeli berpotensi, pengawasan rapi kutipan jualan harian serta aliran tunai, penggunaan kredit yang lebih berkesan dan lebih banyak usaha-usaha padu untuk mengutip hutang-hutang yang tertunggak bagi memastikan penulihan berada pada tahap yang selesa.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

(samb.)

PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Risiko operasi adalah kesan yang timbul daripada pelaksanaan fungsi perniagaan syarikat. Ini termasuk gangguan dalam sistem dan peralatan, keadaan berlebihan keupayaan, ketidakcukupan buruh mahir dan keadaan cuaca buruk. Kumpulan mematuhi dengan ketat dasar, prosedur, proses, kawalan mutu dan amalan terbaik untuk memastikan semua sistem dan peralatan berfungsi dengan baik semasa pelaksanaan proses-proses perniagaan. Untuk mengurus isu berlebihan keupayaan, Kumpulan sentiasa mengkaji rancangan perniagaannya, mengekalkan hubungan baik dengan penjual dan pelanggan dan mencari kegunaan alternatif bagi keupayaan yang ada.

Kumpulan telah menyediakan skim imbuhan yang menarik untuk menarik dan mengekalkan buruh mahir bagi memenuhi keperluan sedia ada dan masa hadapan. Untuk menangani masalah musim panas seperti El Nino yang menjelaskan tanaman kelapa sawit, bahagian perladangan Kumpulan mematuhi dengan ketat manual penanaman, melaksanakan amalan pertanian yang baik, melaksanakan langkah-langkah penjimatan air dan pengairan untuk mengekalkan hasil pengeluaran yang tinggi.

PEMATUHAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

Kumpulan melalui bahagian undang-undang dalamannya sendiri, menyelenggarra pengawasan undang-undang dalam Kumpulan dan melapor terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan. Ketua Bahagian Perundungan adalah seorang jurutera dan peguam mengikut profesi dan mempunyai pengalaman lebih daripada 20 tahun dalam pelbagai organisasi sebelum menyertai Kumpulan. Beliau memberi input undang-undang berkaitan dengan pematuhan dengan undang-undang dan peraturan-peraturan terpakai serta nasihat undang-undang mengenai perkara-perkara perniagaan dan operasi.

RANCANGAN PEMULIHAN BENCANA

Dengan ancaman kegagalan atau keruntuhan sistem maklumat pengurusan ("MIS") dan lain-lain bencana yang berpotensi seperti kebakaran atau kegagalan perkakasan utama, antara lain, keberterusan operasi perniagaan adalah tumpuan utama.

Sejakar dengan itu, Kumpulan telah menyediakan satu tapak pengeluaran bagi sistem ERPnya di pusat penghosan luaran di Cyberjaya, Kuala Lumpur yang telah direkabentuk untuk hampir bebas daripada bencana manakala Pusat Data IJM yang sedia ada di Wisma IJM terus menempatkan aplikasi bukan ERP.

Pusat Data IJM juga bertindak sebagai tapak panas bagi pemulihan sistem, atau sebaliknya, jika berlaku kegagalan MIS. Sokongan Data dilaksanakan secara sistematik setiap hari dan dihantar ke lokasi penyimpanan luar tapak. Sekiranya berlaku gangguan besar yang menyebabkan kehilangan data, sistem aplikasi akan dipulihkan dalam masa 48-72 jam untuk memastikan keberterusan operasi perniagaan.

Latihan pengurusan kejadian yang kerap diadakan di kawasan hartaanah dan tapak projek kami berkisar dari latihan keselamatan kebakaran asas sehingga latihan pemindahan besar-besaran dijalankan untuk memastikan kakitangan kami sentiasa bersedia dan biasa dengan rancangan tindak balas kecemasan dan pengurusan krisis kami.

Kumpulan secara berterusan membangunkan dan mempertingkatkan rancangan keberterusan pengurusan perniagaannya untuk memastikan keberterusan fungsi perniagaan kritikal sekiranya berlaku krisis.



Latihan kebakaran biasa di Pelabuhan Kuantan

ELEMEN PENTING LAIN KAWALAN DALAMAN

- Perwakilan tanggungjawab yang digariskan dengan jelas kepada Jawatankuasa Lembaga dan kepada unit-unit pengendalian, termasuk tahap kuasa yang jelas bagi semua aspek perniagaan yang dinyatakan dalam campuran kuasa;
- Polisi dan prosedur kendalian standard yang didokumenkan dengan jelas yang tertakluk kepada kajian dan penambahbaikan dari masa ke masa;
- Komunikasi atas ke bawah akan nilai-nilai syarikat seperti pencegahan penipuan dan ruang bagi pengaduan salah laku;
- Maklumat yang kerap dan komprehensif disampaikan kepada pengurusan, meliputi prestasi kewangan dan petunjuk perniagaan penting, seperti penggunaan kakitangan, prestasi aliran tunai, keadaan ekonomi dan pasaran semasa;
- Belanjawan tahunan disediakan untuk kelulusan pada kedua-dua tahap unit bahagian dan Lembaga. Prestasi sebenar dibandingkan dengan belanjawan dan keputusan tempoh sebelumnya, dengan varians utama disusuli dan tindakan pengurusan diambil, di mana perlu;
- Suku tahunan atau sebagaimana perlu, taklimat syarikat dengan juruanalisis diadakan pada hari keputusan kewangan dikeluarkan, berikutan kelulusan Lembaga, untuk memaklumkan pemegang-pemegang saham, pemegang-pemegang pelbagai kepentingan dan orang awam mengenai prestasi Kumpulan dan untuk menggalakkan ketelusan dan perbincangan terbuka; dan
- Mengadakan lawatan ke unit-unit operasi perniagaan Kumpulan oleh ahli-ahli Lembaga dan pengurusan kanan bagi membiasakan diri dengan perniagaan dan operasi.

PENILAIAN RISIKO TAHUNAN

Dalam tahun kewangan di bawah kajian, semua bahagian dalam Kumpulan telah melaksanakan kajian tahunan akan profil risiko mereka dan selaras dengan itu mencadangkan perubahan ke atas pengurusan risiko dan proses-proses kawalan dalaman, yang telah dinilai oleh RMC dan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit.

Kumpulan telah mengenal pasti bidang-bidang keimbangan utama dan tindakan-tindakan pengurangan ke atas kelemahan-kelemahan yang dilaporkan telah dijalankan dalam rangka masa yang wajar. Beberapa bidang risiko penting termasuk kemelesetan ekonomi, kecairan yang ketat, pengutipan yang lewat, permintaan harta yang merosot dan naik turun harga komoditi. Beberapa kelemahan kecil dalam kawalan dalaman telah dikenal pasti semasa kajian, kesemua yang mana telah, atau sedang, ditangani. Tidak ada kerugian, kontigensi atau ketidakpastian material yang timbul daripada bidang-bidang keimbangan berkenaan.

Berdasarkan pemeriksaan dan maklumat yang disediakan, kami dengan sukacitanya menyatakan bahawa sistem kawalan dalaman adalah secara amnya memuaskan dan mencukupi bagi tujuannya. Pengurusan mengambil langkah-langkah secara berterusan untuk memastikan kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman, dan untuk melindungi aset-aset Kumpulan dan pelaburan pemegang-pemegang saham.


KUMPULAN AKAN TERUS MENGAWASI SEMUA RISIKO UTAMA YANG MEMPENGARUHI KUMPULAN DAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU UNTUK MENGURANGKANNYA DAN MEMPERTINGKATKAN SISTEM KAWALAN DALAMAN KUMPULAN.

Penyata Kawalan Dalaman ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 16 Julai 2010.



Para Pengarah melawat ICP Jiangmen untuk membiasakan diri dengan operasi cerucuk China

LAPORAN KUALITI



Struktur-struktur yang dibina diperiksa bagi pemasangan berkualiti dan betul

IJM percaya bahawa penambahbaikan kualiti berterusan dan pematuhan dengan standard kualiti merupakan aspek penting untuk kekal berdaya saing dalam pasaran hari ini. Dengan yang demikian, dalam operasinya tersemat satu komitmen yang tiada kompromi kepada standard kualiti dan sistem sebagaimana digambarkan dalam moto Kumpulan "Kecemerlangan Melalui Kualiti".

PENYATA DASAR KUALITI

Selaras dengan falsafah kualitinya, Kumpulan sama-sama berusaha untuk:-

- melebihi harapan pelanggan dengan memahami dan memenuhi keperluan mereka dan mematuhi syarat-syarat berkanun dan berperaturan yang terpakai;
- menambah baik kualiti produk dan perkhidmatan akhir secara berterusan melalui galakan inovasi, peningkatan kreativiti dan kemahiran;
- menyampaikan kecemerlangan proses dan menggalakkan persekitaran kerja yang sesuai; dan
- menanam standard integriti dan profesionalisme tahap tertinggi di kalangan kakitangannya dan menjadi peneraju industri.

KOMITMEN DAN BUDAYA KUALITI

Komitmen Kumpulan ke arah kualiti dapat dilihat daripada penglibatan pengurusan kanan dalam jawatankuasa pengurusan kualiti dan mesyuarat-mesyuarat kajian pengurusan.

Kumpulan memberi penekanan pada pembangunan budaya mementingkan kualiti berhubung dengan proses-proses dan sistem-sistem pada setiap peringkat operasi untuk meningkatkan kesedaran kakitangan akan tanggungjawab dan komitmen mereka ke arah kecemerlangan kualiti.

KAWALAN & PEMANTAUAN KUALITI

Kumpulan adalah komited ke arah memenuhi keperluan pelanggan dan menyerahkan produk dan perkhidmatan berkualiti, dan dengan yang demikian telah membangunkan dan secara berkesan melaksanakan sistem kualiti yang terdiri daripada:-

- sistem pengurusan kualiti yang distrukturkan dengan baik pada setiap peringkat operasi yang berkenaan;
- lawatan jaminan dan kawalan rutin untuk menentusah keberkesanan pelaksanaannya;
- audit dalaman dan luaran berjadual;
- analisis data berkesan termasuk tinjauan kepuasan pelanggan;
- sistem maklum balas berdasarkan pengetahuan;
- indeks prestasi penting sebagai sebahagian daripada objektif kualiti; dan
- penggunaan berkesan sistem berdasarkan elektronik bagi pemantauan dan kawalan berpusat.



Komitmen Kumpulan ke arah kualiti telah diiktiraf oleh badan-badan luar di mana IJM telah menjadi penerima pelbagai anugerah seperti Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia - Kontraktor Terbaik Tahun 2009.



PENGUKURAN RUJUK DAN PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

Pengukuran rujuk telah menjadi salah satu daripada asas-asas peningkatan berterusan dan pengekalan kelebihan daya saing. Kumpulan telah menerapkan pengukuran rujuk dalam beberapa operasi terasnya untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing.

Kumpulan telah pun mempunyai sistem kawalan sendiri dibangunkan secara dalaman dipanggil Sistem Penilaian Standard Kualiti IJM ("IQSAS") bagi beberapa aspek pembinaan bangunan dan kerja-kerja sivilnya. Ini bertindak sebagai ukur rujuk di antara projek-projeknya dan kemudiannya sebagai pemangkin bagi peningkatan kualiti berterusan.

Produk-produk yang dihasilkan oleh Kumpulan juga diperakui kualiti untuk mematuhi standard berperaturan yang berkenaan.

Penambahbaikan berterusan adalah bahagian yang penting dalam falsafah IJM untuk mewujudkan dan mengekalkan prestasi berkualiti yang lebih baik dan dilaksanakan melalui pendekatan-pendekatan yang berikut:-

- mengkaji dan mengemas kini secara progresif akan manual Sistem Pengurusan Kualiti dan prosedur-prosedur untuk menangani keperluan pelanggan dan perniagaan, dan kemajuan teknologi;
- melaksanakan program-program latihan bagi pembangunan profesional di kalangan kakitangan seperti Latihan Penyeliaan dalam Bangunan bergabung dengan Institut Teknikal dan Pendidikan Lanjutan Holmesglen (TAFE);
- pembangunan pengetahuan dan kemahiran kakitangannya untuk memastikan mereka sentiasa mengikuti perkembangan dalam peningkatan keperluan produk dan perkhidmatan;
- latihan semasa kerja pada keseluruhan operasinya;
- penekanan ke atas kecemerlangan proses;
- penaikan taraf dan pelaburan ke atas perkakasan dan perisian terbaru;
- pengenalan bahan-bahan prestasi tinggi dalam produk-produk dikilangnya dan bergerak ke arah pengautomatan; dan
- pelaksanaan garis panduan dan sistem kawalan proses bagi pelaksanaan dan pengawasan berkesan.

PENGIFTIRAFAN KUALITI

Untuk menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan kakitangannya untuk menyumbangkan kerja yang berkualiti, Kumpulan memberikan Anugerah Kualiti tahunan kepada projek-projek yang cemerlang di kalangan syarikat-syarikat setaranya. Anugerah diberikan untuk dua kategori terdiri daripada pembinaan dan kerja-kerja sivil.

QMS Kumpulan telah diperakui oleh standard ISO 9001 diiktiraf di peringkat antarabangsa pada 1996. Sejak itu, Kumpulan telah berjaya memperbaharui pentauliahannya setiap tahun.

Kumpulan berhasrat untuk mencapai pematuhan ISO 9001 secara berterusan dalam operasi perniagaan terasnya. Berikut adalah syarikat-syarikat yang telah mencapai pentaulahan yang termasyhur itu:-

1. IJM Corporation Berhad
2. IJM Land Berhad
3. IJM Construction Sdn Bhd
4. Road Builder (M) Sdn Bhd
5. Industrial Concrete Products Sdn Bhd
6. Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd
7. IJM Building Systems Sdn Bhd
8. Jurutama Sdn Bhd
9. IJM (India) Infrastructure Ltd
10. Kuang Rock Products Sdn Bhd
11. Expedient Resources Sdn Bhd
12. Strong Mixed Concrete Sdn Bhd
13. Durabon Sdn Bhd
14. Besraya (M) Sdn Bhd
15. New Pantai Expressway Sdn Bhd

LAPORAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR

Kesihatan dan keselamatan warga kami serta perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar kekal menjadi salah satu daripada nilai-nilai teras Kumpulan IJM sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dan dihormati berhubung dengan isu-isu keselamatan, kesihatan dan alam sekitar.

Berpandukan motonya, "Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar Adalah Tanggungjawab Semua", Kumpulan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan amalan alam sekitar, keselamatan dan kesihatannya dengan objektif untuk:

- Mencegah kemalangan;
- Mencegah penyakit pekerjaan; dan
- Mencegah pencemaran alam sekitar.

Untuk mencapai objektif-objektif ini, Kumpulan menumpukan perhatian pada usaha-usaha untuk:

- Mematuhi semua syarat perundangan berkaitan dengan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar dan lain-lain keperluan HSE;
- Membiasakan semua kakitangan dan pemegang pelbagai kepentingan dengan latihan, maklumat dan kemudahan yang tersedia;
- Meningkatkan kesedaran dan kebertanggungjawaban di semua peringkat organisasi; dan
- Memantau dan sentiasa mengkaji objektif-objektif yang telah ditetapkan.



Abah-abah badan penuh digunakan bagi perlindungan peribadi di tapak-tapak



Pemasangan jejaring tepi diamalkan di tapak-tapak bangunan bagi keselamatan

KESIHATAN DAN KESELAMATAN

Pejabat Buruh Antarabangsa telah menyatakan bahawa kesihatan dan keselamatan di tempat kerja adalah hak asasi manusia. Selaras dengan itu, IJM percaya bahawa warga kerjanya adalah aset Kumpulan paling bernilai dan keselamatan kakitangannya, kontraktor dan orang awam adalah keutamaan teratas dalam menguruskan perniagaan kami.

Kumpulan benar-benar percaya bahawa majikan dan kakitangan mesti bekerja bersama dalam menguatkuasakan garis panduan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja. Beberapa bahagian Kumpulan memainkan peranan penting dalam memberi kakitangan maklumat langsung, membabitkan mereka dalam rancangan pencegahan dan perkongsian amalan-amalan terbaik dalam kesihatan dan keselamatan pekerjaan.

Setiap kakitangan mempunyai tanggungjawab masing-masing untuk memahami dan menyokong polisi HSE Kumpulan, dan terlibat secara aktif dalam program-program HSE. Tanda amaran dan notis di tempat kerja juga bertindak untuk memberi amaran dan mengingatkan kakitangan tentang amalan HSE terbaik. Ini pada dasarnya bertujuan untuk menggalakkan budaya pencegahan kemalangan pekerjaan.

Sistem Pengurusan HSE

Sistem Pengurusan HSE IJM ("HSEMS") adalah satu sistem bersepada yang diperakui oleh standard OHSAS 18001:2007, ISO 14001:2004 dan MS 1722: Bahagian 1:2005. Komited untuk menetapkan objektif-objektif HSE, Kumpulan secara sistematik telah melaksanakan, memantau dan mengukur elemen-elemen pengurusan HSE penting yang diterjemahkan ke dalam Manual HSEMS, Prosedur dan Rancangan Tempat Kerja Kumpulan; ini termasuk:

- Pengurusan pro-aktif Risiko OHS dan Impak Alam Sekitar melalui pengenalpastian bahaya, penilaian risiko dan impak, dan penentuan langkah-langkah kawalan risiko dan impak semasa peringkat perancangan kegiatan projek;
- Pengenalpastian dan penilaian pematuhan Perundangan HSE berkaitan secara berterusan;
- Pengenalpastian dan penyediaan keperluan latihan dan kecekapan bagi kakitangan Kumpulan berdasarkan peranan dan tanggungjawab khusus ke arah HSE;
- Pelantar berkesan bagi perundingan dan komunikasi isu-isu HSE melalui penyertaan aktif daripada pelbagai peringkat dan fungsi;
- Penentuan langkah-langkah kawalan operasi untuk menghapuskan atau mengurangkan risiko-risiko OHS dan kesan alam sekitar melalui penubuhan Prosedur dan Kriteria Operasi Standard HSE;
- Perancangan proaktif bagi kesediaan dan tindak balas kecemasan;
- Program-program berkesan bagi pengukuran dan pemantauan prestasi HSE meliputi pemeriksaan dirancang dan pemeriksaan mengejut, analisis perangkaan dan pelaporan;
- Ketidakpatuhan dan Pengurusan Kejadian bagi menguruskan ketidakpatuhan dan kejadian yang dikenal pasti melalui analisis penyebab untuk menentukan tindakan penambahbaikan dan pencegahan pengulangan;
- Audit dalaman berjadual bagi penentusan pematuhan sistem; dan
- Kajian pengurusan berjadual bagi menyemak kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan sistem yang diwujudkan.

Organisasi HSE

Sistem Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar telah dilaksanakan di semua peringkat Kumpulan dan Organisasi HSE telah ditubuhkan untuk menguruskan dan memantau pelaksanaannya secara berkesan. Organisasi HSE termasuk:

- a) Jawatankuasa Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar ("HSEMC")

Jawatankuasa, diketuai oleh CEO & Pengarah Urusan bermesyuarat pada selang masa yang dirancang untuk mengkaji operasi dan prestasi HSE.

- b) Jawatankuasa Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar ("HSEC")

Diketuai oleh kakitangan pengurusan kanan yang dilantik, Jawatankuasa ini ditubuhkan di peringkat korporat dan di semua tempat kerja sebagai sebahagian daripada pematuhan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 ("OSHA").

- c) Jabatan HSE Korporat

Ditubuhkan di peringkat korporat untuk membantu Kumpulan dalam menubuhkan, melaksanakan dan mengekalkan Sistem Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar.

LAPORAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR (samb.)

Petunjuk Prestasi HSE

Dalam komitmennya untuk mencegah kejadian di tapak-tapak pembinaan, IJM telah menetapkan sasaran tertentu untuk mengukur prestasi HSEnya dan menyediakan input penting bagi peningkatan dan penambahbaikan pelaksanaan dan amalan HSEMSnya; yang termasuk:

(a) Kadar Kekerapan

Kadar kekerapan direkodkan berdasarkan bilangan kes kehilangan masa akibat kecederaan ("LTI") setiap satu juta jam manusia bekerja. Bagi FY 2010, IJM telah merekodkan kadar kekerapan sebanyak 0.09 kejadian LTI setiap satu juta jam manusia bekerja yang merupakan di bawah kadar sasaran sebanyak 0.27.

(b) Kadar Bencana Kerja

Kadar bencana kerja direkodkan berdasarkan bilangan hari kehilangan kerja akibat kejadian setiap satu juta jam manusia bekerja. IJM telah merekodkan kadar bencana kerja sebanyak 0.86 hari setiap satu juta jam manusia bekerja yang merupakan di bawah kadar sasaran sebanyak 2.5.


Mengambil kira sifat operasi Bahagian Industri, Bahagian ini mempunyai insentif tambahan untuk menggalakkan keselamatan di dalam kilang, loji dan kuarinya. Sehingga kini, lebih separuh daripada tapak-tapak kerja Bahagian telah diberi anugerah untuk pencapaian 500 Hari Tanpa Kemalangan secara berterusan.

Komitmen kesihatan dan keselamatan Bahagian Industri ditonjolkan dalam temanya "Tempat kerja Ku, Rumah Ku" yang menekankan aspek keselamatan, pengemasan, kebersihan dan pelandskapan untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat, bersih dan sihat bagi semua kakitangan. Sepanduk dan papan tanda dipasang untuk mempromosikan tema serta kempen dan kegiatan telah dianjurkan untuk mewujudkan kesedaran ke atas kepentingan mengekalkan tempat kerja yang selamat dan sihat.

Bahagian tersebut mempunyai "Kempen dan Pertandingan Keselamatan dan Kesihatan" berterusan, yang telah dilaksanakan sejak tahun 1996. Audit terdiri daripada elemen-elemen pentadbiran serta pemeriksaan fizikal ke atas tapak kerja yang termasuk amalan keselamatan, pengemasan am, peralatan perlindungan peribadi, pelaporan dan prosedur-prosedur penyiasatan. Objektif utama adalah untuk mewujudkan pematuhan dengan peraturan berkanun serta untuk meningkatkan kesihatan dan keselamatan keseluruhan tenaga kerja.

Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan OHSAS 18001 baru-baru ini telah diperkenalkan dalam kilang-kilang Bahagian Industri pada Julai 2009, dengan tujuan untuk sentiasa meningkatkan keselamatan dan kesihatan tempat kerjanya. Audit dalam akan dilaksanakan untuk memastikan kelancaran pelaksanaan sistem.

Sejajar dengan Penilaian Risiko Kesihatan Kimia ("CHRA"), Bahagian Industri juga menjalankan Pemantauan Kebisingan sebagaimana diterangkan di bawah Peraturan Kilang dan Jentera (Pendedahan Kebisingan) 1989 di semua kilangnya. Pemantauan peribadi juga dijalankan secara berjadual setiap



Keselamatan & Kesihatan - akan sentiasa menjadi pertimbangan utama di tempat kerja kami



Papan tanda keselamatan dipaparkan di beberapa lokasi untuk memberi amaran tentang risiko yang wujud


tahun bagi kakitangan-kakitangannya sebagai sebahagian daripada program pemuliharaan pendengarannya.

Bahagian Perladangan terus menyediakan latihan dan latihan semula kakitangan dan kontraktor-kontraktor untuk menjalankan semua kegiatan secara bertanggungjawab, selamat dan sihat dalam pelbagai aspek operasi perladangan untuk memastikan pematuhan dengan keperluan undang-undang tempatan. Pegawai-pegawai Keselamatan menjalankan audit, khidmat nasihat dan latihan mengenai amalan keselamatan dan kesihatan secara berkala dalam semua unit operasi meliputi penggunaan bahan kimia, latihan kebakaran dan bantuan kecemasan perindustrian. CHRS dijalankan di semua kilang minyak sawit Bahagian dan diikuti pula di ladang-ladang.

Sementara itu, Bahagian Pelabuhan telah menyediakan polisi keselamatan selaras dengan keperluan DOSH yang terpakai kepada semua pengguna dan kakitangan pelabuhan. Bahagian komited untuk memastikan amalan kerja yang selamat di pelabuhan dengan menjalankan taklimat ringkas keselamatan dan mesyuarat kotak peralatan setiap hari, audit mingguan dan audit bersama bulanan dengan pengawal arut tempatan, Lembaga Pelabuhan Kuantan. Pasukan Tindakan Kecemasannya menjalankan latihan tetap untuk memastikan tindakan serta-merta dan pelaksanaan profesional sekiranya berlaku kecemasan.



Bancian tandan sedang dilaksanakan



Fauna di sekeliling ladang

ALAM SEKITAR

Perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar adalah bahagian penting dalam falsafah korporat dan dasar perniagaan Kumpulan. Sasaran utama yang ditetapkan oleh Kumpulan dalam polisi alam sekitar korporatnya adalah pencegahan pencemaran, pengurusan sumber asli, pengembalian semula keadaan landskap di tapak-tapak projek, peminimuman gangguan sosial dan alam sekitar dan menghormati budaya masyarakat. Kumpulan percaya strategi ini akan menghasilkan pengurangan gangguan kepada alam sekitar serta menyumbang kepada pembangunan mapan.

Syarikat mengambil pendekatan tersusun untuk memulakan, melaksanakan dan memantau pelan alam sekitar dengan mewujudkan Sistem Pengurusan Alam Sekitar ("EMS") dalam mematuhi ISO 14001. Petunjuk-petunjuk prestasi yang diwujudkan adalah berdasarkan penilaian aspek alam sekitar, objektif alam sekitar dan keperluan-keperluan berkanun.

Model ISO 14001



Pemantauan Alam Sekitar

Program Pemantauan Kualiti Alam Sekitar ("EQMP") telah diwujudkan untuk mengukur sendiri kualiti alam sekitar kawasan sekeliling yang terjejas akibat operasi dan kegiatan perniagaan kami. Ia juga bertindak untuk memantau dan mengukur projek-projek yang tidak tertakluk kepada Syarat Kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar ("EIA"). Program ini tertumpu pada kualiti udara, bunyi dan air sungai untuk meminimumkan potensi kerosakan atau kemudaratan kepada sistem ekologi. Parameter-parameternya diringkaskan dalam jadual berhampiran.

Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar	Parameter
Kualiti Udara Persekitaran	Jumlah Yang Terapung (TSP) Perincian Perkara μ 10 (PM ₁₀)
Kualiti Bunyi Persekitaran (Tempoh: 8 jam dan 24 jam)	L_{Aeq} L_{Amin} L_{Amax} L_{10} L_{50} L_{90}
Kualiti Air Sungai (Pembuangan Efluen)	PH Jumlah Pepejal Terapung (TSS) Suhu Ujian Permintaan Oksigen Biologi (BOD) Ujian Permintaan Oksigen Kimia (COD) Oksigen Cair (DO) <i>Escherichia Coli</i> (<i>E.Coli</i>) Nitrogen Ammonia (NH ₃ N)
Pelepasan daripada Perangkap Keladak	Jumlah Pepejal Terapung

LAPORAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR (samb.)

Di tapak pembinaan kami, kakitangan teknikal juga dilatih oleh Jabatan Pengairan dan Saliran dan Jabatan Kerja Raya di bawah program Siri Amalan Alam Sekitar Terbaik termasuk pelaksanaan ke atas 'Pengenalan kepada Manual Saliran Mesra Alam' dan 'Kawalan Pencemaran Kakisan dan Pemendapan'.

Bagi kilang-kilang kami, peraturan bagi pencegahan dan kawalan bahaya kesihatan disebabkan habuk mineral ditetapkan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967. Pemantauan habuk, pertama kali dijalankan di kilang Bahagian Industri kami di Lumut, akan diperluaskan secara progresif di semua kilang dan kuari.

Penjagaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar

Dalam usaha berterusannya untuk melindungi alam sekitar, dari tahun ke tahun, Kumpulan telah memperkenalkan inisiatif-inisiatif baru sambil memastikan penambahbaikan



Perlindungan tebing sungai di tapak projek

Kawalan Pencemaran Air

Dalam peringkat perancangan awal sesuatu projek, sistem pengairan dan pelepasan air dipertimbangkan dan dinilai oleh pakar-pakar untuk menentukan masalah-masalah mungkin timbul dan anggaran kos kawalan. Parameter-parameter kualiti air dan kesihatan awam dipantau pada keseluruhan projek. Pemantauan termasuk penilaian kualitatif dan kuantitatif sistem ekologi sungai.

Syarikat mempunyai Pelan Kawalan Hakisan dan Pemendapan yang disediakan untuk menjaga kualiti air dan mengawal banjir di tapak pembinaan dan tapak harta tanah melalui beberapa langkah pencegahan, yang termasuk:

- penggredan bagi kawasan-kawasan yang akan menjalani pembinaan serta-merta;
- penggunaan penutup bumi sementara, penanaman rumput di cerun bukit, pemulihan tumbuhan progresif,



Lorong pejalan kaki menghijau yang menyamankan di harta tanah Ampersand @ Kia Peng kami

yang berterusan ke atas sistem pengurusan alam sekitarnya dalam usahanya untuk menangani perubahan cuaca dan isu-isu alam sekitar lain.

Berikut adalah langkah-langkah penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar yang diterima pakai oleh beberapa bahagian Kumpulan. Usaha-usaha dicirikan mengikut sektor untuk memberikan gambaran lengkap kegiatan alam sekitar IJM.

Pembinaan

Pengurusan Sisa

Sistem pengurusan sisa Bahagian Pembinaan dan Bahagian Hartanah telah dibangunkan selaras dengan Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Sisa Berjadual) 2005, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan keperluan-keperluan lain sebagaimana disenaraikan oleh Majlis Perbandaran Tempatan.

Sistem ini jelas mendefinisikan peranan, tanggungjawab dan kaedah-kaedah pengendalian sisa untuk memenuhi dan melangkaui obligasi Syarikat di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974. Kolam-kolam pemendapan, perangkap keladak dan bunker telah dibina untuk mencegah sisa daripada dilepaskan ke dalam sungai ketika hujan lebat.

hidro-pembenihan dan penstabilan cerun untuk mencegah hakisan dan gelongsoran tanah;

- kerja-kerja tanah terkawal dan kawalan pengurangan banjir di sekitar kawasan rendah berhampiran tapak projek;
- pelencongan, alur keluar saliran dan saluran yang mencukupi untuk mengawal aliran air hujan;
- membina landskap yang menyepadukan tapak dengan landskap alam semula jadi dengan lancar; dan
- bahan binaan seperti simen, pasir dan serbuk-serbuk lain disimpan dengan betul untuk mencegah daripada terdedah kepada curahan air hujan atau kawasan saliran.

Terdapat peningkatan tekanan pada syarikat-syarikat pembinaan untuk mengurangkan pencemaran dan pematuhan kepada peraturan alam sekitar. Di mana projek-projek kami melibatkan kerja penebusgunaan tanah di sepanjang pingir laut, permatang pasir dibina untuk mencegah pencemaran laut.

Kawalan Pencemaran Udara dan Bunyi

Terdapat banyak kegiatan di tapak-tapak pembinaan yang boleh menjadikan kualiti udara dan bunyi sekitar. IJM telah mewujudkan amalan dan langkah-langkah untuk mengurangkan dan mengawal pencemaran udara dan bunyi. Semua projek baru perlu menyediakan penilaian risiko

alam sekitar bagi kegiatan dan bahan pembinaan yang berkemungkinan menyebabkan pencemaran. Langkah-langkah khusus telah diambil untuk mengurangkan pencemaran udara dan bunyi:

- pembakaran terbuka adalah dilarang sama sekali di tapak-tapak pembinaan untuk mencegah pelepasan partikel-partikel jelaga dan gas-gas bertoksik;
- semburan air halus digunakan untuk melembapkan tapak dan laluan akses untuk mengawal habuk;
- trak-trak yang dimuatkan dengan bahan binaan ditutup atau dilembapkan; dan
- kaedah-kaedah penanaman cerucuk yang betul digunakan dalam kerja-kerja asas untuk mencegah pencemaran bunyi.

Semua projek IJM dipantau dan diukur secara tetap di bawah EQMP IJM untuk memastikan prestasi alam sekitarnya mematuhi standard sebagaimana ditetapkan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan.




Taman-taman subur menghijau terletak di hartenah kami

termasuk laluan air dengan hidupan marin yang berkembang biak. Projek ikonik ini akan menonjolkan pemuliharaan air dan sumber melalui pengoptimuman tenaga, penggunaan bahan dikitar semula boleh kekal, dan ciri-ciri tenaga boleh diperbarui dalam kawasan kediaman.

Bahagian Hartanah telah berjaya dalam mencapai keseimbangan antara objektif keuntungan dan daya maju alam sekitar dengan menerapkan kelebihan inovatif dalam nilai kejuruteraan dan perancangan kecekapan tenaga. Ini dicapai melalui sokongan yang sinergistik daripada Bahagian Pembinaan kami.

Perladangan

Bahagian Perladangan melalui IJM Plantations dan sebagai ahli rundingan Meja Bulat mengenai Kemapanan Minyak Sawit, mengambil tanggungjawab pelaksanaan sosio alam sekitarnya dengan serius. Semua unit operasinya mengamalkan konsep 'Sisa Sifar', di mana sisa dikurangkan, dikitar semula, digunakan



Pemuliharaan tasik ladang di Sugut

Hartenah

Hartenah Hijau

Sebagai pemaju yang bertanggungjawab, IJM Land memahami standard hartenah hijau dan telah melakukan usahanya untuk mencipta rekaan boleh kekal yang meminimumkan kesan negatif bangunan ke atas alam sekitar. Bahagian Hartanah sentiasa mencari kaedah-kaedah untuk membuat sumbangan ketara kepada perlindungan alam sekitar dalam projek-projek hartenahnya.

Reka bentuk hartenah berpegang kepada prinsip keharmonian dan pemuliharaan alam sekitar untuk mewujudkan keadaan kehidupan yang optimum. Ciri-ciri tersebut termasuk mengorientasikan unit-unit untuk menghadap ke arah 'utara' dan 'selatan' bagi mengurangkan kepanasan, penggunaan pencahayaan semula jadi, pemasangan penyongsang penyaman udara paip siap dan menggabungkan kawasan-kawasan hijau yang subur, laman dalaman dan terbuka bagi pengudaraan menyeluruh yang lebih baik untuk persekitaran yang lebih sihat.

Pembangunan hijau pertama di Pulau Pinang, projek terapung IJM Land iaitu 'The Light' menampilkan ciri-ciri mesra ekologi yang canggih yang belum pernah disaksikan di Malaysia

semula atau dilupuskan dalam cara yang bertanggungjawab dari aspek alam sekitar dan sosial.

Pemuliharaan Tanah

Di ladang-ladang, pelbagai langkah pemuliharaan tanah dijalankan termasuk pembinaan teres di kawasan berbukit, penanaman tanaman penutup bumi kekacang, pembinaan saliran dan pemeliharaan terusan air semula jadi, penggunaan lubang kelodak dan peletakan pelepas-pelepas dengan betul di seluruh cerun untuk meminimumkan hakisan dan runtahan.

Tumbuh-tumbuhan hijau penutup bumi kekacang yang subur menyumbang kepada pengayaan ekosistem dan biodiversiti ladang kelapa sawit. Tanaman penutup bumi kekacang seperti Mucuna bracteata bertindak sebagai penutup bumi dan juga menyuplai nitrogen ke dalam tanah yang meningkatkan kesuburan dan mengurangkan suhu tanah dan mengekalkan tahap kelembapan yang tinggi.

Pengitaran Semula Produk Sampingan Kelapa Sawit

Efluen kilang minyak sawit ("POME") yang kaya dengan nutrien dirawat dengan betul sebelum dilepaskan ke medan untuk pengairan. Tandan buah kosong ("EFB") juga disalurkan untuk sungkupan di ladang-ladang. Di Sabang, kedua-dua EFB dan POME yang dicarik-carik dicampurkan untuk pengeluaran biokompos.

LAPORAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR (samb.)

Pemuliharaan Air

Teknologi pengairan titisan adalah satu teknologi penjimatan air yang membolehkan penggunaan kepersisan air yang perlahan secara langsung kepada akar-akar pokok melalui rangkaian paip plastik yang direka secara inovatif. Teknologi inovatif ini telah berjaya dilaksanakan dan telah digunakan secara berterusan di Ladang Desa Talisai di Sabah di mana ia mengeluarkan anak benih yang sihat dan berkualiti bagi program penanaman semula yang sedang dijalankan dan melindungi alam sekitar melalui pemuliharaan tanah, air dan penggunaan agrokimia.

Selain daripada itu, Bahagian Perladangan menguruskan penggunaan air optimum melalui kawasan tadahan air, takungan air dan beberapa siri sistem pengairan. Takungan air telah dibina di kawasan-kawasan terpilih di ladang-ladang mengambil manfaat daripada topografi semula jadi.

Polisi Pembakaran Sifar

IJM menguatkuasakan polisi pembakaran sifar dalam semua kegiatan penanaman semula. Amalan pengurusan terbaik bagi penanaman semula telah dilaksanakan.

Pengurusan Perosak Bersepadu

Bahagian Perladangan merangkumi pengurusan perosak bersepadu yang melibatkan gabungan teknik-teknik pengurusan perosak untuk mengekalkan tahap biodiversiti yang tinggi dalam ekosistem. Pokok-pokok bermanfaat seperti *Turnera subulata*, *Antigonon leptopus* dan *Cassia cobanensis* ditanam untuk mengekalkan keseimbangan populasi serangga perosak kelapa sawit dengan alam semula jadi telah membawa kepada pengurangan penggunaan racun serangga bagi mengawal ulat kelongsong dan ulat bulu netel.

IJM juga membela dan membiak serangga pemangsa dalam insektarium di Pusat Kualiti, Latihan dan Penyelidikannya dan Sugut bagi kawalan biologi perosak memakan daun. Rumah burung hantu juga dibina untuk menarik perhatian burung-burung hantu pemakan tikus sebagai alatan kawalan biologi bagi tikus-tikus di ladang. Begitu juga, feromon digunakan untuk memerangkap kumbang badak *Oryctes rhinoceros*, dan bukannya kawalan kimia. Penggunaan minimum racun perosak perladangan telah membolehkan pelbagai jenis flora dan fauna berkembang biak.

Pemuliharaan Hutan

Kawasan hutan semula jadi di ladang-ladang dikekalkan sebagai tapak pemuliharaan. Kemuncak kejayaan langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan Bahagian Perladangan adalah plot pemuliharaan pokok Sugut seluas 100 ekar dan tapak semaan mini yang terletak di ladang Sg. Sabang. Tapak ini menyimpan pelbagai jenis pokok hutan hujan tropika, menanam pelbagai jenis spesies pokok buah-buahan tropika dan tumbuhan-tumbuhan herba. Sepanjang masa, mamalia dan burung menjadi penghuni tetap di tapak ini.



Pengairan titisan di tapak semaan



Pengurusan perosak bersepadu



Pemuliharaan dalam "Hundred-Acre Wood" Sugut

Tapak semaihan juga menempatkan taman bagi koleksi tumbuh-tumbuhan perubatan dengan lebih 150 spesies pokok perubatan dan pokok herba dikumpulkan dan ditanam bagi tujuan pemuliharaan dan pendidikan. Satu lagi kawasan pemuliharaan meliputi kawasan seluas lebih 300 ekar yang mengelilingi tasik ladang di Sugut telah dipelihara untuk tujuan penyelidikan, pendidikan dan pemuliharaan melalui kerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah.

Kawasan-kawasan yang tidak sesuai untuk penanaman kelapa sawit telah ditanam dengan anak pokok balak yang sesuai di bawah projek penanaman pokok Sugut. Kawasan-kawasan selebihnya di ladang-ladang juga telah ditanam dengan beberapa spesies pokok balak seperti mahogani (*Swietenia spp.*) dan sentang (*Azadirachta excelsa*).

Industri


Prosedur-prosedur operasi standard yang ketat digunakan oleh Bahagian Industri untuk melindungi alam sekitar. Tumpuannya adalah untuk melindungi kualiti udara dan meminimumkan pencemaran bunyi di dalam dan di sekitar komuniti dalam mana ia beroperasi.

Pencegahan Tanah Runtuh

Penanaman rumput di tebing bukit diterima pakai oleh operasi pengkuarian sebagai langkah pencegahan bagi runtuhan tanah dan kesan-kesan buruk lain kepada alam sekitar.

Kawalan Pencemaran Udara dan Bunyi

Semua kuari mempunyai sistem perenjis yang dipasang pada penghancur, penyampai dan sepanjang laluan akses kuari untuk melembapkan muatan atas lori bagi mengurangkan wasap debu. Sistem penapis habuk juga telah dipasang dalam silo-silo simen kami.



Sistem perenjis digunakan untuk melembapkan muatan di atas lori di kuari-kuari kami

Bahagian juga telah melantik perunding luar untuk memantau pencemaran habuk dan mengkaji tahap kebisingan untuk mengekalkan kedua-duanya pada tahap yang dibenarkan. Pada masa yang sama, cabang pengilangan telah menerima pakai penggunaan jaringan bergetah dalam operasi penyaringannya dan memasang penyerap bunyi dalam bilik kawalan kuari.

Untuk memantapkan usaha-usaha ini, Bahagian telah mengaktifkan loji-loji dan mesin-mesin yang mesra alam dalam operasinya. Sebagai langkah pencegahan dan pematuhan peraturan OSHA, semua kakitangan perlu memakai peralatan perlindungan kebisingan.

Tol

Kawalan Pembaziran Kertas

Untuk menggalakkan bumi lebih hijau, Bahagian Tol menerima pakai sistem 'Kad Pintar' di lebuh raya bertolnya sebagai ganti kepada tiket konvensional. Selain mengurangkan penggunaan kertas, sistem 'Kad Pintar' juga mengurangkan sebarang percanggahan yang mungkin timbul dalam pengutipan tol dan menghapuskan keimbangan dikenakan denda maksimum bagi kehilangan tiket. Selain daripada itu, kad tersebut memudahkan pemerolehan semula data dan menjimatkan kos keseluruhan.



Penggunaan sistem kad pintar di plaza tol kami untuk menjimatkan kertas

LAPORAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR (samb.)

Pematuhan EIA

Menggabungkan teknologi terkini dalam reka bentuk dan pembinaan lebuhraya dengan kesan minimum kepada alam sekitar, LEKAS telah dibina berdasarkan Syarat-syarat Kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar ("EIA").



Latihan tumpahan minyak di mana bum minyak dilepaskan ke dalam lembangan perairan Pelabuhan Kuantan untuk menyekat penyebaran kebocoran minyak

Pelabuhan

Kawalan Pencemaran Laut

Pencemaran perairan pelabuhan dan kawasan sekitarnya boleh meningkatkan kesan yang membawa bencana kepada alam sekitar dan perniagaan pelabuhan. Bahagian Pelabuhan mematuhi sepenuhnya peraturan tempatan dan antarabangsa dalam hubungan ini, misalnya Konvensyen Pencemaran Minyak Marin (Konvensyen MARPOL 73/78) dan Panduan Keselamatan Antarabangsa bagi Kapal Tangki Minyak dan Terminal ("ISGOTT").

Bahagian ini juga mewajibkan semua kapal tangki minyak yang masuk ke Pelabuhan Kuantan untuk mematuhi dengan ketat senarai semak keselamatan kapal pesisir untuk memastikan pematuhan kepada kawalan keselamatan dan pencemaran. Sebagai langkah pengurangan, Pasukan Tindakan Kecemasan Tumpahan Minyak Bahagian sentiasa bersiap sedia dan boleh dikerahkan serta-merta apabila diperlukan.


Kawalan Pencemaran Habuk

Bahagian juga mengarahkan agar lori-lori yang membawa kargo pukal seperti hampas isirung sawit, baja, serpihan kayu dan barang pukal lain, menutup kargo sebelum meninggalkan premis-premis pelabuhan untuk mengurangkan pencemaran habuk di kawasan pelabuhan dan kawasannya.

Penggunaan sistem penyampai bagi pemuatan dan pemunggahan kargo adalah digalakkan. Habuk daripada kargo-kargo pukal ini, walaupun ia mungkin tidak menjelaskan alam sekitar secara ketara, boleh menjelaskan kesihatan kakitangan dan pengguna pelabuhan dalam jangka panjang. Justeru itu, kakitangan dan pengguna pelabuhan digalakkan untuk menggunakan topeng habuk.

PROGRAM LATIHAN DAN KESEDARAN

Kumpulan komited untuk meningkatkan kesedaran dan kebertanggungjawaban HSE pada semua peringkat organisasi. Halaman web komprehensif yang diuruskan oleh Jabatan HSE dalam Portal Maklumat Dalaman Kumpulan menyenaraikan manual HSE terkini dan garis panduan mengenai amalan terbaik serta langkah-langkah pembetulan dan pencegahan yang disyorkan. Hal-hal ketidakpatuhan, insiden dan tindakan pemulihan juga dijelaskan sebagai kajian kes bagi manfaat semua.



Latihan dan kesedaran mengenai amalan HSE

Latihan-latihan yang dijalankan oleh IJM disokong oleh beberapa pihak berkuasa dan badan-badan kerajaan. Program-program dan bengkel-bengkel latihan yang dijalankan di bawah Siri OHSAS 18001 dan Standard Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2004 terdiri daripada:

- Kursus pengenalan asas bagi semua peringkat korporat dan kakitangan tapak;
- Latihan 'Audit Dalaman HSE' dengan sesi latihan atas tapak;
- Latihan 'Penyiasatan Kemalangan' dianjurkan secara khusus untuk personel projek;
- 'Pertolongan Cemas dan CPR' bagi ahli Pasukan Tindakan Kecemasan di ibu pejabat serta di tapak; dan
- Latihan dan praktikal 'Keselamatan Loji dan Jentera' di Bengkel Pusat IJM di Bukit Beruntung.

Bengkel 'Aspek dan Kesan Alam Sekitar' dijalankan setiap tiga bulan untuk melatih personel tapak mengenal pasti risiko-risiko berpotensi dan implikasi operasi Kumpulan kepada alam sekitar. Ini ditambah selanjutnya dengan latihan tetap, persempahan kunjungan dan program-program kesedaran.

ANUGERAH-ANUGERAH HSE

Untuk menggalakkan amalan terbaik dalam HSE dan meningkatkan prestasi dalam Sistem Pengurusan HSE, Anugerah HSE diberikan setiap tahun kepada projek-projek/tapak-tapak dan kilang-kilang, yang berprestasi baik di kalangan pesaingnya berdasarkan kriteria yang ditetapkan di mana ia merangkumi pematuhan keperluan undang-undang dan Sistem Pengurusan HSE IJM; ini termasuk:

1. Komitmen ke arah pelaksanaan sistem;
2. Pengurusan bahaya dan risiko;
3. Pematuhan undang-undang;
4. Kesedaran dan kecekapan;
5. Amalan terbaik;
6. Perangkaan kejadian;
7. Penarafan pemeriksaan mengejut;
8. Keputusan audit keselamatan dalaman; dan
9. Keselamatan awam.


Anugerah juga diberi untuk menggalakkan persaingan sihat dan meningkatkan standard operasi kami secara berterusan.



Anugerah Keselamatan dan Kesihatan diberikan kepada projek pembinaan dengan prestasi terbaik



Anugerah Persaingan Keselamatan & Kesihatan Bahagian Industri 2009 diberi kepada kilang Kapar



Dedikasi dan tumpuan...



Dedikasi dan tumpuan kami ke arah tanggungjawab korporat adalah teguh dan kukuh. Kami terus memberikan nilai kepada pemegang-pemegang pelbagai kepentingan kami dan ini memastikan kami sentiasa berada di atas.

Tanggungjawab Korporat

- 117 Pasaran
- 120 Alam Sekitar
- 122 Masyarakat
- 126 Tempat Kerja

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Dalam setiap bidang perniagaan kami, usaha kami bagi peningkatan mapan memerlukan agar kami menerima pakai pendekatan yang holistik ke atas cara kami berfikir dan beroperasi agar pemegang pelbagai kepentingan kami boleh mendapat manfaat bersama daripada pencapaian kami. Justeru itu kami sungguh percaya bahawa objektif kami dalam menghasilkan pulangan yang berterusan kepada pemegang-pemegang saham kami hanya boleh dicapai sekiranya ia disertakan dengan amalan terbaik Tanggungjawab Korporat ("CR") yang komprehensif dalam peranan utama kami sebagai:

- Pusat bagi modal dan perusahaan dalam **PASARAN**;
- Pemelihara alam **SEKITAR**;
- Pemaju **MASYARAKAT**; dan
- Penyedia peluang-peluang dalam **PASARAN**.

Dalam penerimaan pakai amalan terbaik ini, IJM dibimbing oleh Rangka Kerja CRnya, yang konsisten dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam Garis Panduan CR Bursa Securities, sebagaimana ditunjukkan dalam gambar rajah di bawah:



PASARAN

Keupayaan untuk menguasai keyakinan pelanggan kami, pembekal, rakan niaga, pelabur, jurubank, kerajaan dan badan-badan berperaturan adalah sangat penting kepada kejayaan berterusan Kumpulan. Justeru itu, IJM menumpukan usaha yang banyak ke arah memupuk etika dan nilai perniagaan yang cemerlang, urus tadbir korporat yang baik dan penglibatan pemegang pelbagai kepentingan, sistem pemerolehan, dan produk serta perkhidmatan berkualiti dan berinovasi.



Para Pengarah dan kakitangan berkumpul dalam Dialog Pengurusan Kanan untuk membincangkan prestasi dan strategi Kumpulan

Etika & Nilai Perniagaan

Kumpulan menyedari bahawa pengekalan budaya perniagaan beretika dalam organisasi adalah kerja yang berterusan. Untuk tujuan ini, IJM melangkaui batas pembangunan dan penambahbaikan dasar-dasar, amalan dan prosedur; ia juga menggalakkan kepimpinan etika daripada peringkat atasan sebagai cara penting untuk menyemai dan memelihara asas moral keseluruhan Kumpulan. Kursus induksi, latihan dan peningkatan dianjurkan oleh Jabatan Sumber Manusia Kumpulan juga ditanam, pada bila-bila masa yang mungkin, dengan mesej untuk memupuk budaya etika di kalangan kakitangan. Dalam interaksinya dengan unsur perniagaan, Kumpulan berusaha untuk mengendalikan dirinya sendiri dalam cara yang bertanggungjawab dan beretika, yang akan dinyatakan selanjutnya secara terperinci dalam perenggan berikutnya dalam seksyen ini.

Urus Tadbir Korporat

Budaya urus tadbir korporat yang baik dan kebertanggungjawaban dipupuk dalam seluruh Kumpulan, sebagaimana digembar-gemburkan dalam pernyata polisinya "Kami berusaha untuk mendukung standard profesionalisme tertinggi dan urus tadbir korporat contoh untuk memaksimumkan manfaat bagi semua pemegang pelbagai

kepentingan". Kumpulan telah menyediakan beberapa amalan terbaik daripada imbalan Lembaga yang mencukupi di kalangan pengarah eksekutif, pengarah bukan-eksekutif dan pengarah bebas bagi proses membuat keputusan yang bijak hingga pendedahan telus ganjaran Lembaga.

Lembaga juga komited untuk memastikan pelaporan kewangan yang betul dan adil dan menyenggara sistem kawalan dalaman yang kukuh dan rangka kerja pengurusan risiko sewajarnya, melindungi aset-aset Kumpulan dengan sewajarnya dan mencegah penipuan dan ketidakteraturan lain. Rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan yang diterima pakai oleh Kumpulan menggunakan pendekatan berdasarkan risiko dan kajiannya meliputi bidang-bidang ketidakpatuhan dengan undang-undang terpakai, peraturan, garis panduan, perubahan kepada kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan. Hasil kajian penilaian risiko tahun semasa adalah memuaskan dan tidak ada salah nyataan atau kerugian, kontingenensi atau ketidakpastian material telah timbul.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada *Penyata Urus Tadbir Korporat* (bagi amalan urus tadbir korporat terbaik Kumpulan) dan *Penyata Kawalan Dalaman* (bagi rangka kerja pengurusan risiko, amalan dan langkah-langkah kawalan dalaman lain).

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

(samb.)

Penglibatan Pemegang Pelbagai Kepentingan

Kumpulan berusaha untuk menyampaikan maklumat berkualiti kepada pelabur, penguat kuasa peraturan, pelanggan, pembekal, kakitangan dan orang awam, secara tepat pada masanya dan telus. Misalnya, Kumpulan telah membina program Perhubungan Pelabur ("IR") untuk menyebarkan maklumat penting mengenai perkembangan, operasi dan prestasi kewangan Kumpulan kepada komuniti pelaburan. Beberapa pendedahan dan pengumuman telah dibuat kepada Bursa Securities, dialog tetap diadakan dengan penganalisis dan pengurus dana, dan sidang media dianjurkan dari masa ke masa untuk menyebarkan maklumat dengan berkesan kepada orang awam. Maklumat lanjut mengenai kegiatan-kegiatan Perhubungan Pelabur Kumpulan terkandung dalam *Penyata Urus Tadbir Korporat*.

Saluran bagi pengaduan salah laku disediakan di mana kakitangan boleh melaporkan penipuan atau ketidakteraturan dalam cara yang paling sulit dan tidak menimbulkan syak kepada Juruaudit Dalaman Kumpulan, Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan atau Setiausaha Syarikat. Peluang-peluang juga disediakan kepada kakitangan untuk memberikan maklum balas dan pendapat melalui forum-forum intranet interaktif dan kotak-kotak cadangan.

Kumpulan juga mempunyai laman web komprehensif di www.ijm.com untuk mempertingkatkan lagi komunikasi pemegang pelbagai kepentingan. Pelawat-pelawat ke laman web dialau-alukan untuk memberikan maklum balas dan ulasan bagi penambahbaikan penawaran produk, perkhidmatan Kumpulan atau apa-apa perkara lain yang ia mahu bangkitkan.

Dasar Pemerolehan

Inisiatif CR Kumpulan termasuk keputusan mengenai pemerolehan barang dan perkhidmatan bagi perniagaan memandangkan ia memikul tanggungjawab untuk memastikan agar bahan atau perkhidmatan yang diperoleh memenuhi keperluan klien dan spesifikasi kontrak. Dasar pemerolehan Kumpulan adalah untuk mendapatkan sumber bahan dan perkhidmatan yang sangat boleh dipercayai dari segi peletakan harga, kualiti, ketersediaan dan penyerahan tepat pada masa.

Kumpulan menerima pakai dasar dan prosedur pemerolehan neutral dan terbuka yang telah diperakui sijil ISO 9001 dan berhasrat untuk menyediakan pilihan, kualiti, kecekapan, ketetapan masa dan ekonomi bidangan dalam penyediaan produk dan perkhidmatan berkualiti untuk memastikan kepuasan pelanggan. Ia meliputi bidang-bidang seperti proses pembelian bahan dan tempahan, permintaan bagi tender dan sebut harga, penilaian dan pemilihan subkontraktor dan pembekal berdasarkan kriteria tertentu, penilaian subkontraktor/pembekal secara berkala dan kemas kini secara kerap ke atas senarai subkontraktor/pembekal yang diluluskan.



Pengerusi kami, Y. Bhg. Tan Sri Dato' Wan Abdul Rahman mesra berbincang dengan pemegang saham

Produk & Perkhidmatan - Kualiti

Dalam usahanya untuk menyerahkan produk dan perkhidmatan berkualiti terunggul bagi pelanggan dan mematuhi syarat-syarat berperaturan yang terpakai, Kumpulan telah menyediakan standard tertinggi bagi dasar, prosedur dan amalan terbaik dengan penerimaan pakai pensijilan sistem kualiti ISO 9001. Ini adalah selaras dengan penyata polisi Kumpulan untuk "...memastikan kualiti produk dan perkhidmatan kami melebihi kepuasan pelanggan-pelanggan kami". Sehingga kini, syarikat-syarikat dalam Kumpulan yang diperakui ISO 9001 berjumlah 15 buah syarikat. Komitmen Kumpulan kepada kualiti digambarkan selanjutnya melalui penjenamaan 'Mercu Kecemerlangan' dan moto korporatnya 'Kecemerlangan melalui Kualiti'.

Sebagai sebuah perbadanan yang bertanggungjawab, Kumpulan menjalankan kajian, penambahbaikan proses dan penilaian kawalan kualiti yang tetap, untuk mempertingkatkan proses pengeluaran dan kualiti produk dan perkhidmatannya secara berterusan, untuk meminimumkan kecacatan produk, kemalangan, bahaya kesihatan dan alam sekitar, manakala pada masa yang sama, memuaskan hati pelanggan-pelanggannya dan memenuhi keperluan pemegang-pemegang pelbagai kepentingannya dan masyarakat keseluruhan. Selain daripada itu, tinjauan kepuasan hati tahunan dijalankan untuk mendapatkan maklum balas pelanggan untuk menyediakan perkhidmatan kepada mereka dengan lebih baik.

IJM telah membangunkan teknologi dan kepakaran bangunan nicnya sendiri dengan menjadi peneraju terkemuka dalam industri pembinaan bagi sektor swasta dan sektor awam, serta arena antarabangsa. Sebagai bukti komitmen Kumpulan kepada kualiti, ia telah menerima pengiktirafan tinggi daripada pelanggan-pelanggan yang berpuas hati, badan kerajaan dan badan berperaturan, dan sokongan awam, melalui pelbagai bentuk anugerah dan sokongan termasuk Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia - Kontraktor Terbaik Tahun 2009.

Maklumat lanjut mengenai amalan kualiti terbaik Kumpulan diliputi dalam *Laporan Kualiti*.



Cerucuk terbesar telah dibangunkan dengan diameter sebesar 1400mm oleh ICP Jiangmen, China



Usaha R&D Bahagian Perladangan menghasilkan buah kelapa sawit berkualiti

Produk & Perkhidmatan - Inovasi, Penyelidikan & Pembangunan

Kumpulan sentiasa membuat pembaharuan dan penambahbaikan ke atas kualiti produk dan perkhidmatannya untuk kekal seiring dengan perubahan teknologi dan keutamaaan pelanggan. Sehubungan dengan ini, Kumpulan mengamalkan perekayasaan dan penciptaan semula produk dan prosesnya melalui penyelidikan dan pembangunan ("R&D") berterusan untuk mengeluarkan kualiti tertinggi dengan kos yang lebih rendah dan masa ke pasaran yang lebih pantas berbanding pesaing-pesaingnya, untuk mengekalkan kelebihan daya saingnya.

Anak syarikat pembinaan inovatif, IJM Building Systems Sdn Bhd telah ditauliahkan oleh Malaysian Book of Records bagi pengeluaran panel komposit simen bertetulang serat kelapa sawit ringan yang pertama di Malaysia.

Bahagian Industri mempunyai Makmal Penyelidikan dan Pembangunan Berpusat di kilangnya di Klang yang telah ditauliahkan oleh Jabatan Standard, Malaysia bagi penentukan bidangan meliputi dimensi dan jisim sejak tahun 2000. Dalam usaha berterusannya untuk meningkatkan kualiti dan ketahanan cerucuk konkrit berpintal pra tegangnya ("PSC"), makmal tersebut telah berjaya mengkomersialkan penggunaan bahan tambahan berdasarkan polimer untuk mencapai standard kejuruteraan yang lebih tinggi bagi kekuatan dan ketahanan konkrit. Selain daripada itu, penggunaan sistem tenaga sifar dan bahan teknologi hijau telah secara drastik mengurangkan pelepasan karbon dioksida ke dalam atmosfera. Di lojinya di China, untuk memenuhi permintaan keupayaan beban lebih tinggi dan momen lentur bagi struktur asas projek-projek pelabuhan laut dalam/perairan, ICP Jiangmen, telah berjaya merekayasa dan membangunkan cerucuk PHC berdiameter 1400mm.

Bahagian Perladangan sentiasa menjalankan kegiatan R&D melalui Pusat Kualiti, Latihan dan Penyelidikannya ("QTRC") untuk meningkatkan prestasi dan kualiti produk kelapa sawitnya. Usaha-usaha sedemikian termasuk pelaksanaan kawalan biologi untuk mengurangkan penggunaan racun perosak kimia. Usaha-usaha R&D lain termasuk peningkatan hasil kelapa sawit melalui kaedah pembiakbakaan dan pemilihan, rekod saintifik blok-blok genetik, pemilihan induk sawit di Ladang Sijas, Sabah dan ujian percubaan progeni. Program pembiakbakaan membolehkan Bahagian ini mengeluarkan bahan penanaman hasil berkualiti tinggi. Selain daripada itu, biji benih kelapa sawit kacukan yang diperakui oleh SIRIM MS157:2005 dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia ("MPOB") yang menggunakan cap dagang 'IJM DxP' telah dikeluarkan dan diguna dalam penanaman semula kelapa sawit Bahagian di Sabah serta penanaman baru di Indonesia.

Kumpulan, dalam usahanya untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi dan inovatif, akan terus melabur dan memperuntukkan sumber dalam kegiatan R&D bagi peningkatan mapan dan untuk menghapuskan proses-proses yang tidak cekap.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

(samb.)

ALAM SEKITAR

Perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar adalah bahagian penting dalam falsafah korporat dan dasar perniagaan Kumpulan. Sasaran utama yang ditetapkan oleh Kumpulan dalam polisi Alam Sekitar Korporatnya adalah pencegahan pencemaran, pengurusan sumber asli, pengembalian semula keadaan landskap di tapak-tapak projek, peminimuman gangguan sosial dan alam sekitar dan menghormati budaya masyarakat. IJM percaya strategi ini akan menghasilkan pengurangan gangguan kepada alam sekitar dan menyumbang kepada pembangunan mapan.

Wawasan IJM bagi masa hadapan yang mapan dapat dilihat melalui penglibatan dalam acara-acara awam yang disertai dalam tahun di bawah kajian. Tiga acara penting jelas memperlihatkan mesej-mesej global yang ia bawa.



Kegairahan peserta-peserta Raptor Watch Fun Challenge

Perlumbaan Raptor Watch Fun Challenge Race 2010

IJM telah menaja perlumbaan Raptor Watch Fun Challenge Race selaras dengan acara Melihat Burung Pemangsa Persatuan Pencinta Alam Malaysia ("MNS") pada Mac 2010 di Tanjung Tuan, Melaka. Temasya tersebut diadakan untuk menyambut kepulangan burung hijrah atau lebih dikenali sebagai burung pemangsa ke habitat asal mereka di hemisfera utara. Acara tersebut berperanan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pemuliharaan burung pemangsa dan habitat mereka.

Earth Hour

Earth Hour, inisiatif memadamkan lampu global yang diwujudkan oleh WWF ("Tabung Hidupan Liar Dunia"), menyaksikan berjuta-juta orang seluruh dunia dan di Malaysia, memadamkan lampu mereka selama satu jam pada hari Sabtu, 27 Mac 2010 pada jam 8.30 malam untuk menyatakan sokongan bagi menangani perubahan cuaca.



Pencinta alam IJM menikmati sehari di Gua Mulu, Sarawak

Buat dua tahun berturut-turut, warga IJM telah mengambil bahagian dalam acara tersebut dengan memadamkan lampu-lampu tidak penting di ibu pejabatnya, cawangan, tapak dan anak-anak syarikat di Malaysia dan luar negeri. Kakitangan diingatkan untuk memadamkan komputer mereka, perkakas elektrik dan lampu-lampu tidak penting di tempat kerja mereka sebelum meninggalkan pejabat pada hujung minggu dan juga; digalakkan untuk mewar-warkan kepada ahli keluarga dan sahabat handai; dan untuk menyambut Earth Hour di rumah mereka sendiri.

Gua Mulu, Sarawak

Sebagai sebahagian daripada kegiatan Kelab Sukan IJM ("KSIJM") untuk mendedahkan ahli-ahlinya kepada keindahan alam semula jadi, satu lawatan ke Gua Mulu, Sarawak telah dianjurkan bagi 40 orang peserta. Mereka telah melawat gua Rusa, gua Lang, gua Air Jernih dan gua Angin yang mempesonakan, dan menikmati persekitaran flora dan fauna semula jadi.

Usaha-usaha kumpulan dalam penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar dihuraikan selanjutnya dalam *Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar*.



Pencinta alam IJM di salah satu daripada Gua Mulu yang mempesonakan Sarawak



Orang awam cuba menangkap gambar Burung Pemangsa di Tanjung Tuan, Melaka

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

(samb.)

MASYARAKAT

"Sumbangan kepada masyarakat" dalam mana ia beroperasi telah cukup sebatи dalam falsafah IJM. Kenyataan rasmi ini telah diamalkan dan diperhalusi secara konsisten untuk sekian lamanya. Dipandu oleh rangka kerja CRnya, usaha-usaha komuniti IJM tertumpu pada pembangunan sukan di peringkat akar umbi, pendidikan dan kebajikan sosial.

Pembangunan Sukan di Peringkat Akar Umbi

Di IJM, kami menghargai peranan sukan dalam meningkatkan kesejahteraan fizikal dan mental golongan belia. Untuk tujuan ini, Kumpulan meneruskan tumpuannya pada pembangunan sukan di peringkat akar umbi.

Penajaan pembangunan sukan di peringkat akar umbi IJM dikendalikan melalui kerjasama yang berkesan dan pendekatan melalui pengalaman ke atas sukan-sukan yang kami pupuk, sehingga kini telah menghasilkan beberapa tahap kejayaan.

Adalah penting dinyatakan bahawa program-program pembangunan dan perlawanan sokongan IJM diuruskan keseluruhannya oleh sukarelawan yang terdiri daripada penggemar sukan, penyokong dan ahli keluarga ahli sukan. Bermula sebagai acara tempatan dan masyarakat, ia telah berkembang dari segi saiz dan taraf dan sepanjang beberapa tahun menarik perhatian dan pengiktirafan antarabangsa.

Ragbi

IJM terus mengekalkan penglibatannya dalam ragbi yang dimulakan pada tahun 90-an dan dikendalikan dengan kerjasama kelab ragbi tempatan, kesatuan ragbi dan jabatan pendidikan negeri.

IJM mempunyai perkongsian yang telah lama terjalin dengan Persatuan Ragbi Gabungan Bekas-bekas Pelajar ("COBRA"), salah satu daripada kelab ragbi paling berjaya di Malaysia. Sementara itu, Bahagian Perladangan telah bekerjasama rapat dengan Kelab Ragbi Sandakan.

Perkongsian ini telah menghasilkan program-program bersepadu jangka panjang yang diperkenalkan dan dilaksanakan di peringkat kebangsaan dan negeri untuk mengangkat taraf ragbi di sekolah-sekolah. Hasilnya boleh dilihat dalam dua bidang, iaitu kegiatan pembangunan dan perlawanan antarabangsa.

Di Semenanjung Malaysia, IJM telah menjadi penaja bersama Program Pembangunan Ragbi Sekolah COBRA-CIMB sejak tahun 2005. Program yang kini dalam fasa keduanya, mencatat kejayaan besar dalam fasa pertama yang menyaksikan penghasilan jurulatih ragbi berkelayakan; mempromosi ragbi di sekolah-sekolah; mendedahkan pelajar-pelajar kepada tahap pertandingan yang lebih tinggi; meningkatkan kemahiran teknikal dalam ragbi dan juga mempertingkatkan kemahiran organisasi ragbi di kalangan guru-guru. Dua kegiatan utama yang menonjol adalah pertandingan bagi sekolah-sekolah di pelbagai peringkat yang telah berakhir dengan Perlawanan



Klinik Kejurulatihan Ragbi



IJM sentiasa menaja Ragbi 10s COBRA untuk menggalakkan sukan ragbi di Malaysia

Sekolah-sekolah Jemputan yang melibatkan sekolah asing dan pembangunan pasukan junior.

Fasa 2 program ini menyaksikan kesinambungan kegiatan yang diperkenalkan dalam Fasa 1 dengan teras baru telah disuntik ke dalam program tersebut. Ini termasuk menggalakkan kemampuan diri di kalangan guru-guru untuk melatih dan mengendalikan perlawanan; mendapatkan akreditasi Lembaga Ragbi Antarabangsa (IRB) bagi program tersebut serta bagi guru-guru berkelayakan di bawah program ini, meningkatkan tahap penglibatan Kementerian Pendidikan, Malaysia; menggunakan guru-guru berkelayakan tahap 2 sebagai fasilitator bagi kursus Tahap 1 dan mempromosi dan menyokong kegiatan pembangunan di peringkat daerah dan negeri.



IJM menaja pertandingan gimnastik berirama antara kelab antarabangsa dwitahunan



Penerima Biasiswa IJM 2009

Tahun 2009 menyaksikan buat pertama kalinya pasukan junior didaftarkan dalam Liga Ragbi Selangor. Ini telah diperkuuhkan lagi dengan kemunculan satu lagi pasukan junior untuk memanfaatkan negeri. Di Sabah, Bahagian Perladangan mempunyai program-program yang serupa yang dilaksanakan melalui Akademi Kecemerlangan Ragbi. Ia juga telah menjadikan pembangunan dan galakan ragbi satu agenda peringkat kebangsaan dalam usaha CRnya.

Ragbi 10s COBRA adalah salah satu daripada perlawan ragbi tertua Malaysia yang diiktiraf bagi menarik beberapa pasukan kelab terbaik daripada negara yang bermain sukan ragbi. IJM telah menjadi penaja jangka panjang perlawan tersebut sebagai langkah strategik untuk menyokong pembangunan ragbi di sekolah-sekolah dengan

mempamerkan ragbi bertaraf dunia, semangat kesukuan dan kerja berpasukan kepada pelajar. Dengan melakukan ini, IJM berharap dapat menyegarkan semula sukan ragbi di Malaysia.

Bahagian Perladangan adalah pengajur bersama dan penaja utama Kelab Jemputan 7s Borneo, yang kini dalam tahun kesembilannya. Pada tahun 2009, ia juga telah diberi penghormatan untuk menghoskan Asian Sevens Series peringkat Malaysia, satu acara yang disokong oleh Kesatuan Ragbi Malaysia, Kesatuan Ragbi Sabah dan lebih penting, Lembaga Ragbi Antarabangsa.

Gimnastik

Meneruskan usaha-usahanya dalam membangunkan sukan di peringkat akar umbi, IJM meneruskan sokongannya kepada Kelab Serdang Rhythmic Angels. Ditubuhkan pada tahun 1998, kelab gimnastik yang diuruskan oleh sukarelawan telah memenangi anugerah sulung "Kelab Gimnastik Berirama Prestasi Terbaik" daripada Persatuan Gimnastik Amatur Selangor pada tahun 2007. Daripada bilangan awal seramai 12 ahli gimnastik pada permulaannya, pengambilan telah meningkat dua kali ganda terdiri daripada peringkat-peringkat pembangunan dan kumpulan usia yang berlainan.

Pertandingan gimnastik berirama antara kelab antarabangsa dwitahunan dijadual akan diadakan pada Ogos 2010. Pertandingan tersebut menyediakan tapak bagi ahli gimnastik muda untuk bersaing di peringkat antarabangsa serta menyediakan pelantar bagi jurulatih dan pengadil Malaysia untuk mengasah kemahiran mereka, selain meletakkan Malaysia di peta dunia sebagai destinasi sukan antarabangsa.

Pendidikan

Biasiswa IJM

Sejak tahun 1994, IJM telah memberikan biasiswa pendidikan kepada pelajar-pelajar yang berhak untuk membantu membangunkan dan memupuk bakat-bakat muda Malaysia yang cerah untuk menjadi pemimpin berkebolehan pada masa depan. Biasiswa ini meliputi bidang-bidang pengajian seperti Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Mekanikal & Elektrik, Kejuruteraan Kimia dan Industri; Perakaunan; Ukur Bahan; Sains Gunaan; Ekonomi; Pentadbiran Perniagaan; Sains Pertanian/ Perniagaan Pertanian; dan Sains Bahan/Geologi.

Sehingga kini, sejumlah 144 pelajar telah mendapat manfaat daripada program tersebut, kebanyakannya daripada mereka telah kembali untuk bekerja dengan Kumpulan. Pada Ogos 2009, biasiswa tersebut telah diberikan kepada 20 penerima. Penerima biasiswa yang berjaya bukan sahaja menerima RM10,000 setahun, tetapi juga kelebihan tambahan dengan mempunyai seorang mentor IJM untuk membimbing dan menasihati mereka sepanjang pengajian mereka dan apabila mereka menyertai Kumpulan. Selain daripada itu, IJM juga mempunyai program latihan amali berterusan yang memberikan pemegang biasiswa IJM peluang untuk menjalani latihan perindustrian dengan Kumpulan sebagai sebahagian daripada keperluan kursus mereka.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

(samb.)

Ceramah Kerjaya

Biasanya, Kumpulan responsif kepada permintaan daripada kolej-kolej dan universiti-universiti bagi lawatan tapak, jemputan ke ceramah-ceramah kerjaya atau teknikal, penglibatan dalam kajian atau tinjauan yang dijalankan oleh pelajar dan penajaan acara-acara yang menawarkan pendedahan dan sokongan mereka dalam pembangunan intelektual dan antara perorangan. Pada April 2009, IJM telah diwakili oleh En. Eric Ho, Pengurus Projek yang membuat pembentangan dalam ceramah kerjaya mengenai 'Kejuruteraan Awam' yang dikelolakan oleh Persatuan Pembangunan Penyelidikan dan Kejuruteraan Awam EXCO Universiti Teknologi Malaysia.

Program Pendidikan dalam Perladangan

Bahagian Perladangan telah menujuhkan program yang menyediakan pendidikan asas bagi kanak-kanak para pekerja dan komuniti sekeliling. Terdapat tujuh tadika yang menempatkan kanak-kanak berusia antara lima dan sepuluh tahun. Bahagian ini telah maju selangkah lagi dengan menujuhkan sebuah sekolah di Ladang Selatan Desa Talisai dengan kerjasama daripada Humana Child Aid Society Sabah. Maklumat lanjut mengenai program ini boleh ditemui di (<http://www.borneochildaids.org/>).

Kebajikan Sosial

"Membuat perubahan kepada kehidupan orang yang kami bantu" masih kekal menjadi usaha utama Kebajikan Sosial IJM. Manakala usaha-usaha tersebut masih berorientasi pada Bahagian, langkah-langkah biasa dapat dilihat dalam bentuk kegiatan yang dilaksanakan. Di peringkat ibu pejabat, IJM meneruskan sokongannya dalam acara-acara amal tahunan seperti Kuala Lumpur Rat Race 2009, acara pengutipan dana Persatuan Strok Kebangsaan Malaysia ("NASAM") dan kempen derma darah bagi Pusat Perubatan Universiti Malaya, manakala pada masa sama memperluaskan skopnya untuk menangani isu-isu semasa dan menyahut cabaran-cabaran baru selaras dengan Rangka Kerja CRnya.

Selaras dengan Hari Diabetes Sedunia pada November 2009, IJM bekerjasama dengan pertubuhan tidak mementingkan keuntungan, iaitu Pusat Penjagaan Diabetes Sau Seng Lam ("SSL") di Puchong, Selangor sebagai Penaja Emas dan penganjur bersama bagi acara jalan kaki suka ria sejauh 5km untuk mewujudkan kesedaran mengenai diabetes dan menggalakkan pencegahan awal. Lebih kurang 1,500 warga Malaysia yang prihatin terlibat dalam acara ini.

Dalam tahun tersebut, IJM telah menyokong dua acara mengutip dana untuk NASAM. Pada Ogos 2009, IJM bagi pelaksanaan tahun keduanya, telah membuka gerai ais-kacang dan BBQ dan pada November 2009, IJM/KSIIJM telah menyertai syarikat-syarikat dan kedai-kedai lain dalam penganjuran acara Sarapan Pagi Terbesar Malaysia dengan menjual sandwic dan nasi lemak untuk mengumpulkan dana dalam usaha menyokong NASAM dan pesakit stroknya yang terselamat.



Pendidikan asas disediakan bagi anak-anak pekerja ladang



Sokongan padu daripada peserta-peserta acara Berjalan Kaki SSL

Sewaktu IJM menyambut perayaan seperti Aidilfitri, Tahun Baru Cina dan Deepavali, golongan yang kurang bernasib baik juga tidak dilupakan. Setiap tahun, IJM mengundang rumah anak-anak yatim seperti San Pedro Orphanage, Rumah Nur Hikmah dan Rumah Charis, untuk menyertai warga IJM dalam sambutan perayaan.

Pada tahun lepas, warga IJM telah menunjukkan rasa simpati mereka dan telah menderma dengan murah hati bagi mengumpulkan dana sebanyak RM187,283 untuk anak perempuan rakan sekerja mereka, Chew Cai Ying yang berusia sembilan tahun yang telah didiagnosis dengan Fanconi Anaemia, penyakit darah yang memerlukan Pemindahan Sel Stem Haematopoietik yang menelan kos lebih kurang RM160,000. Sehingga kini, beliau masih belum lagi menjalani pemindahan tersebut dan ayah beliau, Chew Koon Chuan telah sentiasa memberikan perkembangan terkini kepada Kumpulan tentang kemajuan kesihatan anak beliau.

Sambil menumpukan komitmen untuk mewujudkan persekitaran yang menggalakkan pertumbuhan menyeluruh masyarakat tempatan kami, Kumpulan juga mencurahkan bakti kepada inisiatif dermawan globalnya. Meneruskan usaha-usaha CR Kumpulan, Bahagian Perladangan telah



Anak-anak Rumah Charis menyertai sambutan Tahun Baru Cina kami

menyumbangkan RM50,000 kepada Tabung Bantuan Padang CIMB-The Star untuk membeli bekalan kecemasan serta-merta dan juga untuk membantu kerja-kerja pembinaan semula bagi mangsa gempa bumi Padang di Indonesia manakala Bahagian Hartanah telah mendermakan selimut dalam usaha menyokong kempen BAKTI (persatuan isteri-isteri Menteri Malaysia) untuk membantu Pelarian Palestin di Sempadan Syria.

Bahagian Industri komited untuk memastikan agar infrastruktur asas dalam kawasan-kawasan ia beroperasi diselenggara untuk manfaat dan keselamatan penduduk tempatan. Pada Disember 2009, Bahagian telah menaik taraf jalan raya awam di hadapan kilangnya, Jalan Kg. Tok Muda di Kapar, Selangor. Pada Mac 2010, kuarinya di Ulu Choh telah menyumbang lebih kurang 200 tan penghancur yang beroperasi kepada SRJK(C) Woon Hwa di Bandar Baru Kangkar, Pulai, Johor bagi pembinaan dewan sekolah.

Bahagian Tol termasuk lebuh raya NPE, Besraya dan LEKAS, terus memainkan peranan penting dalam mewujudkan kesedaran keselamatan jalan raya terutamanya semasa musim perayaan dengan bekerja rapat dengan Polis Diraja Malaysia, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Lembaga Lebuhraya Malaysia dan pihak media. Selain daripada itu, terdapat agenda berterusan untuk menyokong penguatkuasaan Kerajaan bagi inisiatif peringkat kebangsaan seperti kempen Beli Barang Malaysia pada Jun 2009 dan kempen C.A.R.E. (Bersopan, Peramah, Rasional, Berbudi Bahasa) yang menggalakkan etika pemanduan yang baik dan selamat pada November 2009.

Bahagian Pelabuhan telah membuat sumbangan kepada beberapa pertubuhan amal dan sekolah dengan hasrat untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik dan pelajar yang memerlukan. Pada Disember 2009, Pelabuhan Kuantan telah menyumbang bahan makanan melalui UMNO-Indera Mahkota Kuantan untuk membantu mangsa banjir di Pahang.



Sumbangan selimut bagi kempen BAKTI untuk membantu pelarian Palestin di Sempadan Syria



Kempen C.A.R.E. (Bersopan, Peramah, Rasional, Berbudi Bahasa) yang menggalakkan etika pemanduan yang baik dan selamat

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

(samb.)

TEMPAT KERJA

Kumpulan percaya bahawa kakitangan adalah sumber pentingnya yang memacu kejayaan organisasi jangka panjang. Oleh yang demikian, kesejahteraan kakitangannya adalah penting kepada Kumpulan dan ini ditangani melalui inisiatif Tempat Kerja Kumpulan untuk memastikan persekitaran kerja yang sihat dan selamat bagi warganya, pelaburan berterusan dalam program-program latihan dan pembangunan untuk mewujudkan peluang bagi pertumbuhan profesional, ganjaran yang saksama dan manfaat kakitangan untuk meningkatkan prestasi kakitangan dan menanam kesetiaan dan akhir sekali, untuk mencapai keseimbangan kerja-kehidupan.

Kesihatan & Keselamatan

Kumpulan menitikberatkan kesihatan dan keselamatan kakitangannya dan orang awam. Pelbagai program latihan dan kesedaran telah diadakan untuk menggalakkan tanggungjawab kolektif di kalangan kakitangan bagi mencegah kecederaan dan bahaya kesihatan pekerjaan.

Untuk mencapai objektif kesihatan dan keselamatan, Kumpulan telah menyediakan rangka kerja Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar ("HSE") dan sistem pengurusan yang komprehensif untuk memastikan:

- semua perundangan, garis panduan dan syarat-syarat lain HSE yang terpakai dipatuhi;
- semua kakitangan dan pemegang pelbagai kepentingan mendapat latihan, maklumat dan kemudahan yang tersedia untuk mereka;
- usaha-usaha menyeluruh telah dibuat untuk meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab di semua peringkat;
- penilaian prestasi terhadap objektif peningkatan keselamatan dilaksanakan atas dasar tetap;
- objektif-objektif kesihatan dan keselamatan sentiasa dipantau, dikaji dan dipertingkatkan; dan
- audit HSE dan pemeriksaan mengejut dijalankan.

Maklumat lanjut mengenai amalan, dasar-dasar dan prosedur-prosedur kesihatan dan keselamatan Kumpulan boleh didapatkan dalam *Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar*.

Kepelbagaiannya Tempat Kerja

Dibimbing oleh penyata polisinya, "Kami berusaha untuk menghormati pelbagai budaya, jantina, agama, hak asasi dan maruah pemegang-pemegang pelbagai kepentingan kami", Kumpulan memahami bahawa budaya positif dan hormat-menghormati merentasi organisasi adalah penting bagi kemapanan perniagaan keseluruhan.

Kumpulan komited untuk menyediakan persekitaran di mana semua kakitangan, tanpa mengira usia, jantina, bangsa, agama, kewarganegaraan dan pendidikan, mendapat peluang yang sama untuk berkembang maju. Campuran sihat ini menggalakkan kakitangan untuk berusaha mencapai potensi penuh mereka semasa bekerja bersama-sama secara harmoni untuk mencapai matlamat organisasi dan pertumbuhan mapan.



Pemeriksaan kesihatan dan keselamatan biasa di kilang-kilang kami



Warga IJM daripada segenap lapisan kehidupan telah meluangkan masa di Parti Kakitangan



Pelbagai program latihan telah dianjurkan bagi pembangunan kakitangan



Sesi Toastmaster IJM sedang dilaksanakan



Penerima-penerima Anugerah Lama Berkhidmat 2009

Laporan Kakitangan & Produktiviti menggambarkan selanjutnya pecahan kakitangan mengikut klasifikasi, komposisi etnik dan produktiviti.

Pembangunan Modal Insan

Kumpulan memberikan penekanan ke atas pembangunan modal insan dan menyediakan peluang-peluang yang cukup banyak bagi kakitangan untuk mengambil bahagian secara aktif dalam latihan yang sesuai dengan peranan dan tanggungjawab mereka. Pelbagai latihan telah diadakan sepanjang tahun untuk meningkatkan prestasi kerja kakitangan dan untuk mewujudkan peluang bagi kedua-dua kemajuan peribadi dan pekerjaan.

Latihan dalaman dan luaran ini berkisar daripada kursus-kursus berkaitan teknikal dan pengurusan kemahiran hingga ke kemahiran mudah dan pembelajaran sepanjang hayat. Antara latihan-latihan yang disediakan kepada kakitangan adalah:

- i) Program Penyelia Bangunan - satu program yang dikendalikan oleh pakar-pakar dari Holmesglen Institute of TAFE, Australia untuk melengkapkan penyelia projek dengan kemahiran dan pengetahuan berkaitan dengan industri pembinaan. Kakitangan dianugerahkan Sijil IV dalam Bangunan dan Pembinaan selepas berjaya menamatkan latihan.
- ii) Cabaran Latihan Kecemerlangan Jualan - untuk menyediakan pasukan jualan dengan kualiti, amalan dan sikap pencapai jualan terunggul.
- iii) Bina Semangat bagi Meningkatkan Prestasi - untuk menggalakkan sokongan bersama dan penglibatan di kalangan ahli pasukan untuk mencapai matlamat bersama.

Selain latihan di atas, IJM Toastmasters Club juga bertindak sebagai pelantar untuk mengasah kemahiran komunikasi berkesan kakitangan-kakitangannya. Ia menyediakan sokongan secara bersama dan persekitaran pembelajaran positif dalam mana setiap ahli mempunyai peluang untuk membangunkan kemahiran berpidato dan kepimpinan, yang sebaliknya memupuk keyakinan diri dan pertumbuhan peribadi.

Graduan jurutera yang baru menamatkan pengajian yang menyertai Kumpulan didedahkan kepada pelbagai aspek urusan pembinaan untuk mendapatkan pengetahuan mendalam tentang industri ini melalui Program Latihan Jurutera untuk mempersiapkan mereka bagi menggalas peranan Pengurus Projek pada masa hadapan.

Selain daripada itu, Kumpulan telah membangunkan pangkalan data Analisis Keperluan Latihan ("TNA"), yang bertujuan untuk mengumpul semak dan mengenal pasti jurang antara pengetahuan atau kemahiran semasa kakitangan dengan pengetahuan atau kemahiran yang diperlukan oleh tugas. Ini membantu Jabatan Latihan untuk merancang program latihan tahunan manakala pada masa yang sama memudahkan Kumpulan menjalak keupayaan serta keperluan latihan bagi kakitangannya.

Dalam usaha-usaha berterusannya untuk membangunkan modal insan berpotensi, Kumpulan telah memberi kakitangan subsidi pendidikan dan cuti pengajian dan peperiksaan bagi program-program lulusan Sarjana, Ijazah, atau Kelayakan Profesional.

Anugerah Kakitangan

Penghargaan Kesetiaan

Anugerah Lama Berkhidmat diberikan kepada kakitangan-kakitangan yang telah berkhidmat dengan Syarikat selama 20 tahun dan hadiah diberikan sebagai penghargaan atas kesetiaan, kerja kuat dan dedikasi mereka kepada Kumpulan. Pada tahun 2009, sejumlah 21 kakitangan telah diberi anugerah lama berkhidmat dalam Parti Kakitangan Syarikat.

Anugerah Persaraan

Sebagai tanda penghargaan, Anugerah Persaraan diberi kepada kakitangan yang telah mencapai usia persaraan 55 tahun dan yang telah berkhidmat bagi tempoh lebih daripada 15 tahun dalam Kumpulan. Kakitangan ini telah diberi hadiah kenang-kenangan dalam majlis pengiktirafan perkhidmatan bersama pengurusan kanan. Sejumlah 9 kakitangan telah dianugerahkan pusingan ini.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

(samb.)

Anugerah Prestasi

Untuk menggalakkan amalan terbaik dalam HSE dan meningkatkan prestasi dalam Sistem Pengurusan HSE, Anugerah HSE telah diberi setiap tahun kepada projek-projek/tapak-tapak dan kilang-kilang, yang menunjukkan prestasi baik di kalangan pesaingnya. Anugerah ini juga bertindak untuk menggalakkan persaingan sihat dan sentiasa meningkatkan standard operasi kami.

Selain daripada itu, Anugerah Prestasi Kakitangan diberi kepada kaitangan yang menunjukkan prestasi terbaik dan berdedikasi dalam Bahagian Tol sebagai satu bentuk motivasi peribadi dan untuk menunjukkan contoh positif kepada kakitangan lain. LEKAS dan NPE memberikan Anugerah Kakitangan dan Jurutol Terbaik kepada kakitangannya setiap tiga bulan dan setiap tahun.

Imbuhan Saksama

Kumpulan berusaha untuk menyediakan kakitangan persekitaran kerja yang menarik dengan prospek yang baik bagi kemajuan dan ganjaran yang saksama. Untuk mengekalkan pakej ganjaran yang berdaya saing bagi kakitangannya, Kumpulan secara berterusan menilai dan menanda aras struktur pampasannya terhadap standard industri serta tempat pasaran. Kumpulan tidak berhasrat untuk menjadi peneraju pasaran bagi gaji pokok tetapi akan memberikan pewajaran yang lebih tinggi ke atas bonus berkaitan prestasi untuk menarik dan mengekalkan kakitangan berkualiti. Kakitangan diberi ganjaran dengan sewajarnya berdasarkan skop/keperluan kerja, kelayakan, pengalaman, keupayaan dan prestasi beliau.

Insentif/bonus prestasi direka untuk memberi ganjaran kepada kakitangan atas prestasi baik yang dicapai oleh Kumpulan melalui penglibatan dan usaha-usaha mereka. Selain daripada itu, Kumpulan juga memberikan Skim Opsyen Saham Kakitangan dan memperuntukkan waran kepada kakitangan yang layak untuk menggalakkan prestasi kerja yang lebih baik dan menyemai kesetiaan.

Kebajikan Kakitangan

Manfaat-manfaat berikut tersedia untuk kakitangan IJM:


Perlindungan Kakitangan

Kumpulan sentiasa memberi tumpuan pada kesejahteraan kakitangannya dan telah melaksanakan pelbagai skim perlindungan kakitangan seperti Skim Manfaat Insurans Berbilang Kumpulan ("GMIBS") meliputi jangka hayat dan kehilangan upaya kekal menyeluruh, penyakit kritis dan juga penyediaan pulangan pelaburan. Ia menawarkan kakitangan perlindungan komprehensif sehingga usia 70 tahun dan boleh dilanjutkan untuk melindungi pasangan pada kadar yang mampu dimiliki.

Kakitangan juga dilindungi oleh Polisi Insurans Kemalangan Peribadi Kumpulan bagi kehilangan upaya kekal menyeluruh dan/atau kematian akibat kemalangan yang timbul semasa bekerja. Selain daripada itu, Kumpulan menawarkan rawatan perubatan pesakit luar dan pergiliran, rawatan hospital dan manfaat pembedahan dan pemeriksaan fizikal tahunan bagi semua kakitangan.



Bekas Pengurus Besar Kanan & Pengarah Eksekutif, En. Soo Heng Chin menyampaikan ucap selamat tinggal, bersara selepas 31 tahun bersama IJM



Penerima Anugerah Kecemerlangan Akademik bersama bapa beliau



Pertandingan Boling KSIJM

Meneruskan usahanya, Kumpulan juga membuat caruman yang lebih tinggi daripada kadar berkanun bagi bahagian caruman Majikan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, sebagai sebahagian daripada usahanya untuk menjaga keperluan kakitangannya selepas persaraan.

Bantuan untuk Membeli Harta Kediaman

Bahagian Hartanah Kumpulan membangunkan pelbagai jenis harta tanah kediaman, berkisar daripada apartmen asas hingga ke kondominium mewah, rumah teres mampu milik hingga ke rumah berkembar dua dan banglo di perbandaran utama di seluruh negara. Kakitangan menikmati diskaun 5% bagi pembelian harta tanah kediaman yang dibangunkan oleh IJM Land.



Kempen Derma Darah di kilang Durabon



Penduduk dan kakitangan IJM Land menyertai Parti Jalanan di S2 Heights, Negeri Sembilan

Anugerah Kecemerlangan Akademik bagi Anak-anak Kakitangan

Sejajar dengan usaha Kementerian Pendidikan dalam menggalakkan ibu bapa untuk memainkan peranan lebih penting dalam pendidikan anak-anak mereka, Kumpulan telah memberikan hadiah kepada anak-anak kakitangan yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam peperiksaan SPM, STPM dan A-Level. Pada tahun 2009, sejumlah 41 orang anak-anak telah diberi Anugerah Kecemerlangan Akademik dan hadiah wang tunai sebagai galakan kepada kanak-kanak untuk cemerlang dalam pengajian mereka, selain meningkatkan kesedaran tentang keperluan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka.

Keseimbangan Kerja-Hidup

Untuk mencapai keseimbangan yang betul antara kehidupan profesional dan peribadi, Kumpulan telah menganjurkan beberapa acara sukan dan sukaneka sepanjang tahun.

Kehidupan Yang Sihat

Kumpulan menguruskan Kompleks Sukan IJM-COBRA yang menempatkan banyak kegiatan sukan tertutup dan terbuka. Kakitangan telah digalakkan untuk mengambil bahagian dalam pelbagai kejohanan dan permainan seperti boling, futsal dan sukan mini yang termasuk karom, ping pong dan dart, untuk menggalakkan semangat hidup sihat dan memperatkan hubungan. Semua kakitangan telah menunjukkan keakraban dan semangat kesukunan yang baik dalam acara tersebut.

Satu siri ceramah kesihatan dan penyaringan telah dianjurkan untuk kakitangan dalam tahun tersebut bagi mewujudkan kesedaran mengenai penyakit dan pelbagai langkah pencegahan. Kempen-kempen derma darah kerap diadakan dan telah menarik penyertaan dan sokongan ramai daripada warga IJM.

Kumpulan memahami kepentingan kesihatan dan perlindungan kewangan untuk mencapai gaya hidup yang sihat. Justeru itu, beberapa ceramah mengenai pengurusan kewangan peribadi dan kepentingan menulis wasiat telah dianjurkan untuk mendidik kakitangan.

Acara Sosial

Kumpulan sentiasa memastikan agar usaha menjadi sebahagian daripada keluarga IJM diberi penekanan. Banyak acara sosial telah diadakan sepanjang tahun untuk memupuk perhubungan lebih rapat di kalangan kakitangan IJM daripada pelbagai bahagian, jabatan dan cawangan. Antara acara-acara yang diadakan dalam tahun tersebut adalah Parti Makan Malam Kakitangan, Majlis Berbuka Puasa, Hari Raya & Deepavali, Krismas dan sambutan Tahun Baru Cina.

Bahagian Hartanah juga menjalankan pelbagai acara di perbandaran hartaanah mereka di mana ahli keluarga kakitangan juga mengambil bahagian. Semasa pelancaran rumah contoh Seremban 2 IJM Land pada Jun 2009, lebih kurang 500 orang telah menghadiri acara yang dipenuhi dengan aktiviti permainan Kiddie-Lympic dan sesi 'Makan Cendol'.

Menyedari kepentingan kakitangannya ke arah kejayaan organisasi, Kumpulan berusaha untuk mengelakkan nilai dan amalan terbaik di tempat kerja. Kumpulan kekal memberi tumpuan pada apa yang ia telah lakukan dan akan berusaha untuk meningkatkan lagi inisiatif semasanya.

0%
QXRIN



Penyata Kewangan & Lain-Lain

- 132 Penyata Kewangan
- 264 Senarai 10 Harta Teratas
- 266 Bayaran Dividen Elektronik
- 267 Notis Mesyuarat Agung Tahunan
- 269 Borang Proksi
- 271 Informasi Korporat

LAPORAN DAN PENYATA PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan mereka yang kedua puluh enam bersama dengan penyata kewangan teraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010.

KEGIATAN UTAMA

Syarikat pada dasarnya terlibat dalam kegiatan pembinaan dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan adalah dalam pembinaan, pembangunan harta tanah, pengilangan dan pengkuarian, operasi hotel, operasi pelabuhan, operasi lebuhraya bertol, perladangan dan pemegangan pelaburan.

Tidak ada perubahan ketara dalam kegiatan utama ini dalam tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	423,164	82,043
Boleh dikaitkan kepada:		
Pemegang-pemegang ekuiti Syarikat	332,580	82,043
Kepentingan minoriti	90,584	-
	423,164	82,043

DIVIDEN

Dividen dibayar sejak akhir tahun kewangan yang lepas adalah seperti berikut:

	RM'000
Berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009:	
Dividen interim kedua sebanyak 5 sen setiap saham tolak cukai pendapatan pada 25%, dibayar pada 21 Ogos 2009	35,199

Pada 26 Mei 2010, para Pengarah telah mengisyiharkan dividen interim berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010 sebanyak 11% tolak cukai pada 25% yang akan dibayar pada 24 Ogos 2010 kepada setiap ahli yang adalah berhak untuk menerima dividen setakat jam 5:00 petang pada 30 Julai 2010.

Para Pengarah tidak mengesyorkan bayaran sebarang dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pemindahan material kepada atau daripada rizab atau peruntukan dalam tahun kewangan dinyatakan dalam penyata kewangan.

MODAL SAHAM

Dalam tahun kewangan, modal saham biasa Syarikat yang diterbitkan dan berbayar telah ditambah daripada RM941,951,233 kepada RM1,327,215,357 melalui:

- Terbitan 377,420,983 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham pada 1 Oktober 2009 timbul daripada terbitan bonus berasaskan 2 saham bonus bagi setiap 5 saham sedia ada dipegang (Terbitan Bonus 2:5');
- Terbitan 1,601,600 dan 5,517,480 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham timbul daripada pelaksanaan Waran 2005/2010 masing-masing pada harga pelaksanaan RM4.77 dan RM3.41 setiap saham selaras dengan Surat Ikatan Pol bertarikh 22 Jun 2005; dan
 - Penambahbaikan kepada FRS 120 "Perakaunan bagi Geran Kerajaan" menjelaskan bahawa manfaat pinjaman kerajaan di bawah kadar diakaunkan selaras dengan FRS 120.
 - Penambahbaikan kepada FRS 127 "Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan" menjelaskan bahawa di mana pelaburan dalam anak syarikat yang diakaunkan di bawah FRS 139 dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan di bawah FRS 5, FRS 139 akan terus digunakan.
 - Penambahbaikan kepada FRS 128 "Pelaburan dalam Syarikat-syarikat Bersekutu" menjelaskan bahawa pelaburan dalam syarikat bersekutu dianggap sebagai aset tunggal untuk tujuan pengujian kerosotan. Keterbalikan direkodkan sebagai pelarasan kepada jumlah dibawa pelaburan sehingga tahap bahawa jumlah boleh diperolehi semula syarikat bersekutu meningkat.
 - Penambahbaikan kepada FRS 128 "Pelaburan dalam Syarikat-syarikat Bersekutu" dan FRS 131 "Kepentingan dalam Usaha Sama" (pindaan berbangkit kepada FRS 132 "Instrumen Kewangan: Pembentangan" dan FRS 7 "Instrumen Kewangan: Pendedahan) menjelaskan bahawa di mana pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama diakaunkan selaras dengan FRS 139, hanya pendedahan tertentu, selain daripada semua keperluan pendedahan dalam FRS 128 atau FRS 131 perlu dibuat selain daripada tambahan yang diperlukan oleh FRS 132 dan FRS 7.
 - Penambahbaikan kepada FRS 134 "Laporan Kewangan Interim" menjelaskan bahawa perolehan asas dan dicairkan setiap saham ("EPS") hendaklah dibentangkan dalam laporan interim hanya dalam kes apabila entiti diperlukan untuk mendedahkan EPS dalam laporan tahunannya.
 - Penambahbaikan kepada FRS 136 "Kerosotan Aset" menjelaskan bahawa unit penghasilan tunai terbesar (atau kumpulan unit) kepada mana muhibah sepatutnya diperuntukkan untuk tujuan pengujian kerosotan adalah segmen kendalian sebelum kumpulan segmen dengan ciri-ciri ekonomi serupa. Penambahbaikan juga menjelaskan bahawa di mana nilai saksama tolak kos untuk menjual dikira atas dasar aliran tunai didiskaunkan, pendedahan bersamaan dengan nilai saksama dalam penggunaan tersebut sepatutnya dibuat.
 - Penambahbaikan kepada FRS 138 "Aset Tidak Ketara" menjelaskan bahawa prabayaran hanya boleh diiktiraf jika sekiranya bayaran telah dibuat terlebih dahulu dalam mendapatkan hak akses kepada barang atau penerimaan perkhidmatan. Ia mengesahkan bahawa kaedah unit pengeluaran pelunasan dibenarkan.
 - Penambahbaikan kepada FRS 140 "Hartanah Pelaburan" memerlukan aset sedang dalam pembinaan atau pembangunan bagi kegunaan masa hadapan sebagai harta tanah pelaburan untuk diakaunkan sebagai harta tanah pelaburan dan bukannya harta tanah, loji dan peralatan. Di mana model nilai saksama diukur pada nilai saksama. Walau bagaimanapun, di mana nilai saksama diguna, harta tanah sedemikian tidak boleh diukur dengan betul, harta tanah diukur pada kos sehingga tarikh pembinaan disiapkan dan nilai saksama menjadi boleh diukur dengan betul yang mana lebih awal. Ia juga menjelaskan bahawa sekiranya penilaian diperolehi bagi harta tanah pelaburan dipegang di bawah pajakan adalah selepas ditolak semua bayaran dijangka, sebarang liabiliti pajakan diiktiraf ditambah balik untuk menentukan jumlah dibawa harta tanah pelaburan di bawah model nilai saksama.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2010

1 ASAS PENYEDIAAN (samb.)

- (b) Piawaian, pindaan kepada piawaian diumumkan dan tafsiran kepada piawaian-piawaian sedia ada yang terpakai kepada Kumpulan, tetapi masih belum berkuat kuasa dan tidak diterima pakai sebelum ini (samb.)

Piawaian baru, pindaan kepada piawaian diumumkan dan tafsiran yang adalah mandatori bagi tahun kewangan Kumpulan bermula pada atau selepas 1 April 2010 atau tempoh-tempoh terkemudian, dan Kumpulan tidak menerima pakai secara awal, adalah seperti berikut: (samb.)

Terpakai bagi tahun kewangan Kumpulan bermula pada atau selepas 1 April 2011:

- FRS 3 (disemak) "Kombinasi Perniagaan" (berkuat kuasa secara prospektif bagi tempoh-tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2010) terus menggunakan kaedah pengambilalihan kepada kombinasi perniagaan, dengan beberapa perubahan ketara. Sebagai contoh, semua bayaran kepada pembelian perniagaan akan direkodkan pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, dengan bayaran kontigen dikelaskan sebagai hutang yang kemudiannya diukur semula melalui penyata pendapatan. Terdapat pilihan mengenai asas pengambilalihan-demi-pengambilalihan untuk mengukur kepentingan bukan mengawal dalam syarikat diambil alih sama ada pada nilai saksama atau pada bahagian peratusan kepentingan bukan mengawal aset bersih syarikat diambil alih. Semua kos berkaitan pengambilalihan hendaklah dijadikan perbelanjaan.
- FRS 127 (disemak) "Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan" (berkuat kuasa secara prospektif bagi tempoh-tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2010) memerlukan kesan semua urus niaga dengan kepentingan bukan mengawal untuk direkodkan dalam ekuiti sekiranya tidak ada perubahan dalam kawalan dan urus niaga ini tidak lagi mengakibatkan muhibah atau keuntungan dan kerugian. Piawaian disemak juga menyatakan perakaunan apabila kawalan hilang. Sebarang kepentingan selebihnya dalam entiti diukur semula kepada nilai saksama, dan keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.
- Pindaan kepada FRS 7 "Penampaikan Pendedahan mengenai Instrumen Kewangan" (berkuat kuasa bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas Januari 2011) memerlukan pendedahan dipertingkatkan mengenai pengukuran nilai saksama dan risiko mudah tunai. Khususnya, pindaan memerlukan pendedahan pengukuran nilai saksama mengikut tahap hierarki pengukuran nilai saksama.
- Tafsiran IC 12 "Perjanjian Konsesi Perkhidmatan" (berkuat kuasa bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010) terpakai kepada pengaturan kontraktual di mana pengendali sektor persendirian mengambil bahagian dalam pembangunan, pembiayaan, operasi dan penyelenggaraan infrastruktur bagi perkhidmatan sektor awam. Bergantung pada terma-terma kontrak, tafsiran ini memerlukan pengendali untuk mengiktiraf aset kewangan sekiranya ia mempunyai hak kontrak tidak bersyarat untuk menerima tunai atau aset tidak ketara sekiranya ia menerima hak (lesen) untuk mengenakan caj kepada pengguna perkhidmatan awam. Beberapa terma kontrak membawa kepada kedua-dua aset kewangan dan aset tidak ketara.
- Tafsiran IC 15 "Perjanjian bagi Pembinaan Harta Tanah" (berkuat kuasa bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2010) menjelaskan sama ada FRS 118 "Hasil" atau FRS 111 "Kontrak pembinaan" harus digunakan kepada urus niaga tertentu. Ia berkemungkinan untuk mengakibatkan dalam FRS 118 telah digunakan kepada rangkaian urus niaga yang lebih meluas. Kumpulan masih dalam proses untuk menyatakan kuantiti kesan kewangan Tafsiran IC 15 ke atas penyata kewangan Kumpulan dalam tahun permulaan penggunaan.
- Tafsiran IC 16 "Lindungan Nilai Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing" (berkuat kuasa bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2010) menjelaskan amalan perakaunan berhubung dengan lindungan nilai pelaburan bersih. Ini termasuklah fakta bahawa lindungan nilai pelaburan bersih berkait dengan perbezaan dalam mata wang kefungsian dan bukan mata wang pembentangan, dan instrumen melindung nilai boleh dipegang oleh mana-mana entiti dalam kumpulan. Keperluan FRS 121 "Kesan-kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing" terpakai kepada perkara lindung nilai.
- Tafsiran IC 17 "Pengagihan Aset bukan Tunai kepada Pemilik" (berkuat kuasa bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2010) memperuntukkan panduan ke atas perakaunan bagi pengaturan di mana entiti mengagihkan aset-aset tunai kepada pemegang-pemegang saham sama ada sebagai pengagihan rizab atau sebagai dividen. FRS 5 juga telah dipinda untuk memerlukan aset dikelaskan sebagai pengagihan hanya apabila ia tersedia untuk pengagihan dalam keadaan semasa dan pengagihan amat berkemungkinan.

1 ASAS PENYEDIAAN (samb.)

- (b) Piawaian, pindaan kepada piawaian diumumkan dan tafsiran kepada piawaian-piawaian sedia ada yang terpakai kepada Kumpulan, tetapi masih belum berkuat kuasa dan tidak diterima pakai sebelum ini (samb.)

Piawaian baru, pindaan kepada piawaian diumumkan dan tafsiran yang adalah mandatori bagi tahun kewangan Kumpulan bermula pada atau selepas 1 April 2010 atau tempoh-tempoh terkemudian, dan Kumpulan tidak menerima pakai secara awal, adalah seperti berikut: (samb.)

Terpakai bagi tahun kewangan Kumpulan bermula pada atau selepas 1 April 2011: (samb.)

- Pindaan-pindaan berikut adalah sebahagian daripada projek penambahbaikan MASB yang berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh perakaunan pada atau selepas 1 Julai 2010:
 - Penambahbaikan kepada FRS 5 "Aset Bukan Semas Dipegang untuk Jualan dan Operasi Tidak Diteruskan" menjelaskan bahawa semua aset dan liabiliti anak syarikat dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan sekiranya pelupusan sebahagian rancangan jualan mengakibatkan kehilangan kawalan. Pendedahan berkenaan hendaklah dibuat bagi anak syarikat ini sekiranya definisi operasi tidak diteruskan dipenuhi.
 - Penambahbaikan kepada FRS 138 "Aset Tidak Ketara" menjelaskan bahawa kumpulan aset tidak ketara pelengkap diperolehi dalam kombinasi perniagaan diiktiraf sebagai aset tunggal sekiranya aset individu mempunyai hayat berguna yang serupa.
 - Penambahbaikan kepada Tafsiran IC 9 "Penilaian Semula Derivatif Terbenam" menjelaskan bahawa tafsiran ini tidak terpakai kepada derivatif terbenam dalam kontrak diperlukan dalam kombinasi perniagaan, perniagaan di bawah kawalan bersama atau pembentukan usaha sama.

Piawaian, pindaan di atas kepada piawaian dan tafsiran dikeluarkan tidak dijangkakan mempunyai sebarang kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dalam tahun permulaan penggunaan, melainkan dinyatakan sebaliknya di atas.

Kumpulan telah menggunakan peruntukan peralihan dalam piawaian, pindaan masingmasing tersebut kepada piawaian dan tafsiran diumumkan yang mengecualikan entiti daripada mendedahkan kesan yang mungkin timbul daripada permulaan penggunaan piawaian, pindaan berikut kepada piawaian dan tafsiran diumumkan mengenai penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

- FRS 139, Pindaan kepada FRS 139, Tafsiran IC 9, Peningkatan kepada FRS 139 dan Peningkatan kepada Tafsiran IC 9
- FRS 7 dan Peningkatan kepada FRS 7
- Tafsiran IC 12

2 ENTITI EKONOMI DALAM KUMPULAN

(a) Anak-anak syarikat

Anak syarikat adalah syarikat, perkongsian atau lain-lain entiti (termasuk entiti tujuan khas) di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas polisipolisi kewangan dan kendalian untuk mendapatkan faedah daripada kegiatannya, pada kebiasaannya mengiringi pemegangan saham lebih daripada separuh hak mengundi.

Kewujudan dan kesan potensi hak mengundi yang pada masa ini boleh dilaksanakan atau boleh ditukar dipertimbangkan apabila menilai sama ada Kumpulan mengawal entiti yang lain. Dalam menilai sama ada hak-hak mengundi menyumbang kepada kawalan, Kumpulan meneliti semua fakta dan keadaan (termasuk terma-terma pelaksanaan potensi hak mengundi dan mana-mana pengaturan kontrak yang lain sama ada dipertimbangkan secara individu atau dalam kombinasi) yang melibatkan potensi hak mengundi.

Anak-anak syarikat disatukan dengan menggunakan kaedah pembelian perakaunan, kecuali bagi kombinasi perniagaan melibatkan entiti atau perniagaan di bawah kawalan bersama dengan tarikh perjanjian pada atau selepas 1 Januari 2006 dan diakaunkan dengan menggunakan kaedah penggabungan perakaunan.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2010

2 ENTITI EKONOMI DALAM KUMPULAN (samb.)

(a) Anak-anak syarikat (samb.)

Di bawah kaedah pembelian perakaunan, anak-anak syarikat disatukan sepenuhnya dari tarikh bila mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan tidak lagi disatukan dari tarikh kawalan tersebut berhenti. Kos pengambilalihan diukur sebagai nilai saksama aset set diberikan, instrumen-instrumen ekuiti diterbitkan dan liabiliti yang ditanggung atau diambil alih pada tarikh pertukaran, campur kos secara langsung boleh dikaitkan kepada pengambilalihan. Aset-aset dikenal pasti diambil alih dan liabiliti dan liabiliti kontingen yang diambil alih dalam kombinasi perniagaan diukur pada awalnya pada nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira tahap mana-mana kepentingan minoriti. Lebihan daripada kos pengambilalihan ke atas nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset bersih boleh dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan ditunjukkan sebagai muhibah – Lihat polisi perakaunan 3 mengenai muhibah. Sekiranya kos pengambilalihan kurang daripada nilai saksama aset bersih anak syarikat diambil alih, perbezaan diiktiraf secara langsung dalam penyata pendapatan.

Di mana lebih daripada satu urus niaga pertukaran terlibat, sebarang pelarasan kepada nilai saksama aset, liabiliti dan liabiliti kontingen anak syarikat yang dikenal pasti berkaitan dengan kepentingan Kumpulan dipegang sebelum ini diakaunkan sebagai penilaian semula.

Kepentingan minoriti mewakili bahagian keuntungan atau kerugian dan aset bersih anak syarikat boleh dikaitkan kepada kepentingan ekuiti yang tidak dimiliki, secara langsung atau tidak langsung melalui anak-anak syarikat, oleh Syarikat. Ia diukur pada bahagian minoriti daripada nilai saksama aset dan liabiliti boleh dikenal pasti anak-anak syarikat pada tarikh pengambilalihan dan bahagian minoriti dalam ekuiti anak-anak syarikat sejak tarikh tersebut.

Di bawah kaedah penggabungan perakaunan, keputusan anak-anak syarikat dibentangkan seolah-olah penggabungan telah berkuat kuasa di sepanjang tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya. Aset dan liabiliti digabungkan diakaunkan berdasarkan jumlah dibawa daripada perspektif pemegang saham kawalan bersama pada tarikh pemindahan. Atas penyataan, kos penggabungan dibatalkan dengan nilai sahamsaham diterima. Sebarang perbezaan kredit terhasil dikelaskan sebagai ekuiti dan dianggap sebagai rizab. Sebarang perbezaan debit terhasil diselaraskan terhadap rizab. Sebarang premium saham, rizab penebusan modal dan sebarang rizab lain yang boleh dikaitkan kepada modal saham syarikat-syarikat digabung, sehingga tahap yang ia tidak dipermodalkan melalui perbezaan debit, dikelaskan semula dan dikemukakan sebagai pergerakan dalam lain-lain rizab.

Semua urus niaga, baki antara syarikat dan keuntungan tidak direalis atas urus niaga antara syarikat-syarikat kumpulan dihapus kira kecuali bagi barang siap yang dikontrakkan yang dinyatakan pada nilai boleh direalis bersih. Kerugian tidak direalis juga dihapus kira tetapi dianggap sebagai petunjuk kerosotan aset dipindahkan. Di mana perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan anak-anak syarikat untuk memastikan keseimbangan polisi-polisi perakaunan dengan polisi-polisi Kumpulan.

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan anak syarikat, yang adalah perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan bahagian Kumpulan daripada aset-aset bersihnya pada tarikh pelupusan, termasuk jumlah terkumpul mana-mana perbezaan pertukaran yang berkait dengan anak syarikat, diiktiraf dalam penyata pendapatan disatukan.

(b) Urus niaga dengan kepentingan minoriti

Kumpulan menggunakan polisi menganggap urus niaga dengan kepentingan minoriti sebagai urus niaga dengan pemilik-pemilik ekuiti Kumpulan. Bagi pembelian daripada kepentingan minoriti, perbezaan antara sebarang balasan dibayar dan bahagian berkenaan daripada nilai dibawa aset bersih anak syarikat diambil alih ditolak daripada ekuiti. Keuntungan atau kerugian atas pelupusan kepada kepentingan minoriti juga direkodkan dalam ekuiti. Bagi pelupusan kepada kepentingan minoriti, perbezaan antara sebarang perolehan diterima dan bahagian berkenaan daripada kepentingan minoriti juga direkodkan dalam ekuiti.

(c) Syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah syarikat, perkongsian atau lain-lain entiti dalam mana Kumpulan melaksanakan pengaruh penting, tetapi ia tidak mengawal, pada kebiasaannya mengiringi pemegangan saham antara 20% dan 50% daripada hak mengundi. Pengaruh penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan polisi kewangan dan kendalian syarikat-syarikat bersekutu tetapi bukan kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas polisi-polisi tersebut.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diakaunkan dengan menggunakan kaedah ekuiti perakaunan dan pada mulanya diiktiraf pada kos. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu termasuk muhibah dikenal pasti atas pengambilalihan, tolak sebarang kerugian kerosotan terkumpul.

2 ENTITI EKONOMI DALAM KUMPULAN (samb.)

(c) Syarikat-syarikat bersekutu (samb.)

Bahagian Kumpulan daripada keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan syarikat-syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata pendapatan, dan bahagian daripada pergerakan selepas pengambilalihannya dalam rizab diiktiraf dalam rizab. Pergerakan selepas pengambilalihan terkumpul diselaraskan terhadap jumlah dibawa pelaburan. Di mana bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu menyamai atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu, termasuk mana-mana penghutang tidak bercagar yang lain, kepentingan Kumpulan dikurangkan kepada sifar dan pengiktirafan kerugian selanjutnya tidak diteruskan kecuali sehingga tahap yang Kumpulan telah menanggung obligasi undang-undang atau konstruktif atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Keuntungan tidak direalis atas urus niaga antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutunya dihapus kira sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Kerugian tidak direalis juga dihapus kira melainkan urus niaga memberi bukti kerosotan aset dipindahkan. Di mana perlu, dalam menggunakan kaedah ekuiti, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu untuk memastikan keseimbangan polisi-polisi perakaunan dengan polisi-polisi perakaunan Kumpulan. Keuntungan dan kerugian kecairan dalam syarikat-syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Bagi kepentingan bertambah dalam syarikat bersekutu, tarikh pengambilalihan adalah tarikh pembelian pada setiap peringkat dan muhibah dikira pada setiap tarikh pembelian berdasarkan nilai saksama aset dan liabiliti dikenal pasti. Tidak ada "peningkatan kepada nilai saksama ("step up to fair value") aset bersih kepentingan yang diambil alih sebelum ini dan bahagian keuntungan dan pergerakan ekuiti bagi kepentingan diambil alih sebelum ini direkodkan secara langsung melalui ekuiti.

(d) Entiti kawalan bersama

Entiti kawalan bersama adalah syarikat, perkongsian, atau lain-lain entiti ke atas mana terdapat perkongsian kawalan yang dipersetujui secara kontrak oleh Kumpulan dengan satu atau lebih pihak di mana keputusan kewangan dan kendalian strategik berkaitan dengan entiti memerlukan kebenaran serentak pihak-pihak yang berkongsi kawalan.

Kepentingan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama diakaunkan dalam penyata kewangan disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan bahagian Kumpulan daripada keputusan selepas pengambilalihan entiti kawalan bersama dalam penyata pendapatan dan bahagian daripada pergerakan rizab selepas pengambilalihan entiti kawalan bersama dalam penyata pendapatan dan bahagian pergerakan rizab selepas pengambilalihannya dalam rizab. Pergerakan selepas pengambilalihan terkumpul diselaraskan terhadap kos pelaburan dan termasuk muhibah atas pengambilalihan (tolak kerosotan terkumpul).

Keuntungan tidak direalis atas urus niaga antara Kumpulan dan entiti kawalan bersamanya dihapus kira sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama; kerugian tidak direalis juga dihapus kira melainkan urus niaga menunjukkan bukti kerosotan aset dipindahkan.

Kumpulan mengiktiraf bahagian keuntungan atau kerugian atas jualan aset oleh Kumpulan kepada usaha niaga yang boleh dikaitkan kepada lain-lain usaha niaga. Kumpulan tidak mengiktiraf bahagian keuntungan atau kerugiannya daripada usaha niaga yang berpuncu daripada pembelian aset oleh Kumpulan daripada usaha niaga sehingga ia menjual semula asetnya kepada pihak bebas. Walau bagaimanapun, kerugian atas urus niaga diiktiraf dengan serta-merta sekiranya kerugian menunjukkan bukti mengenai pengurangan dalam nilai boleh direalis bersih aset semasa atau kerugian kerosotan.

Di mana perlu, pelarasan telah dibuat kepada penyata kewangan entiti kawalan bersama untuk memastikan keseimbangan polisi-polisi perakaunan dengan polisi-polisi perakaunan Kumpulan.

3 MUHIBAH

Muhibah mewakili lebihan daripada kos pengambilalihan anak-anak syarikat, entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu ke atas nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset bersih boleh dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan.

Muhibah atas pengambilalihan anak-anak syarikat dimasukkan dalam kunci kira-kira sebagai aset tidak ketara. Muhibah diuji setiap tahun bagi kerosotan dan dinyatakan pada kos tolak kerugian kerosotan terkumpul. Kerugian kerosotan atas muhibah tidak diterbalikkan. Keuntungan dan kerugian atas pelupusan entiti termasuk amaun dibawa muhibah berkaitan dengan entiti terjual.

Muhibah diperuntukkan kepada unit penghasilan tunai bagi tujuan pengujian kerosotan. Peruntukan dibuat kepada unit penghasilan tunai tersebut atau kumpulan unit penghasilan tunai yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi kombinasi perniagaan dalam mana muhibah timbul. Kumpulan memperuntukkan muhibah kepada setiap segmen perniagaan dalam setiap negara dalam mana ia beroperasi. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan aset.

Muhibah atas pengambilalihan entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu dimasukkan masing-masing dalam pelaburan dalam entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu. Muhibah sedemikian diuji bagi kerosotan sebagai sebahagian daripada baki keseluruhan.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2010

4 PELABURAN

Pelaburan dalam anak-anak syarikat, entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu ditunjukkan pada kos. Di mana petunjuk kerosotan wujud, jumlah dibawa pelaburan dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehi semulanya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan aset.

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos dan peruntukan bagi pengurangan dalam nilai dibuat di mana, pada pendapat para Pengarah, terdapat pengurangan selain daripada yang bersifat sementara dalam nilai pelaburan sedemikian. Di mana terdapat pengurangan selain daripada yang bersifat sementara dalam nilai pelaburan, pengurangan sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana pengurangan dikenal pasti.

Pelaburan jangka pendek dalam sekuriti boleh pasar dinyatakan pada kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah, ditentukan atas dasar portfolio agregat. Kos diperolehi atas dasar purata wajaran. Nilai pasaran dikira dengan merujuk kepada harga jualan disebut harga pada bursa saham pada penutupan perniagaan pada tarikh kunci kira-kira. Peningkatan/pengurangan dalam nilai dibawa sekuriti boleh pasar dikreditkan/dicaj kepada penyata pendapatan. Atas pelupusan pelaburan, perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan nilai dibawanya dicaj atau dikreditkan kepada penyata pendapatan.

5 MATA WANG ASING

(a) Mata wang kefungsian dan pembentangan

Perkara termasuk dalam penyata kewangan setiap entiti Kumpulan dikira dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi primer dalam mana entiti beroperasi ("mata wang kefungsian"). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang adalah mata wang kefungsian dan pembentangan Syarikat.

(b) Urus niaga dan baki

Urus niaga mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang kefungsian dengan menggunakan kadar pertukaran sedia ada pada tarikh urus niaga. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing berpunca daripada penyelesaian urus niaga sedemikian dan daripada terjemahan pada kadar pertukaran akhir tahun aset dan liabiliti monetari didenominasikan dalam mata wang asing diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(c) Syarikat-syarikat Kumpulan

Keputusan dan kedudukan kewangan semua entiti kumpulan (tidak ada satu pun yang mempunyai mata wang mengikut ekonomi hiperinflasinal) yang mempunyai mata wang kefungsian berbeza daripada mata wang pembentangan diterjemahkan kepada mata wang pembentangan seperti berikut:

- Aset dan liabiliti bagi setiap kunci kira-kira dibentangkan diterjemahkan pada kadar penutupan pada tarikh kunci kira-kira;
- Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata pendapatan diterjemahkan pada purata kadar pertukaran (melainkan purata ini bukan merupakan anggaran munasabah kesan terkumpul ke atas kadar sedia ada pada tarikh urus niaga, dalam hal mana pendapatan dan perbelanjaan diterjemahkan pada kadar pada tarikh urus niaga); dan
- Semua perbezaan pertukaran terhasil diiktiraf sebagai komponen ekuiti berasingan.

Atas penyatuhan, perbezaan pertukaran timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam operasi asing dimasukkan ke ekuiti pemegang-pemegang saham. Apabila operasi asing dilupuskan atau dijual sebahagiannya, perbezaan pertukaran yang telah direkodkan dalam ekuiti diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai sebahagian daripada keuntungan atau kerugian atas pelupusan.

Pelarasan muhibah dan nilai saksama timbul atas pengambilalihan entiti asing dianggap sebagai aset dan liabiliti entiti asing diterjemahkan pada kadar penutup pada tarikh kunci kira-kira.

6 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN DAN SUSUT NILAI

Semua harta tanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau pada penilaian tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan terkumpul kecuali bagi tanah pegangan kekal dan modal kerja dalam pelaksanaan yang tidak disusutnilaikan. Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan memandangkan ia mempunyai hayat yang tidak terbatas. Susut nilai ke atas modal kerja dalam pelaksanaan bermula apabila aset sedia bagi kegunaannya yang dihasratkan.

Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung boleh dikaitkan kepada pembelian aset. Kos berikutnya dimasukkan dalam amaun dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, sebagaimana sesuai, hanya apabila ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan dengan perkara akan mengalir kepada Kumpulan dan kos perkara boleh dikira dengan agak tepat. Amaun dibawa bahagian diganti tidak lagi diiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan yang lain dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh kewangan dalam mana ia ditanggung.

Peralatan kendalian hotel mewakili barang kaca, barang perak dan barang tembikar yang dipermodalkan pada tahap keperluan minimum bagi operasi biasa dan tidak disusutnilaikan. Kos penggantian berikutnya dihapus kira kepada penyata pendapatan dalam tahun kewangan dalam mana ia dibeli. Pada pendapat para Pengarah, perbezaan antara kos penggantian dicaj kepada penyata pendapatan dan susut nilai sekiranya peralatan kendalian hotel telah dipermodalkan dan disusutnilaikan sepanjang anggaran hayat bergunanya adalah tidak material kepada penyata kewangan.

Perbelanjaan penyelenggaraan pengorekan, terdiri daripada kos ditanggung untuk menyelenggara kedalaman lembangan, dipermodalkan dan dilunaskan atas dasar garisan lurus sepanjang anggaran hayat berguna selama lima tahun.

Lain-lain harta tanah, loji dan peralatan disusutnilaikan atas dasar garisan lurus untuk menghapus kira kos aset, atau jumlah dinilai semulanya, kepada nilai bakinya sepanjang anggaran hayat bergunanya. Kadar tahunan susut nilai adalah:

Bangunan, termasuk bangunan hotel	2 hingga 33.3%
Loji, mesin, peralatan dan kenderaan	4 hingga 33.3%
Peralatan, perabot dan pepasangan dan ubahsuai pejabat	5 hingga 33.3%
Himpitan kapal kimia cecair	3.3%
Basin pelabuhan dalam basin	2%

Para Pengarah telah menggunakan peruntukan peralihan Piawaian Perakaunan Antarabangsa ("IAS") 16 "Harta tanah, Loji dan Peralatan", yang telah diterima pakai oleh MASB, yang membolehkan aset untuk dinyatakan pada jumlah dinilai semulanya yang terakhir tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan terkumpul. Selaras dengan itu, penilaian ini tidak dikemaskinikan.

Lebihan timbul atas penilaian semula dikreditkan kepada rizab penilaian semula. Sebarang defisit timbul daripada penilaian semula dicaj terhadap rizab penilaian semula sehingga tahap lebihan sebelum ini dipegang dalam rizab penilaian semula bagi aset yang sama. Dalam semua hal lain, pengurangan dalam nilai dibawa dicaj kepada penyata pendapatan.

Nilai baki dan hayat berguna harta tanah, loji dan peralatan disemak semula, dan diselaraskan sebagaimana sesuai, pada setiap tarikh kunci kira-kira. Kesan-kesan ke atas mana-mana semakan daripada nilai baki dan hayat berguna dimasukkan dalam penyata pendapatan bagi tahun kewangan dalam mana perubahan timbul.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk kerosotan. Di mana petunjuk kerosotan wujud, nilai dibawa aset dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehi semulanya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan aset.

Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan amaun dibawa dan dimasukkan dalam penyata pendapatan. Atas pelupusan aset-aset dinilai semula, jumlah dalam rizab penilaian semula berkaitan dengan aset-aset tersebut dipindahkan kepada perolehan tertahan.

Di mana berkenaan, nilai saksama harta tanah, loji dan peralatan pada tarikh pengambilalihan anakanak syarikat dihantar ke hadapan sebagai mengantikan kos.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2010

7 HARTANAH PELABURAN

Hartanah pelaburan terdiri terutamanya daripada tanah dan bangunan yang dipegang untuk kadar hasil sewa jangka panjang atau peningkatan modal atau kedua-duanya, dan tidak didiami oleh Kumpulan. Hartanah pelaburan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan terkumpul.

Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan memandangkan ia mempunyai hayat yang tidak terbatas.

Susut nilai ke atas bangunan dikira untuk menghapus kira kos aset atas dasar garisan lurus sepanjang anggaran hayat bergunanya. Kadar susut nilai tahunan bagi Bangunan adalah 2%.

Atas pelupusan hartanah pelaburan, atau apabila ia secara kekal tidak digunakan lagi dan tidak ada manfaat ekonomi dijangka daripada pelupusannya, ia tidak akan lagi diiktiraf. Perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan amaun dibawa diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh persaraan atau pelupusan.

8 ASET KONSESI

Perkara dikelaskan sebagai aset konsesi terdiri daripada Perbelanjaan Pembangunan Lebuhraya Ekspres dan pemberian berat.

(a) Perbelanjaan Pembangunan Lebuhraya Ekspres

Perbelanjaan Pembangunan Lebuhraya ("EDE") terdiri daripada kos pembinaan (termasuk kos pembinaan semula, peluasan dan pemulihan) aset konsesi. EDE diukur pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian kerosotan terkumpul.

Di mana Kumpulan menyediakan perkhidmatan pembinaan sebagai pertukaran bagi aset konsesi, hasil dan keuntungan berkaitan dengan perkhidmatan pembinaan diiktiraf selaras dengan polisi perakaunan 9(a) mengenai pengiktirafan hasil dan keuntungan bagi kontrak pembinaan.

Selepas selesai kerja-kerja pembinaan dan permulaan operasi tol jalan raya, EDE dilunaskan sepanjang tempoh konsesi berdasarkan formula yang berikut:

$$\frac{\text{Volum trafik terkumpul sehingga kini}}{\text{Jumlah volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi}} \times \text{EDE}$$

Volum trafik keseluruhan yang diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi ditentukan melalui tinjauan trafik yang dijalankan pada setiap tahun oleh firma perunding trafik bebas dan penilaian semula para Pengarah ke atas jumlah volum trafik yang diunjurkan.

Semua faedah dan yuran ditanggung dalam tempoh pembinaan dipermodalkan dalam EDE yang kemudiannya dilunaskan kepada penyata pendapatan selaras dengan formula di atas. Faedah dan yuran ditanggung selepas penyiapan kerja pembinaan dicaj kepada penyata pendapatan.

Pampasan diterima berkaitan dengan perubahan dalam terma-terma perjanjian konsesi diiktiraf sebagai pendapatan tertunda dan dikreditkan kepada penyata pendapatan sepanjang hayat dijangka aset-aset berkaitan, atas dasar konsisten dengan pelunasan aset-aset berkaitan.

(b) Pemberian berat

Pemberian berat terdiri daripada perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pemberian berat mengikut struktur dan pemulihan tambak, cerun dan laluan jalan kaki di sepanjang lebuhraya. Kos pemberian berat dilunaskan atas dasar garisan lurus sepanjang hayat ekonomi dijangka ke atas kerja-kerja sedemikian selama tujuh tahun, bermula dari tarikh perbelanjaan ditanggung.

Di mana berkenaan, nilai saksama aset konsesi pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan sebagai ganti kos.

9 PENGIKTIRAFAN HASIL DAN KEUNTUNGAN

Hasil terdiri daripada nilai saksama balasan diterima atau boleh diterima bagi jualan barang dan perkhidmatan dalam perjalanan biasa kegiatan Kumpulan. Hasil ditunjukkan selepas ditolak cukai dan diskaun jualan dan selepas menghapus kira jualan dalam Kumpulan.

Kumpulan mengiktiraf hasil apabila jumlah hasil boleh dikira dengan agak tepat, ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan akan mengalir kepada entiti dan kriteria khusus telah dipenuhi bagi setiap kegiatan Kumpulan sebagaimana dinyatakan di bawah. Jumlah hasil tidak dianggap sebagai boleh dikira dengan agak tepat sehingga semua kontigensi berkaitan dengan jualan telah diselesaikan. Kumpulan membuat anggaran-anggarannya berdasarkan sejarah keputusan, mengambil kira jenis pelanggan, jenis urus niaga dan perkara-perkara khusus bagi setiap pengaturan.

9 PENGIKTIRAFAN HASIL DAN KEUNTUNGAN (samb.)

(a) Kontrak pembinaan

Kontrak pembinaan adalah kontrak yang secara khususnya dirundingkan bagi pembinaan aset atau kombinasi aset yang saling berkait rapat atau saling bergantung dari segi reka bentuk, teknologi dan fungsinya atau tujuan atau kegunaan utamanya.

Apabila keputusan kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan agak tepat, hasil kontrak dan kos kontrak masing-masing diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan dengan merujuk kepada peringkat siap kegiatan kontrak pada tarikh kunci kira-kira. Peringkat siap kontrak pembinaan ditentukan berdasarkan perkadaran yang kos kontrak ditanggung bagi kerja yang dilaksanakan sehingga kini tanggung berbanding anggaran jumlah kos bagi kontrak. Kos ditanggung dalam tahun kewangan berhubung dengan kegiatan masa hadapan ke atas kontrak dikenakan daripada kos ditanggung sehingga kini apabila menentukan peringkat siap kontrak. Kos sedemikian ditunjukkan sebagai jumlah terhutang daripada/(kepada) pelanggan ke atas kontrak pembinaan dalam penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang pada kunci kira-kira melainkan ia tidak berkemungkinan bahawa kos kontrak sedemikian boleh diperolehi semula daripada pelanggan-pelanggannya, dalam hal mana kos sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Apabila keputusan kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan agak tepat, hasil kontrak diiktiraf hanya sehingga tahap kos kontrak ditanggung yang berkemungkinan dapat diperolehi semula.

Di mana ianya berkemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi hasil kontrak, kerugian dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dengan serta-merta.

Hasil kontrak terdiri daripada jumlah awal hasil yang dipersetujui dalam kontrak dan variasi dalam kerja kontrak dan tuntutan yang boleh dikira dengan agak tepat. Variasi atau tuntutan hanya termasuk dalam hasil kontrak apabila ia berkemungkinan bahawa pelanggan akan meluluskan variasi atau perundingan telah mencapai peringkat lanjut hinggakan ia berkemungkinan bahawa pelanggan akan menerima tuntutan.

(b) Kegiatan pembangunan hartanah

Di mana keputusan kegiatan pembangunan boleh dianggar dengan agak tepat dan jualan unit harta tanah pembangunan dilaksanakan, hasil dan kos pembangunan harta tanah masing-masing diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan melalui rujukan kepada peringkat siap kegiatan pembangunan pada tarikh kunci kira-kira. Peringkat siap ditentukan berdasarkan perkadaran yang kos pembangunan harta tanah tanggung sehingga kini berbanding dengan anggaran jumlah kos bagi pembangunan harta tanah.

Apabila keputusan kegiatan pembangunan tidak boleh dianggarkan dengan agak tepat, hasil pembangunan harta tanah diiktiraf hanya sehingga tahap kos pembangunan harta tanah ditanggung yang berkemungkinan boleh diperolehi dan kos pembangunan harta tanah ke atas unit-unit pembangunan dijual diiktiraf apabila ditanggung.

Di mana ianya berkemungkinan bahawa jumlah kos pembangunan harta tanah akan melebihi jumlah hasil pembangunan harta tanah, kerugian dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana kerugian dikenal pasti.

(c) Jualan barang

Jualan diiktiraf semasa penghantaran produk dan penerimaan pelanggan, dan pelaksanaan perkhidmatan selepas jualan, sekiranya ada, tolak cukai dan diskaun jualan dan selepas menghapus kira jualan dalam Kumpulan.

(d) Hasil konsesi tol

Hasil konsesi tol daripada operasi jalan bertol diiktiraf bila dan apabila perkhidmatan dilaksanakan.

(e) Hasil pelabuhan

Hasil daripada operasi pelabuhan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan kepada pelanggan.

(f) Hasil operasi hotel dan kelab

Hasil hotel mewakili pendapatan diperolehi daripada sewa bilik dan jualan makanan dan minuman. Pendapatan sewa bilik diakru atas dasar harian bagi bilik yang dihuni oleh pelanggan. Jualan makanan dan minuman diiktiraf atas penghantaran kepada pelanggan. Hasil hotel diiktiraf tolak cukai dan diskaun jualan.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2010

9 PENGIKTIRAFAN HASIL DAN KEUNTUNGAN (samb.)

(g) Lain-lain hasil

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran dibuktikan.

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar perkadarannya masa, dengan mengambil kira jumlah pokok belum dijelas dan kadar berkesan sepanjang tempoh sehingga matang, melainkan kebolehan dikutip adalah meragukan, dalam hal mana ia diiktiraf atas dasar penerimaan tunai.

Pendapatan sewa diiktiraf atas dasar akruan melainkan kebolehan dikutip adalah meragukan, dalam hal mana pengiktirafan pendapatan tersebut adalah digantung.

10 PERMODALAN KOS KEWANGAN

Kos pinjaman ditanggung ke atas pinjaman yang dikaitkan secara langsung dengan kegiatan pembangunan harta tanah dan kontrak pembinaan sehingga siap dipermodalkan dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos pembangunan harta tanah dan kos kontrak pembangunan.

Kos pinjaman untuk membiayai pembangunan perbandaran bermula apabila kegiatan yang perlu untuk menyediakan tanah pembangunan bagi kegunaannya yang dihasilkan bermula dan termasuk kegiatan yang berkaitan dengan mendapatkan kelulusan sebelum permulaan pembangunan fizikal. Permodalan kos pinjaman berkaitan dengan setiap fasa pembangunan individu akan berhenti selepas selesainya fasa pembangunan masing-masing.

Kos pinjaman ditanggung ke atas pinjaman untuk membiayai pembinaan aset konsesi dan harta tanah, loji dan peralatan konsesi dalam tempoh yang diperlukan untuk disiapkan dan menyediakan aset untuk kegunaan dihasilkannya dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset.

Semua kos pinjaman lain dicaj kepada penyata pendapatan.

11 TANAH DİPEGANG BAGI PEMBANGUNAN HARTANAH DAN KOS PEMBANGUNAN HARTANAH

Tanah dipegang untuk pembangunan harta tanah terdiri daripada tanah yang dipegang bagi pembangunan masa hadapan di mana tidak ada pembangunan penting telah dilaksanakan atau di mana kegiatan pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran kendalian biasa. Tanah sedemikian dikelaskan sebagai aset bukan semasa dan dinyatakan pada kos atau pada penilaian tolak kerugian kerosotan terkumpul. Tanah dipegang bagi pembangunan harta tanah dipindahkan kepada kos pembangunan harta tanah (di bawah aset semasa) apabila kegiatan pembangunan telah bermula dan pembangunan dijangka akan disiapkan dalam kitaran kendalian biasa.

Kos dikaitkan dengan pembelian tanah termasuk harga pembelian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan lain-lain cukai berkaitan. Di mana Kumpulan sebelum ini telah merekodkan tanah pada jumlah dinilai semula, ia terus mengelakkan jumlah ini sebagai kos penggantian sebagaimana dibenarkan oleh FRS201₂₀₀₄ ke atas "Kegiatan Pembangunan Hartanah". Di mana petunjuk kerosotan wujud, jumlah dibawa aset dinilai dan dikurang nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehnya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan aset.

Kos pembangunan harta tanah terdiri daripada kos berkaitan dengan pembelian tanah dan semua kos boleh dikaitkan secara langsung kepada kegiatan pembangunan atau yang boleh diperuntukkan atas dasar munasabah kepada kegiatan ini.

Kos pembangunan harta tanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos termasuk kos tanah, semua kos bangunan langsung, dan lain-lain perbelanjaan pembangunan berkaitan, termasuk perbelanjaan faedah ditanggung dalam tempoh pembangunan aktif.

Di mana hasil diiktiraf dalam penyata pendapatan melebihi bil-bil dikeluarkan kepada pembeli/pembeli, baki ditunjukkan sebagai bil terakru di bawah penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang (dalam aset semasa). Di mana bil melebihi hasil diiktiraf dalam penyata pendapatan, baki ditunjukkan sebagai bil progres di bawah pemutang perdagangan dan lain-lain pemutang (dalam liabiliti semasa).

Di mana berkenaan, nilai saksama tanah pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan sebagai menggantikan kos.

12 INVENTORI

(a) Bangunan siap

Unit harta tanah pembangunan yang disiapkan dan dipegang untuk jualan dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos terdiri daripada perkadarhan kos tanah dan perbelanjaan pembangunan dan pembinaan berkaitan.

Di mana berkenaan, nilai saksama bangunan siap pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan sebagai menggantikan kos.

(b) Barang siap, produk kuari, bahan mentah, bahan pembinaan, semaihan pokok sawit simpanan dan alat-alat

Inventori dinilai pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos ditentukan atas dasar purata wajaran. Kos bahan mentah, semaihan pokok sawit simpanan dan alat ganti terdiri daripada kos asal pembelian campur kos membawa masuk inventori ke lokasi semasanya dan bagi barang siap dan produk kuari, ia terdiri daripada bahan-bahan langsung, buruh langsung, caj langsung dan overhead pengeluaran.

Nilai boleh direalis bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, tolak kos penyiapan dan perbelanjaan jualan berubah terpakai.

13 JUMLAH TERHUTANG DARIPADA/(KEPADA) PELANGGAN-PELANGGAN ATAS KONTRAK PEMBINAAN

Di mana jumlah kos kontrak pembinaan ditanggung campur keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf) melebihi bil-bil progres, baki bersih ditunjukkan sebagai jumlah terhutang daripada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang. Di mana bil progres melebihi jumlah kos kontrak pembinaan ditanggung dan keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf), baki bersih ditunjukkan sebagai jumlah terhutang kepada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah pemutang perdagangan dan lain-lain pemutang.

14 PENGHUTANG PERDAGANGAN

Penghutang perdagangan termasuk wang tahanan yang ditahan oleh prinsipal. Hutang lapuk diketahui dihapus kira dan peruntukan dibuat apabila terdapat bukti objektif bahawa Kumpulan tidak akan dapat mengutip semua jumlah yang terhutang mengikut terma-terma asal penghutang.

15 PAJAKAN

(a) Perakaunan sebagai Pemajak

Pajakan kewangan

Pajakan harta tanah, loji dan peralatan di mana Kumpulan mengambil alih sebahagian besar semua faedah dan risiko pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Pajakan kewangan dipermodalkan pada nilai saksama aset dipajak atau anggaran nilai semasa bayaran pajakan mendasari pada tarikh permulaan yang mana lebih rendah. Setiap bayaran pajakan diperuntukkan antara liabiliti dan caj kewangan untuk mencapai kadar seimbang ke atas jumlah pokok pajakan belum dijelas. Obligasi sewa sepadan, selepas ditolak caj kewangan, dimasukkan dalam pinjaman. Elemen faedah caj kewangan dicajkan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang seimbang ke atas baki liabiliti selebihnya bagi setiap tempoh.

Hartanah, loji dan peralatan dibeli di bawah kontrak pajakan kewangan disusutnilaikan ke sepanjang hayat berguna aset. Sekiranya tidak ada kepastian yang munasabah bahawa pemilikan akan dipindahkan kepada Kumpulan, aset disusutnilakan sepanjang tempoh pajakan dan hayat bergunanya yang mana lebih pendek.

Pajakan kendalian

Pajakan aset di mana sebahagian penting daripada risiko dan ganjaran pemilikan dikenakan oleh pemberi pajakan dikelaskan sebagai pajakan kendalian. Pembayaran dibuat di bawah pajakan kendalian dicaj kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2010

15 PAJAKAN (samb.)

(b) Perakaunan sebagai pemberi pajakan

Pajakan kewangan

Pajakan aset di mana pemajak mengambil alih sebahagian besar daripada semua faedah dan risiko pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Apabila aset dipajak di bawah pajakan kewangan, nilai semasa bayaran pajakan diiktiraf sebagai penghutang. Perbezaan antara penghutang kasar dan nilai semasa penghutang diiktiraf sebagai pendapatan pembiayaan tidak terperoleh. Pendapatan pajakan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan menggunakan kaedah pelaburan bersih untuk menunjukkan kadar berkala faedah yang seimbang ke atas baki belum dijelas.

Pajakan kendalian

Aset dipajak di bawah pajakan kendalian dimasukkan dalam harta tanah, loji dan peralatan dalam kira-kira. Ia disusunilakan sepanjang anggaran hayat berguna atas asas dasar yang seimbang dengan harta tanah, loji dan peralatan serupa yang dimiliki. Pendapatan sewa (tolak mana-mana insentif diberikan kepada pemajak) diiktiraf atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajakan.

16 PEMBANGUNAN KUARI

Perbelanjaan ditanggung ke atas pembangunan permukaan kuari dipermodalkan dan dihapus kira berdasarkan volum pengeluaran sebenar ke atas anggaran rizab tersedia daripada permukaan kuari yang dibangunkan.

Di mana petunjuk kerosotan wujud, nilai dibawa ke atas aset dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta merta kepada jumlah boleh diperolehi semulanya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan aset.

17 LESEN

Perbelanjaan ke atas lesen yang diperolehi dipermodalkan pada kos dan dilunaskan dengan menggunakan kaedah garisan lurus sepanjang anggaran hayat bergunanya selama 20 tahun.

18 PINJAMAN

Pinjaman pada mulanya diiktiraf berdasarkan perolehan diterima, selepas ditolak kos urusniaga ditanggung. Dalam tempoh-tempoh berikutnya, pinjaman dinyatakan pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah hasil berkesan; sebarang perbezaan antara perolehan (selepas ditolak kos urusniaga) dan nilai penebusan diiktiraf dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pinjaman.

Pinjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti bagi tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan pada tarikh kunci kira-kira.

Di mana berkenaan, nilai saksama pinjaman pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan sebagai mengantikan kos.

19 CUKAI PENDAPATAN

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan selaras dengan undang-undang cukai setiap bidang kuasa dalam mana Kumpulan beroperasi dan termasuk semua cukai berdasarkan keuntungan boleh dicukai, termasuk cukai penahanan perlu dibayar oleh anak syarikat asing, syarikat bersekutu atau entiti kawalan bersama ke atas pengagihan perolehan tertahan kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya, dengan menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara pada tarikh kunci kira-kira antara asas cukai dan liabiliti dan jumlah dibawanya dalam penyata kewangan. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap mana perbezaan sementara boleh ditolak atau kerugian cukai tidak diguna boleh digunakan.

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan pada masa urusniaga, tidak menjaskannya keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda diiktiraf atas perbezaan sementara timbul atas pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama kecuali di mana pemasaan keterbalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan ia berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan terbalik pada masa hadapan boleh dijangka.

19 CUKAI PENDAPATAN (samb.)

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai kepada tempoh di mana aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh kunci kira-kira.

Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ia timbul daripada urusniaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, dalam hal mana cukai tertunda juga dicaj atau dikreditkan secara langsung kepada ekuiti, atau apabila ia timbul daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan, dalam hal mana cukai tertunda dimasukkan dalam muhibah terhasil.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diseimbangkan apabila syarikat mempunyai hak boleh dikuatkuasakan yang sah untuk diseimbangkan dan berhasrat untuk menyelesaikan atas dasar bersih atau untuk merealis aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

20 MANFAAT KAKITANGAN

(a) Manfaat jangka pendek kakitangan

Kumpulan mengiktiraf liabiliti dan perbelanjaan bagi bonus berdasarkan formula yang mengambil kira keuntungan boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat selepas pelarasan tertentu. Kumpulan mengiktiraf peruntukan di mana terdapat obligasi kontrak atau di mana terdapat amalan yang lepas yang telah membentuk obligasi konstruktif.

Upah, gaji, bonus dan manfaat bukan monetari diakrukan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan.

(b) Manfaat selepas perkhidmatan

Kumpulan mempunyai beberapa skim manfaat selepas perkhidmatan selaras dengan syarat-syarat dan amalan-amalan tempatan dalam negara di mana ia beroperasi. Manfaat ini adalah sama ada pelan caruman dinyatakan atau pelan manfaat dinyatakan.

Pelan caruman dinyatakan adalah pelan penceh yang di bawah mana Kumpulan membayar caruman tetap kepada entiti berasingan (dana) dan tidak akan mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya sekiranya dana tidak mempunyai aset-aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tempoh-tempoh semasa dan terdahulu. Pelan caruman dinyatakan adalah pelan penceh yang mentakrifkan jumlah manfaat penceh yang akan diperuntukkan, pada kebiasaan sebagai fungsi salah satu atau lebih faktor seperti umur, tahun perkhidmatan atau pampasan.

(i) Pelan Caruman Dinyatakan

Caruman Kumpulan kepada pelan caruman dinyatakan dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh kepada mana ia berkait. Sebaik sahaja caruman telah dibuat, Kumpulan tidak mempunyai obligasi bayaran selanjutnya. Caruman prabayar diiktiraf sebagai aset sehingga tahap yang bayaran balik tunai atau pengurangan dalam bayaran masa hadapan tersedia. (Sebagaimana diperlukan oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada skim penceh negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), pelan caruman dinyatakan.

(ii) Skim manfaat dinyatakan tidak dibiayai

Kuantan Port Consortium Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Syarikat yang mengendalikan Skim Manfaat Persaraan dinyatakan tidak dibiayai, bagi kakitangannya selaras dengan peruntukan-peruntukan Perjanjian Kolektif. Manfaat perlu dibayar berdasarkan bilangan tahun perkhidmatan dengan syarikat.

Peruntukan dibuat dalam kunci kira-kira syarikat bagi kos manfaat persaraan di bawah Skim yang ditentukan berdasarkan penilaian aktuari dengan menggunakan kaedah kredit unit diunjurkan. Di bawah kaedah ini, kos menyediakan manfaat persaraan diiktiraf dalam penyata pendapatan atas dasar sistematik untuk mengagihkan kos sepanjang hayat pekerjaan kakitangan dengan syarikat. Obligasi diukur pada nilai semasa daripada anggaran aliran keluar tunai masa hadapan dengan menggunakan hasil pada tarikh kunci kira-kira ke atas sekuriti kerajaan yang mempunyai tarikh matang menyamai dengan terma-terma obligasi syarikat.

Keuntungan dan kerugian aktuari timbul terutamanya daripada perubahan dalam andaian aktuari dan perbezaan antara andaian aktuari yang sebenarnya telah berlaku. Keuntungan dan kerugian dikreditkan atau dicajkan kepada penyata pendapatan sepanjang purata hayat pekerjaan selebihnya kakitangan yang mengambil bahagian dalam pelan.

(c) Pampasan berdasarkan saham

Kumpulan mengendalikan pelan pampasan berdasarkan saham diselesaikan mengikut ekuiti bagi kakitangan, di bawah mana instrumen ekuiti (waran) diberikan kepada kakitangan sebagai balasan bagi perkhidmatan diterima. Nilai saksama perkhidmatan kakitangan diterima sebagai pertukaran bagi pemberian tawaran untuk jualan waran diiktiraf sebagai perbelanjaan. Jumlah keseluruhan yang akan dijadikan perbelanjaan ditentukan dengan merujuk kepada nilai saksama waran diberikan atau dijual tidak termasuk kesan mana-mana syarat perletahakan bukan pasaran.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2010

21 TUNAI DAN SETARA TUNAI

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, deposit dipegang pada panggilan dengan bank, selain daripada pelaburan jangka pendek, berkecairan tinggi dengan kematangan asal tiga bulan atau kurang daripadanya, dan overdraf bank. Overdraf bank dimasukkan dalam pinjaman dalam liabiliti semasa dalam kunci kira-kira.

22 MODAL SAHAM

(i) Klasifikasi

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

(ii) Kos terbitan saham

Kos luaran boleh dikaitkan secara langsung kepada terbitan saham-saham baru ditunjukkan sebagai penolakan daripada akaun premium saham. Dalam hal lain, ia dicaj kepada penyata pendapatan apabila ditanggung.

(iii) Dividen

Dividen ke atas saham-saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti apabila diisyiharkan. Dividen akhir dicadangkan terakru sebagai liabiliti hanya selepas kelulusan oleh pemegang pemegang saham.

(iv) Rizab waran

Perolehan daripada terbitan waran, selepas ditolak kos terbitan, dikreditkan kepada rizab waran yang tidak boleh diagih. Rizab waran dipindahkan kepada akaun premium saham selepas pelaksanaan waran dan rizab waran berhubung dengan waran tidak dilaksanakan pada penamatian tempoh waran akan dipindahkan kepada perolehan tertahan.

(v) Pembelian saham sendiri

Di mana Syarikat membeli modal saham ekuiti Syarikat, balasan dibayar, termasuk sebarang peningkatan kos luar yang boleh dikaitkan secara langsung, tolak cukai, ditolak daripada modal dan rizab boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat sebagai saham-saham perpendaharaan sehingga saham-saham tersebut dibatalkan, diterbitkan semula atau dilupuskan.

Di mana saham-saham sedemikian dijual, perbezaan antara balasan jualan dan jumlah dibawa saham-saham perpendaharaan ditunjukkan sebagai pergerakan dalam ekuiti. Di mana balasan diterima adalah lebih daripada jumlah dibawa, perbezaan kredit timbul dimasukkan kepada akaun premium saham. Di mana balasan diterima adalah kurang daripada jumlah dibawa, perbezaan debit diseimbangkan terhadap rizab.

Di mana saham-saham sedemikian dibatalkan, modal saham yang diterbitkan dikurangkan dengan nilai nominal saham-saham yang dibatalkan. Jumlah melalui mana modal saham Syarikat yang diterbitkan dikurangkan atas pembatalan saham-saham dipindahkan kepada akaun rizab penebusan modal.

23 INSTRUMEN KEWANGAN

(a) Instrumen kewangan diiktiraf pada kunci kira-kira

Kaedah pengiktirafan tertentu diterima pakai bagi instrumen kewangan diiktiraf pada kunci kira-kira dinyatakan dalam penyata polisi individu berkaitan dengan setiap perkara.

(b) Instrumen kewangan tidak diiktiraf pada kunci kira-kira

Kumpulan adalah pihak kepada instrumen kewangan yang terdiri terutamanya daripada kontrak hadapan mata wang asing dan kontrak swap kadar faedah. Instrumen ini tidak diiktiraf dalam penyata kewangan pada permulaan, tetapi dinyatakan dalam nota-nota berkenaan kepada penyata kewangan.

Kontrak hadapan mata wang asing

Kumpulan menandatangani kontrak hadapan mata wang asing untuk melindungi Kumpulan daripada pergerakan dalam kadar pertukaran dengan mewujudkan kadar pada mana aset atau liabiliti mata wang asing akan diselesaikan.

Keuntungan dan kerugian pertukaran ke atas kontrak diiktiraf apabila diselesaikan pada masa yang mana keuntungan dan kerugian dimasukkan dalam pengukuran urus niaga dilindung nilai.

23 INSTRUMEN KEWANGAN (samb.)

(b) Instrumen kewangan tidak diiktiraf pada kunci kira-kira (samb.)

Kontrak swap kadar faedah

Kumpulan menandatangani kontrak swap kadar faedah untuk melindung Kumpulan daripada pergerakan dalam kadar faedah. Sebarang perbezaan untuk dibayar atau diterima atas kontrak swap kadar faedah diiktiraf sebagai komponen daripada pendapatan atau perbelanjaan faedah sepanjang tempoh kontrak. Keuntungan dan kerugian pada penamatkan awal swap kadar faedah atau bayaran balik pinjaman dimasukkan kepada penyata pendapatan.

Kontrak swap peletakan harga CPO

Kumpulan menandatangani kontrak swap peletakan harga CPO untuk melindungi Kumpulan daripada pergerakan dalam harga CPO. Keuntungan atau kerugian ke atas kontrak swap peletakan harga CPO diiktiraf dalam penyata pendapatan berdasarkan purata harga disebut harga oleh Bursa Malaysia Derivative Berhad.

(c) Anggaran Nilai Saksama Untuk Tujuan Pendedahan

Nilai saksama derivatif dan sekuriti yang didagang secara awam adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga pada tarikh kunci kira-kira.

Nilai saksama kontrak pertukaran mata wang asing hadapan ditentukan dengan menggunakan kadar pasaran pertukaran hadapan pada tarikh kunci kira-kira. Nilai saksama kontrak swap kadar faedah dikira pada nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan. Nilai saksama kontrak swap peletakan harga CPO adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga pada tarikh kunci kira-kira.

Dalam menaksir nilai saksama derivatif dan instrumen kewangan tidak didagang, Kumpulan menggunakan pelbagai kaedah dan membuat andaian yang berdasarkan keadaan pasaran yang wujud pada setiap tarikh kunci kira-kira. Harga pasaran disebut harga atau sebut harga peniaga bagi instrumen khusus atau serupa digunakan bagi hutang jangka panjang. Lain-lain teknik dan asas, seperti nilai didiskaunkan aliran tunai masa hadapan dan asas aset bersih mendasari instrumen, digunakan untuk menentukan nilai saksama bagi instrumen kewangan selebihnya. Khususnya, nilai saksama liabiliti kewangan dianggarkan dengan mendiskaunkan aliran tunai kontrak masa hadapan pada kadar faedah pasaran semasa tersedia kepada Kumpulan bagi instrumen kewangan yang serupa.

Nilai dibawa aset kewangan dan liabiliti kewangan dengan kematanan kurang dari satu tahun diandaikan sebagai lebih kurang menyamai nilai saksamanya.

24 GERAN KERAJAAN

Geran daripada kerajaan diiktiraf pada nilai saksamanya di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran akan diterima dan Kumpulan akan mematuhi semua syarat yang ada padanya.

Geran kerajaan berkaitan dengan pembelian aset dimasukkan dalam liabiliti bukan semasa sebagai pendapatan tertunda dan dikreditkan kepada penyata pendapatan sepanjang hayat dijangka aset-aset berkaitan, atas asas-asas yang seimbang dengan susut nilai aset berkaitan.

25 KEROSOTAN ASET

Aset yang mempunyai hayat berguna yang tidak pasti tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun bagi kerosotan. Aset-aset yang tertakluk kepada pelunasan disemak bagi kerosotan apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan-keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin boleh diperolehi semula. Kerugian kerosotan diiktiraf bagi jumlah untuk yang mana nilai dibawa melebihi jumlah boleh diperolehi semulanya. Jumlah boleh diperolehi semula adalah harga jualan bersih aset dan nilai dalam penggunaan yang mana lebih tinggi. Untuk tujuan menilai kerosotan, aset dikumpulkan pada tahap yang paling rendah untuk yang mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penghasilan tunai). Aset bukan kewangan, selain daripada muhibah, yang mengalami kerosotan disemak bagi keterbalikan yang mungkin ke atas kerosotan pada setiap tarikh pelaporan.

Kerosotan dicaj kepada penyata pendapatan melainkan ia menterbalikan penilaian semula sebelum ini, dalam hal mana ia dicaj kepada lebihan penilaian semula. Kerosotan atas muhibah tidak diterbalikkan. Berhubung dengan lain-lain aset, sebarang peningkatan berikutnya dalam jumlah boleh diperolehi semula diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan ia menterbalikkan kerugian kerosotan ke atas aset dinilai semula, dalam hal mana ia dimasukkan kepada lebihan penilaian semula.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2010

26 MAKLUMAT BERSEGMENT

Pelaporan bersegmen dibentangkan bagi penilaian dipertingkatkan ke atas risiko-risiko dan pulangan Kumpulan sebagai segmen perniagaan atau geografi yang berbeza daripada lain-lain segmen perniagaan dan geografi.

Segmen hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti adalah jumlah yang terhasil daripada kegiatan kendalian segmen yang secara langsung boleh dikaitkan kepada segmen dan perkadaran berkenaan yang boleh diperuntukkan atas dasar munasabah kepada segmen.

Segmen hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti ditentukan sebelum baki dalam kumpulan dan urusniaga dalam kumpulan dihapus kira sebagai sebahagian daripada proses penyatuan.

27 LIABILITI KONTIGEN

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti kontigen tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti kontigen adalah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa-peristiwa lepas yang kewujudannya akan disahkan melalui peristiwa-peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf disebabkan ia tidak berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi. Liabiliti kontigen juga timbul dalam keadaan-keadaan yang amat jarang sekali berlaku di mana liabiliti tidak boleh diiktiraf disebabkan ia tidak boleh dikira dengan agak tepat.

Dalam pengambilalihan anak-anak syarikat oleh Kumpulan di bawah kombinasi perniagaan, liabiliti kontigen diandaikan telah dikira pada mulanya pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira tahap mana-mana kepentingan minoriti.

Kumpulan mengiktiraf liabiliti kontigen secara berasingan syarikat-syarikat diambil alih sebagai sebahagian daripada memperuntukkan kos daripada kombinasi perniagaan di mana nilai saksamanya boleh dikira dengan agak betul. Di mana nilai saksama tidak boleh dikira dengan agak betul, kesan terhasil akan ditunjukkan dalam muhibah timbul daripada pengambilalihan dan maklumat mengenai liabiliti kontigen diambil alih dinyatakan dalam Nota kepada penyata kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, Kumpulan mengira liabiliti kontigen yang diiktiraf secara berasingan pada tarikh pengambilalihan pada jumlah yang lebih tinggi yang mungkin diiktiraf selaras dengan peruntukan-peruntukan FRS 137²⁰⁰⁴ dan jumlah yang diiktiraf pada awalnya tolak, di mana sesuai, pelunasan terkumpul diiktiraf selaras dengan FRS 118²⁰⁰⁴.

28 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN LADANG

Perbelanjaan pembangunan ladang terdiri daripada perbelanjaan penanaman baru yang ditanggung daripada pembersihan tanah sehingga ke masa penanaman. Perbelanjaan ini dipermodalkan dan tidak dilunaskan. Perbelanjaan penanaman semula, yang mewakili kos ditanggung dalam penanaman semula kawasan ditanam yang lama, dicaj kepada penyata pendapatan dalam tahun dalam mana ia ditanggung.

Perbelanjaan ladang tertentu anak-anak syarikat Syarikat telah dinilai semula pada 1997. Para Pengarah telah menerima pakai polisi penilaian semula yang kerap ke atas aset-aset sedemikian dan tiada penilaian terkemudian telah direkodkan.

29 ASET BUKAN SEMASA DIKELASKAN SEBAGAI ASET DIPEGANG UNTUK JUALAN

Aset bukan semasa dikelaskan sebagai aset dipegang untuk jualan, dan dinyatakan pada amaun dibawa dan nilai saksama yang mana lebih rendah tolak kos untuk menjual, sekiranya amaun dibawa diperolehi terutamanya melalui urus niaga jualan selain daripada melalui penggunaan berterusan.

30 TANAH PEGANGAN PAJAK

Tanah pegangan pajak yang pada kebiasaannya mempunyai hayat ekonomi pasti dan hak milik tidak dijangka akan beralih kepada pemegang pajakan sebelum akhir tempoh pajakan dianggap sebagai pajakan kendalian. Sewa pajakan prabayar dinyatakan pada kos atau jumlah dibawa pengganti dan dilunaskan atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajakan selaras dengan corak manfaat yang disediakan.

Tanah pegangan pajak dilunaskan sepanjang tempoh selebihnya daripada pajakan masingmasing berkisar dari 20 hingga 884 tahun.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2010

1 MAKLUMAT AM

Syarikat pada dasarnya terlibat dalam kegiatan pembinaan dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri daripada pembinaan, pembangunan harta tanah, pengilangan dan pengkuarian, operasi hotel, operasi lebuhraya bertol, operasi pelabuhan, peladangan dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan dalam Nota 55 kepada penyata kewangan.

Syarikat adalah sebuah syarikat liabiliti awam berhad, diperbadankan dan berdomisil di Malaysia dan tersenarai pada Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Alamat pejabat berdaftar Syarikat adalah Tingkat 2, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk dikeluarkan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah pada 26 Mei 2010.

2 ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN PENTING

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan oleh para Pengarah dan berdasarkan sejarah pengalaman dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan mengenai peristiwa-peristiwa masa hadapan yang dipercayai sebagai munasabah di bawah keadaan tersebut.

Kumpulan membuat anggaran dan andaian yang melibatkan masa hadapan. Anggaran perakuan terhasil akan, melalui tafsiran, jarang menyamai keputusan sebenar. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan material kepada amanah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya digarisbawang di bawah.

(a) Cukai pendapatan

Kumpulan tertakluk kepada cukai pendapatan dalam beberapa bidang kuasa. Pertimbangan penting diperlukan dalam menentukan eluan modal dan kebolehan ditolak perbelanjaan tertentu dalam anggaran peruntukan bagi cukai pendapatan. Terdapat banyak urus niaga dan pengiraan untuk yang mana penentuan cukai utama adalah tidak pasti dalam perjalanan biasa perniagaan. Di mana hasil cukai akhir ke atas perkara-perkara ini adalah berbeza daripada jumlah yang pada awalnya direkodkan, perbezaan sedemikian akan memberi kesan ke atas cukai pendapatan dan peruntukan cukai pendapatan tertunda dalam tempoh dalam mana penentuan dibuat.

(b) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh digunakan. Ini melibatkan pertimbangan berkaitan dengan prestasi kewangan masa hadapan entiti tertentu dalam mana aset cukai tertunda telah diiktiraf.

(c) Kontrak pembinaan

Kumpulan mengiktiraf keuntungan kontrak berdasarkan kaedah peringkat siap. Peringkat siap daripada kontrak pembinaan ditentukan berdasarkan perkadarannya bahawa kos kontrak yang ditanggung bagi kerja dilaksanakan sehingga kini tanggung berbanding jumlah kos yang dianggarkan bagi kontrak. Apabila ia berkemungkinan bahawa anggaran jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian dijangka ke atas kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta merta.

Pertimbangan penting diperlukan dalam anggaran jumlah kos kontrak. Di mana jumlah kos kontrak sebenar adalah berbeza daripada anggaran jumlah kos kontrak, perbezaan sedemikian akan memberi kesan ke atas keuntungan/(kerugian) kontrak yang diiktiraf.

Kumpulan telah menganggarkan jumlah hasil kontrak berdasarkan jumlah hasil permulaan yang dipersetujui dalam kontrak dan variasi dalam kerja kontrak dan tuntutan yang boleh diukur dengan tepat berdasarkan maklumat terkini yang boleh didapati, dan dalam ketiadaan maklumat sedemikian, anggaran terbaik para Pengarah diperolehi daripada andaian, pengalaman dan pertimbangan yang munasabah.

Di mana variasi dan tuntutan sebenar yang diluluskan adalah berbeza daripada anggaran, perbezaan sedemikian akan memberi kesan ke atas keuntungan/(kerugian) kontrak yang diiktiraf.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2010

(samb.)

2 ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN PENTING (samb.)

(d) Pembangunan harta tanah

Kumpulan mengiktiraf keuntungan pembangunan harta tanah dengan merujuk kepada peringkat siap kegiatan pembangunan pada tarikh kunci kira-kira. Peringkat siap ditentukan berdasarkan perkadarannya yang kos pembangunan harta tanah ditanggung sehingga kini berbanding dengan anggaran jumlah kos bagi pembangunan harta tanah. Di mana ia adalah berkemungkinan bahawa jumlah kos pembangunan harta tanah satu-satu fasa pembangunan akan melebihi jumlah hasil pembangunan harta tanah fasa pembangunan, kerugian dijangka ke atas fasa pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Pertimbangan penting diperlukan dalam anggaran jumlah kos pembangunan harta tanah. Di mana jumlah kos pembangunan harta sebenar adalah berbeza daripada anggaran jumlah kos pembangunan harta tanah, perbezaan sedemikian akan memberi kesan kepada keuntungan/(kerugian) pembangunan harta tanah yang diiktiraf.

(e) Pelunasan aset konsesi

Aset konsesi jalan Kumpulan dilunaskan sepanjang tempoh konsesi berdasarkan formula yang berikut:

$$\frac{\text{Volum trafik terkumpul sehingga kini}}{\text{Volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi}} \times \text{Perbelanjaan pembangunan lebuhraya ekspres}$$

Untuk menentukan jumlah volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi, Kumpulan bergantung pada tinjauan trafik yang dijalankan oleh firma perunding trafik bebas dan penilaian semula tahun para Pengarah terhadap jumlah volum trafik diunjurkan tahun semasa dan tahun-tahun hadapan. Sebarang perubahan dalam jumlah volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi akan memberi kesan kepada caj pelunasan bagi tahun.

(f) Peruntukan bagi hutang rugu

Kumpulan mengiktiraf peruntukan bagi hutang rugu apabila terdapat bukti objektif bahawa Kumpulan tidak dapat mengutip semua jumlah terhutang mengikut terma-terma asal penghutang.

Pertimbangan penting diperlukan dalam penilaian jumlah boleh dikutip semula penghutang khususnya berdasarkan persekitaran ekonomi semasa. Sehingga tahap yang perolehan semula berbeza daripada anggaran pengurusan, perubahan sedemikian mungkin mempunyai kesan material ke atas penyata pendapatan. Berdasarkan penilaian pengurusan, pengurusan percaya bahawa tahap peruntukan semasa bagi hutang rugu adalah mencukupi. Selain daripada itu, pengurusan juga mengawasi dengan ketat jumlah boleh dikutip semula penghutang-penghutang ini.

(g) Kerosotan aset

Kumpulan menentukan sama ada aset telah rosot dengan menilai tahap kepada mana jumlah boleh diperolehi semula aset adalah kurang daripada kosnya. Penilaian ini adalah tertakluk kepada perubahan seperti prestasi pasaran, keadaan ekonomi dan politik negara. Pelbagai kaedah digunakan untuk menentukan jumlah boleh diperolehi semula, seperti laporan penilaian dan aliran tunai didiskaunkan. Bagi aliran tunai didiskaunkan, pertimbangan ketara diperlukan dalam anggaran nilai semasa aliran tunai masa hadapan yang dihasilkan oleh aset-aset, yang melibatkan ketidakpastian dan secara ketara dipengaruhi oleh andaian-andaan yang digunakan dan pertimbangan dibuat berkaitan dengan anggaran aliran tunai masa hadapan dan kadar diskau. Perubahan-perubahan dalam andaian-andaan mungkin secara ketara menjelaskan keputusan ujian kerosotan aset Kumpulan.

3 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kegiatan Kumpulan mendedahkan Kumpulan kepada pelbagai risiko kewangan, termasuk risiko pertukaran mata wang asing, risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan dan aliran tunai. Objektif keseluruhan pengurusan risiko kewangan Kumpulan adalah untuk memastikan agar Kumpulan membentuk nilai bagi pemegang-pemegang sahamnya. Kumpulan menumpukan ke atas ketakbolehan diramal pasaran kewangan dan cuba untuk meminimumkan potensi kesan-kesan kurang baik ke atas prestasi kewangan Kumpulan. Pengurusan risiko kewangan dijalankan melalui kajian risiko, sistem kawalan dalaman, program insurans dan pematuhan kepada polisi-polisi pengurusan risiko kewangan Kumpulan. Pengurusan kerap mengkaji risiko-risiko ini dan meluluskan polisi-polisi perbendaharaan, yang meliputi pengurusan risiko-risiko ini.

Kumpulan menggunakan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak hadapan pertukaran mata wang asing dan kontrak swap kadar faedah untuk melindung nilai pendedahan tertentu, tetapi ia tidak berdagang dalam instrumen kewangan.

3 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb.)

Risiko pertukaran mata wang asing

Kumpulan beroperasi di peringkat antarabangsa dan terdedah kepada pelbagai mata wang, terutamanya Dolar Amerika Syarikat, Dolar Australia, Dolar Singapura, Dolar Hongkong, Renminbi China, Rupee India, Rupee Pakistan, Peso Argentina dan Dirham UAE. Aset dan liabiliti didenominasikan dalam mata wang asing bersama-sama dengan jangkaan aliran tunai daripada urusniaga-urusniaga dijangkakan didenominasikan dalam mata wang asing membawa kepada pendedahan pertukaran asing.

Kumpulan mengekalkan pelindung nilai semulajadi, bila-bila mungkin, dengan meminjam dalam mata wang negara dalam mana hartaan atau pelaburan terletak atau dengan meminjam dalam mata wang yang menyamai dengan aliran hasil pada masa hadapan yang akan diperolehi daripada pelaburannya. Pendedahan pertukaran asing dalam mata wang urusniaga selain daripada mata wang kefungsian daripada entiti kendalian dikekalkan pada tahap boleh terima.

Urus niaga dengan pendedahan mata wang asing penting adalah dilindung nilai, terutamanya dengan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak pertukaran asing hadapan.

Risiko kadar faedah

Pendapatan dan aliran tunai kendalian Kumpulan kebanyakannya bebas daripada perubahan dalam kadar faedah pasaran. Pendedahan kadar faedah timbul terutamanya daripada pinjaman dan deposit Kumpulan. Kumpulan menguruskan pendedahan kadar faedah dengan mengekalkan campuran berhemah kadar pinjaman tetap dan terapung. Instrumen-instrumen kewangan derivatif digunakan, di mana sesuai, untuk menghasilkan profil kadar faedah yang dihasratkan.

Risiko harga

Kumpulan menghadapi pendedahan kepada risiko daripada perubahan dalam hutang dan harga ekuiti. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan kerap menyemak risiko-risiko ini dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan potensi kesan risiko-risiko sedemikian.

Risiko kredit

Risiko kredit timbul apabila instrumen-instrumen derivatif digunakan atau jualan dibuat atas terma-terma kredit. Kumpulan mengawal risiko-risiko ini melalui penggunaan prosedur-prosedur kelulusan kredit, had dan pengawasan. Kumpulan juga meminimumkan pendedahannya dengan menganalisisi kedudukan kewangan sebelum menandatangani sebarang perjanjian/ontrak. Penghutang perdagangan diawasi atas dasar berterusan melalui prosedur-prosedur pelaporan pengurusan Kumpulan.

Penumpuan risiko kredit berhubung dengan penghutang perdagangan adalah terhad disebabkan bilangan pelanggan Kumpulan yang ramai, yang bertebar dalam spektrum industri dan perniagaan yang luas, selain daripada penumpuan risiko kredit berhubung dengan 'jumlah terhutang daripada Kumpulan Europlus Berhad ("KEB"), syarikat bersekutu dan syarikat-syarikat berkaitan dengan syarikat bersekutu. Kumpulan juga telah menjalankan penilaian ke atas dikutip baki terhutang daripad KEB dan syarikat-syarikat berkaitan KEB. Pengurusan percaya bahawa tidak ada risiko kredit tambahan yang melebihi jumlah dibenarkan bagi kerugian pengutipan sedia ada dalam penghutang perdagangan Kumpulan.

Selain daripada yang di atas, Kumpulan tidak mempunyai sebarang penumpuan ketara kepada mana-mana pelanggan individu atau pihak yang satu lagi tidak juga ia mempunyai sebarang penumpuan ketara ke atas risiko kredit berkaitan dengan mana-mana instrumen kewangan.

Risiko kecairan dan aliran tunai

Kumpulan secara aktifnya menguruskan profil kematangan hutang Kumpulan, aliran tunai kendalian dan ketersediaan pembiayaan untuk memastikan kesemua keperluan pembiayaan semula, bayaran balik dan pembiayaan dipenuhi. Sebagai sebahagian daripada keseluruhan pengurusan kecairan berhemah Kumpulan, Kumpulan mengekalkan tahap mencukupi bagi tunai atau pelaburan boleh ditukar kepada tunai untuk memenuhi keperluan modal kerjanya. Selain daripada itu, Kumpulan berusaha untuk mengekalkan ketersediaan kemudahan perbankan pada tahap munasabah kepada kedudukan keseluruhan hutang Kumpulan. Setakat mana yang boleh, Kumpulan cuba mendapatkan pembiayaan dikomitkan daripada kedua-dua institusi pasaran modal dan institusi kewangan dan secara berhemah mengimbangkan portfolionya dengan pendanaan jangka pendek untuk mencapai keberkesanan kos secara keseluruhan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2010

(samb.)

4 HASIL KENDALIAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Hasil kontrak pembinaan	1,366,068	1,745,486	139,617	190,870
Hasil pembangunan harta tanah	933,525	807,837	2,100	—
Jualan produk kuari dan produk di kilang	840,781	998,286	—	—
Jualan barang	104,494	238,961	—	—
Hasil konsesi tol	189,485	165,031	—	—
Hasil pelabuhan	116,677	102,851	—	—
Jualan minyak sawit mentah dan produk berkaitan perladangan	406,745	491,604	—	—
Perkhidmatan pengurusan	17,114	8,757	577	1,634
Pendapatan dividen	1,120	802	83,135	218,248
Sewa harta tanah	6,987	3,276	243	264
Pemberian perkhidmatan lain	30,534	38,403	—	—
	4,013,530	4,601,294	225,672	411,016

Maklumat tambahan mengenai hasil kendalian Kumpulan termasuk bahagian Kumpulan daripada hasil syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama adalah seperti berikut:

	2010 RM'000	2009 RM'000
Hasil kendalian Kumpulan	4,013,530	4,601,294
Bahagian hasil kendalian daripada:		
Syarikat-syarikat bersekutu	439,381	355,843
Entiti kawalan bersama	429,518	348,169
	4,882,429	5,305,306

5 KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN

- (a) Perbelanjaan berikut (tidak termasuk kos kewangan dan perbelanjaan cukai pendapatan) mengikut sifat telah didebitkan dalam mendapatkan keuntungan kendalian sebelum kos kewangan:

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Kos kontrak pembinaan	1,190,551	1,813,192	137,508	188,886
Kos pembangunan harta tanah	835,286	729,081	2,165	—
Kos produk kuari dan produk pdikilang dijual	628,738	778,616	—	—
Kos produk perladangan dijual	213,805	262,500	—	—
Kos operasi tol	57,694	55,834	—	—
Kos operasi pelabuhan	62,115	59,960	—	—
Kos pemberian perkhidmatan lain	71,911	4,665	—	—
Kos manfaat kakitangan	209,415	194,082	17,962	16,791
Hartanah, loji dan peralatan:				
- susut nilai	25 89,070	82,859	1,039	2,336
- penghapusan kira	25 1,834	1,476	—	—
- kerugian atas pelupusan		451	17	2
- kerosotan	25 2,086	338	—	—
Pelunasan tanah pegangan pajak	5,809	5,228	—	—
Hartanah pelaburan				
- susut nilai	27 3,564	1,884	129	129
- kerosotan	27 —	561	—	—
Sewa tanah dan bangunan	3,788	3,509	1,276	1,276
Sewa loji dan peralatan	18,466	24,028	—	—

5 KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN (samb.)

- (a) Perbelanjaan berikut (tidak termasuk kos kewangan dan perbelanjaan cukai pendapatan) mengikut sifat telah didebitkan dalam mendapatkan keuntungan kendalian sebelum kos kewangan: (samb.)

	Nota	Kumpulan 2010 RM'000	2009 RM'000	Syarikat 2010 RM'000	2009 RM'000
Pajakan pelabuhan dan lesen		3,829	3,829	—	—
Imbuhan juruaudit					
- audit berkanun	8	2,172	2,176	270	295
Tahun semasa					
Terkurang akruan berhubung dengan tahun-tahun terdahulu		123	429	—	—
Kerugian pertukaran asing:					
- tidak direalis		30,302	1,661	2,465	1,192
- direalis		2,153	887	—	—
Peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan disebut harga		82	2,581	46	1,780
Peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan tidak disebut harga		14,250	4	—	—
Kerosotan pelaburan dalam anak syarikat		—	—	1,035	11,880
Kerosotan pelaburan dalam syarikat bersekutu		—	15,455	—	13,445
Kerugian kerosotan ke atas tanah dipegang untuk pembangunan harta tanah	35(a)	845	2,649	—	—
Kerugian kerosotan ke atas kos pembangunan harta tanah	35(b)	3,689	—	—	—
Pelunasan aset konsesi	28	50,270	54,865	—	—
Pelunasan perbelanjaan pembangunan kuari	34	2,974	3,234	—	—
Pelunasan yuran lesen	34	—	157	—	—
Pelunasan buku pesanan pembinaan	34	3,284	3,283	—	—
Pelunasan diskauan ke atas terbitan bon	16	599	90	—	—
Pelunasan premium ke atas pengambilalihan sekuriti boleh pasar		49	218	—	—
Peruntukan bagi hutang rugu		22,851	4,366	46,039	—
Peruntukan bagi stok lapuk		—	245	—	—
Hutang lapuk dihapus kira		1,316	955	—	—
Stok bangunan dikurangkan nilai		757	4,383	—	—

Perbelanjaan kendalian langsung daripada harta tanah pelaburan yang menghasilkan pendapatan sewa bagi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan masing-masing berjumlah RM884,000 (2009: RM498,000) dan RM78,815 (2009: RM76,506).

Perbelanjaan kendalian langsung daripada harta tanah pelaburan yang tidak menjanakan pendapatan sewa bagi Kumpulan dalam tahun kewangan berjumlah RM275,000 (2009: RM259,000).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2010

5 KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN (samb.)

(b) Jumlah berikut telah dikreditkan dalam mendapatkan keuntungan kendalian sebelum kos kewangan:

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Dividen kasar diterima daripada:				
- anak-anak syarikat (disebut harga)	—	—	8,506	12,546
(tidak disebut harga)	—	—	63,147	204,188
- bersekutu (disebut harga)	—	—	—	325
(tidak disebut harga)	—	—	10,364	388
- lain-lain pelaburan (disebut harga)	1,178	2,408	1,118	801
Pendapatan faedah	78,954	50,467	70,967	69,276
Keuntungan pertukaran asing:				
- tidak direalis	81,546	7,274	2,386	115
- direalis	7,813	317	846	—
Keuntungan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	3,102	22,547	99	—
Keuntungan ke atas pelupusan tanah pegangan pajak	2,232	—	—	—
Keuntungan atas pelupusan aset dipegang untuk jualan	3,279	39,083	—	—
Pendapatan sewa daripada hartanah	10,531	11,155	243	264
Pendapatan sewa daripada loji, jentera, peralatan dan kenderaan	3,822	3,454	277	313
Hutang lapuk didapati semula	822	8	—	—
Kemasukan kira semula peruntukan bagi hutang ragu	1,614	36	—	—
Kemasukan kira semula peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan	1,864	41	1,187	—
Pelunasan geran kerajaan	24	5,083	4,421	—
Keuntungan atas pelupusan saham dalam anak-anak syarikat	12,388	—	54,232	254,000
Keuntungan atas pembubaran syarikat bersekutu	115	—	2,386	—
Keuntungan atas pelupusan pelaburan jangka pendek	11	74	11	54
Keuntungan atas pelupusan pelaburan jangka panjang	423	1,000	—	—
Pendapatan daripada amanah saham disebut harga	1,445	698	863	—
Muhibah negatif timbul daripada pengambilalihan anak-anak syarikat	—	117	—	—
Penepian hutang	—	598	—	—

6 KOS MANFAAT KAKITANGAN

Nota	Kumpulan		Syarikat		
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000	
23	Upah, gaji dan bonus Pelan persaraan caruman dinyatakan Pelan manfaat persaraan dinyatakan Lain-lain manfaat kakitangan	236,462	233,693	14,318	13,212
	24,904	24,716	2,000	2,220	
	1,087	1,247	—	—	
	14,991	13,320	1,644	1,359	
	277,444	272,976	17,962	16,791	
28	Tolak perbelanjaan dipermodalkan ke dalam:				
	- Aset konsesi	(66)	—	—	
	- Kos pembangunan harta tanah	(379)	(472)	—	
	- Perbelanjaan pembangunan ladang	(7,028)	(4,077)	—	
	- Kerja kontrak pembinaan dalam pelaksanaan	(60,556)	(74,345)	—	
	209,415	194,082	17,962	16,791	

7 IMBUHAN PARA PENGARAH

	Kumpulan		Syarikat		
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000	
Para Pengarah Syarikat:	Para Pengarah Syarikat: Yuran Pelan persaraan caruman dinyatakan Lain-lain emolumen	883 984 9,113	619 1,028 6,140	575 779 7,206	498 765 4,636
		10,980	7,787	8,560	5,899
	Para Pengarah anak-anak syarikat: Yuran Pelan persaraan caruman dinyatakan Lain-lain emolumen	426 1,072 9,845	181 887 6,142	— — —	— — —
		11,343	7,210	—	—

Anggaran nilai monetari manfaat bukan berupa wang yang diberi kepada Pengarah-pengarah Kumpulan dan Syarikat melalui penggunaan aset Kumpulan dan Syarikat dan penyediaan faedahfaedah lain dalam tahun kewangan masing-masing berjumlah sehingga RM1,625,000 (2009: RM337,000) dan RM432,000 (2009: RM134,000).

Butir-butir pelan caruman dan pelan manfaat dinyatakan Kumpulan dan Syarikat dikemukakan dalam Nota 23 kepada penyata kewangan.

Pengarah-pengarah Eksekutif dan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif tertentu Syarikat telah diperuntukkan waran di bawah Waran 2005/2010 (lihat Nota 14A(c)) dan Waran 2008/2013 daripada IJM Land Berhad, anak syarikat bagi Syarikat, selaras dengan tawaran untuk jualan Syarikat kepada semua kakitangannya yang layak seperti berikut:

Bilangan Waran 2005/2010 Syarikat				
Tarikh Tamat	Harga Pelaksanaan RM/Waran	Baki pada 1.4.2009	Dilupuskan	Baki pada 31.3.2010
22 Ogos 2010	4.80/4.77*/3.41**	440	(62)	(378)

Harga Pelaksanaan Waran 2005/2010 telah diselaraskan pada 19 Ogos 2008(*) dan 1 Oktober 2009(**) selaras dengan peruntukan Surat Ikatan Pol bertarikh 22 Jun 2005 membentuk Waran 2005/2010.

Bilangan Waran 2008/2013 IJM Land Berhad, anak syarikat				
Tarikh Tamat	Harga Pelaksanaan RM/Waran	Pada tarikh penerbitan pada 27.5.2009	Dilupuskan	Baki pada 31.3.2010
11 September 2013	1.35	3,005	(1,549)	—

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2010 (samb.)

8 IMBUHAN JURUAUDIT – AUDIT BERKANUN

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
PricewaterhouseCoopers Malaysia *	1,735	1,524	270	295
Lain-lain firma ahli				
PricewaterhouseCoopers International Limited *	433	604	–	–
Lain-lain juruaudit anak-anak syarikat	127	477	–	–
	2,295	2,605	270	295

* PricewaterhouseCoopers Malaysia dan lain-lain firma ahli PricewaterhouseCoopers International Limited adalah entiti undang-undang berasingan dan bebas.

9 KOS KEWANGAN

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Perbelanjaan faedah timbul daripada:				
- Pinjaman bank menanggung faedah	140,392	152,125	8,745	6,276
- Pendahuluan daripada anak-anak syarikat	–	–	2,518	2,952
- Sewa beli dan pemajakan	1,195	2,030	–	–
- Bon	46,550	56,719	–	–
- Surat Niaga Perdagangan dan Nota Berjangka Sederhana ("MTN")	33,047	25,149	24,751	11,283
- Pelunasan pinjaman sokongan kerajaan	6,771	9,292	–	–
- Lain-lain	11,590	9,368	2,289	899
	239,545	254,683	38,303	21,410
Tolak faedah dipermodalkan kepada:				
- Aset konsesi	28 (7,449)	(16,827)	–	–
- Kos pembangunan harta tanah	35(b) (25,701)	(13,215)	–	–
- Perbelanjaan pembangunan ladang	36(b) (4)	(35)	–	–
- Kontrak pembinaan kerja dalam pelaksanaan	44 (4,970)	(35,516)	–	–
	(38,124)	(65,593)	–	–
	201,421	189,090	38,303	21,410

10 PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Cukai semasa:				
- Cukai pendapatan Malaysia	163,698	123,755	10,456	54,262
- Cukai luar negeri	4,398	236	–	–
	168,096	123,991	10,456	54,262
Cukai tertunda (Nota 21)	(13,236)	2,712	517	650
	154,860	126,703	10,973	54,912

10 PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN (samb.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Cukai semasa:				
- Tahun semasa	158,588	131,229	10,579	52,463
- Manfaat daripada perbezaan sementara tidak diiktiraf sebelum ini	(1,942)	(3,322)	—	—
- Terkurang/(terlebih) akruan dalam tahun-tahun terdahulu (bersih)	11,450	(3,916)	(123)	1,799
	168,096	123,991	10,456	54,262
Cukai tertunda:				
- Pengasalan dan keterbalikan perbezaan sementara	(13,236)	2,712	517	650
	154,860	126,703	10,973	54,912

Penerangan mengenai hubungan antara perbelanjaan cukai pendapatan dan keuntungan sebelum cukai adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Keuntungan sebelum cukai	578,024	528,670	93,016	467,591
Cukai dikira pada kadar cukai Malaysia sebanyak 25% (2009: 25%)	144,506	132,168	23,254	116,898
Kesan cukai:				
- Kadar cukai berbeza di lain-lain negara	(3,354)	1,473	—	—
- Perbelanjaan tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai	25,249	23,467	15,720	7,137
- Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(16,608)	(15,228)	(27,878)	(70,922)
- Penggunaan insentif cukai	(4,223)	(13,878)	—	—
- Aset cukai tertunda tahun semasa tidak diiktiraf	33,458	12,471	—	—
- Penggunaan kerugian cukai tidak diiktiraf sebelum ini	(267)	(3,322)	—	—
- Penggunaan perbezaan sementara boleh ditolak tidak diiktiraf sebelum ini	(1,675)	—	—	—
- Bahagian keputusan entiti dikawal bersama dan syarikat bersekutu	(6,522)	(5,927)	—	—
Pengiktirafan aset cukai tertunda tidak diiktiraf sebelum ini	(26,973)	—	—	—
- Lain-lain	(181)	(605)	—	—
Terkurang /(terlebih) akruan dalam tahun-tahun terdahulu	11,450	(3,916)	(123)	1,799
Perbelanjaan cukai pendapatan	154,860	126,703	10,973	54,912

Termasuk dalam perbelanjaan cukai pendapatan Kumpulan adalah penjimatan cukai daripada penggunaan kerugian cukai seperti berikut:

Kerugian cukai:	Kumpulan	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Penjimatan cukai berpunca daripada penggunaan kerugian cukai dibawa ke hadapan untuk yang mana kredit berkaitan diiktiraf dalam tahun	267	3,322

Di bawah sistem cukai tier tunggal yang berkuat kuasa dari tahun taksiran 2008, syarikat-syarikat tidak diperlukan untuk mempunyai kredit cukai di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan, 1967 untuk tujuan bayaran dividen. Dividen dibayar di bawah sistem ini adalah dikecualikan cukai di tangan pemegang-pemegang saham.

Syarikat-syarikat dengan kredit Seksyen 108 pada 31 Mac 2010 boleh meneruskan untuk membayar dividen diperuntukkan sehingga kredit Seksyen 108 kredit habis atau 31 Disember 2013, yang mana lebih awal, melainkan mereka membuat pilihan untuk tidak mengambil kira kredit Seksyen 108 untuk membayar dividen tier tunggal di bawah peruntukan peralihan khas Akta Kewangan, 2007.

Tertakluk kepada persetujuan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, Syarikat mempunyai kredit cukai mencukupi di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan, 1967 dan pendapatan dikecualikan cukai untuk membuat bayaran dividen bersih sehingga RM243,900,000 (2009: RM256,129,000) daripada keuntungan tertahannya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2010

(samb.)

11 PEROLEHAN SETIAP SAHAM

(a) Asas

Perolehan asas setiap saham bagi tahun kewangan telah dikira berdasarkan keuntungan Kumpulan yang boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti biasa Syarikat bagi tahun kewangan dan purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan dalam tahun kewangan. Purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan telah diperolehi selepas mengambil kira Terbitan Bonus 2:5, dan pelaksanaan Waran 2005/2010 dan Waran 2009/2014.

	Kumpulan	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Keuntungan bersih boleh dikaitkan kepada pemegang ekuiti biasa Syarikat	332,580	290,212
	'000	'000
Purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan, asebagaimana dilaporkan sebelum ini	—	883,708
Perolehan asas setiap saham, sebagaimana dilaporkan sebelum ini (sen)	—	32.84
	Kumpulan	
	2010 '000	2009 '000 (Dinyatakan semula)
Purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan termasuk pelarasan bagi Terbitan Bonus 2:5	1,319,420	1,237,191
Perolehan asas setiap saham (sen)	25.21	23.46

(b) Dicairkan sepenuhnya

Perolehan dicairkan sepenuhnya setiap saham Kumpulan dikira dengan membahagi keuntungan Kumpulan yang boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti biasa Syarikat bagi tahun kewangan sebanyak RM332,580,000 (2009: RM290,212,000) dengan purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan diselaraskan untuk mengandaikan penukaran kesemua potensi kecairan saham biasa, iaitu Waran 2005/2010 dan Waran 2009/2014. Pengiraan dibuat untuk menentukan bilangan saham yang mungkin dapat dibeli pada harga pasaran (ditentukan sebagai purata wajaran harga saham tahunan saham-saham Syarikat) berdasarkan nilai monetari hak langganan yang terdapat pada Waran 2005/2010 dan Waran 2009/2014 belum dilaksanakan. Pengiraan ini bertindak untuk menentukan elemen "bonus" kepada saham biasa belum ditukar untuk tujuan pengiraan kecairan. Tiada pelarasan dibuat kepada keuntungan bersih bagi pengiraan.

	Kumpulan	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Keuntungan bersih boleh dikaitkan kepada pemegang ekuiti biasa Syarikat	332,580	290,212
	'000	'000
Purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan	1,319,420	883,708
Palarasan bagi Waran 2005/2010	7,503	—
Palarasan bagi Waran 2009/2014	11,856	—
Purata wajaran bilangan saham biasa bagi perolehan dicairkan setiap saham	1,338,779	883,708
Perolehan dicairkan setiap saham (sen)	24.84	N/A

N/A menunjukkan tidak berkenaan disebabkan Waran adalah anti kecairan dan oleh itu perolehan dicairkan setiap saham tidak dikira bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009.

12 DIVIDEN

Dividen diisyiharkan berhubung dengan tahun kewangan semasa adalah seperti berikut:

	Syarikat			
	2010	Jumlah dividen, tolak cukai RM'000	2009	Jumlah dividen, tolak cukai RM'000
	Dividen kasar setiap saham Sen		Dividen kasar setiap saham Sen	
Dividen interim, tolak 25% cukai	11.00	**	—	—
Dividen in-specie (dikecuali cukai) *	—	—	4.99	42,881
Dividen interim khas, tolak 25% cukai	—	—	25.00	160,641
Dividen interim kedua, tolak 25% cukai	—	—	5.00	35,199
	11.00	**	34.99	238,721

* Selaras dengan pengagihan 85,763,142 waran IJM Land Berhad ("IJMLB") berdasarkan satu (1) waran IJMLB bagi setiap sepuluh (10) saham IJM dipegang pada 4.99 sen setiap saham, diagihkan pada 15 September 2008.

** Jumlah dividen, tolak 25% cukai, akan ditentukan berdasarkan bilangan pemegang-pemegang saham yang layak untuk menerima dividen pada jam 5:00 petang pada 30 Julai 2010.

Pada 26 Mei 2010, para Pengarah telah mengisyiharkan dividen interim berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010 sebanyak 11% tolak 25% cukai untuk dibayar pada 24 Ogos 2010 kepada setiap ahli yang berhak untuk menerima dividen pada jam 5:00 petang pada 30 Julai 2010. Dividen interim pertama tidak diiktiraf dalam Penyata Perubahan dalam Ekuiti memandangkan ia telah diisyiharkan selepas akhir tahun kewangan.

Para Pengarah tidak mengesyorkan bayaran sebarang dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010 (2009: Tiada).

13 PELAPORAN BERSEGMENT

Kumpulan mempunyai segmen perniagaan utama berikut:

- | | |
|---------------------------------|---|
| (a) Pembinaan | - Kegiatan pembinaan |
| (b) Pembangunan harta tanah | - Pembangunan tanah yang dijadikan lot kosong, kediaman, komersil dan/atau bangunan perindustrian |
| (c) Pengilangan dan pengkuarian | - Pengeluaran dan jualan produk konkrit, dan kegiatan pengkuarian |
| (d) Perladangan | - Penanaman kelapa sawit |
| (e) Infrastruktur | - Operasi lebuh raya bertol |

Lain-lain operasi Kumpulan terdiri terutamanya daripada pemegangan pelaburan.

Hasil antara segmen terdiri daripada pemberian perkhidmatan pembinaan kepada segmen pembangunan harta tanah dan infrastruktur dan jualan produk pengilangan dan pengkuarian kepada segmen pembinaan. Urus niaga ini dijalankan atas termasuk dipersejuaui antara segmen-segmen.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2010

13 PELAPORAN BERSEGMENT (samb.)

(a) Pelaporan bersegmen – Segmen perniagaan

	Pembinaan RM'000	Pembangunan- hartanah RM'000	Pengilangan & pengkuarian RM'000	Perladangan RM'000	Infrastruktur RM'000	Pelaburan & lain-lain RM'000	Kumpulan RM'000
2010							
HASIL:							
Jumlah hasil	1,974,113	1,106,535	877,436	406,745	306,162	155,572	4,826,563
Tolak: Hasil antara segmen	(622,478)	(318)	(36,655)	–	–	(153,582)	(813,033)
Jumlah hasil segmen	1,351,635	1,106,217	840,781	406,745	306,162	1,990	4,013,530
KEPUTUSAN:							
Keputusan segmen	85,453	174,559	180,738	121,214	193,447	(6,713)	748,698
Kos kewangan	(83,789)	(4,160)	(7,476)	(4,409)	(101,587)	–	(201,421)
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu	5,658	1,724	1,116	34	11,144	–	19,676
Bahagian keputusan entiti kawalan bersama	23,568	(228)	–	(5,147)	(7,122)	–	11,071
Keuntungan sebelum cukai	30,890	171,895	174,378	111,692	95,882	(6,713)	578,024
Perbelanjaan cukai pendapatan							(154,860)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan							423,164
ASET BERSIH:							
Aset segmen	1,695,462	4,106,698	907,278	1,354,876	2,713,777	128,468	10,906,559
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	74,982	38,272	15,154	12,842	300,858	12	442,120
Pelaburan dalam entiti kawalan bersama	229,000	442,572	–	12,164	380,782	–	1,064,518
							12,413,197
Aset korporat tidak diperuntukkan							145,098
Jumlah aset disatukan							12,558,295
Liabiliti segmen	1,062,654	453,645	121,760	41,559	289,381	6,376	1,975,375
Instrumen menanggung faedah	1,043,370	519,053	91,298	186,000	1,773,219	–	3,612,940
Liabiliti korporat tidak diperuntukkan							400,371
Jumlah liabiliti disatukan							5,988,686
Geran kerajaan	–	–	–	–	–	112,250	–
							112,250

13 PELAPORAN BERSEGMENT (samb.)

(a) Pelaporan bersegmen – Segmen perniagaan (samb.)

	Nota	Pembi-naan RM'000	Pemba-ngunan-hartanah RM'000	Pengilangan & peng-kuarian RM'000	Per-ladangan RM'000	Infra-struktur RM'000	Pelaburan & lain-lain RM'000	Kumpulan RM'000
2010								
LAIN-LAIN								
MAKLUMAT:								
Perbelanjaan modal:								
- Hartanah, loji dan peralatan	25	7,522	8,360	25,210	95,119	12,309	39	148,559
- Tanah pegangan pajak	26	–	75	348	23,842	–	–	24,265
- Hartanah pelaburan	27	–	173,241	20	–	–	–	173,261
- Aset konsesi	28	–	–	–	–	218,414	–	218,414
- Perbelanjaan pembangunan ladang	36	–	–	–	42,050	–	–	42,050
								606,549
Susut nilai dicaj kepada penyata pendapatan:								
- Hartanah, loji dan peralatan	25	14,964	4,754	30,371	25,901	13,074	6	89,070
- Hartanah pelaburan	27	129	3,341	94	–	–	–	3,564
								92,634
Pelunasan:								
- Tanah pegangan pajak	26	232	1,731	1,066	1,874	85	821	5,809
- Aset konsesi	28	–	–	–	–	50,270	–	50,270
- Perbelanjaan pembangunan kuari	34	–	–	2,974	–	–	–	2,974
- Buku pesanan pembinaan	34	3,284	–	–	–	–	–	3,284
- Geran kerajaan	24	–	–	–	–	(5,083)	–	(5,083)
								57,254

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2010

13 PELAPORAN BERSEGMENT (samb.)

(a) Pelaporan bersegmen – Segmen perniagaan (samb.)

	Pembinaan RM'000	Pembangunan- hartanah RM'000	Pengilangan & pengkuarian RM'000	Perladangan RM'000	Infrastruktur RM'000	Pelaburan & lain-lain RM'000	Kumpulan RM'000
2009							
HASIL:							
Jumlah hasil	2,409,457	923,816	1,054,948	491,604	267,927	250,372	5,398,124
Tolak: Hasil antara segmen	(493,094)	–	(56,662)	–	–	(247,074)	(796,830)
Jumlah hasil segmen	1,916,363	923,816	998,286	491,604	267,927	3,298	4,601,294
KEPUTUSAN:							
Keputusan segmen	93,354	126,890	184,482	161,872	129,251	(293)	695,556
Kos kewangan	(74,162)	(876)	(12,146)	(3,741)	(98,165)	–	(189,090)
Bahagian keputusan bersekutu	9,419	1,485	(1,349)	2,596	1,673	5,222	19,046
